

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 1)
- Urusan Mesyuarat (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 2)

USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong

(Halaman 17)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat	Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S. (Dilantik)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Dilantik)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S. (Dilantik)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
"	Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
"	Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
"	Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
"	Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
"	Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun (Dilantik)
"	Tuan Haji Abdul Rahman bin Palit (Dilantik)
"	Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid (Kedah)
"	Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
"	Datuk Dr. Charlie Chau Lap Chang (Dilantik)
"	Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
"	Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
"	Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
"	Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
"	Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
"	Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
"	Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)

Yang Berhormat	Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
“	Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
“	Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
“	Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
“	Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
“	Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
“	Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
“	Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae (Dilantik)
“	Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)
“	Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
“	Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
“	Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
“	Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram (Dilantik)
“	Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
“	Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
”	Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
“	Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
“	Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
“	Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
”	Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
“	Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
“	Tuan M. Ratnam (Dilantik)
“	Tuan M. Saravanan (Dilantik)
“	Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
“	Tuan R. Sinniah (Dilantik)
“	Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
“	Puan See Too Mee (Johor)
“	Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
“	To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
“	Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)

Yang Berhormat	Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
“	Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
“	Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
“	Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
”	Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
“	Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Negara**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Haji Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd.
Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 10 April 2002****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat
Kepada Dewan Negara**

9 April 2002

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2001;
2. Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2002;
3. Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2002;
4. Rang Undang-undang Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002; dan
5. Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2002.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT".

URUSAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan R. Sinniah** minta Menteri Penerangan menyatakan baru-baru ini, banyak iklan mengenai barang-barang perubatan, vitamin dan pelbagai krim-krim kulit disiarkan di radio, barangan tersebut juga mudah diperolehi oleh pengguna. Akan tetapi ramai yang tertipu dengan pembelian barang-barang tersebut berdasarkan iklan-iklan yang disiarkan. Oleh yang demikian, sebelum sesuatu produk diiklankan, Kementerian seharusnya memastikan bahawa produk tersebut mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan untuk memastikan barangan tersebut berkualiti.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, iklan sesuatu barangan atau produk yang disiarkan melalui RTM adalah yang dibenarkan di bawah Kod Pengiklanan. Di bawah kod ini barangan yang mempunyai dakwaan perubatan yang diwajibkan mendapat kelulusan Lembaga Iklan Ubat, Kementerian Kesihatan, sebelum diluluskan untuk siaran. Kementerian Penerangan sentiasa memantau siaran-siaran iklan televisyen termasuk di radio untuk memastikan kesesuaiannya. Walau bagaimanapun, iklan-iklan yang disiarkan di stesen TV dan radio swasta tidak diliputi oleh Kod Pengiklanan Kementerian Penerangan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Kementerian Penerangan, mengenai dengan iklan atau siaran yang dibuat melalui RTM ini, kadangkala saya kurang faham apakah matlamat dan maksud RTM untuk menyiarkan klip-klip video yang kadangkala ada pemimpin yang mengata atau mengeluarkan kata-kata buruk seperti 'barua', ada yang mengatakan pemimpin kita penggembala babi dan sebagainya. Saya minta penerangan daripada Yang Berhormat tentang siaran itu. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan terima kasih di atas pertanyaan ini yang memberikan peluang kepada saya untuk menjelaskan motif yang sebenarnya. Saya percaya apa Yang Berhormat maksudkan ialah klip yang menunjukkan yang saya rasa berat juga untuk saya menyebutkan perkataannya iaitu mengatakan seorang menteri agama kita sebagai 'barua', dengan memegang Al-Quran seperti yang kita lihat di TV. Di hadapan Al-Quran menyebutkan perkataan 'barua'.

Menurut kamus Dewan Bahasa perkataan 'barua' adalah perkataan yang menghina, dan kalau orang Kedah maksud 'barua' (*pimp*) iaitu 'tukang cari perempuan' kepada orang kaya dan sebagainya. Itu ertinya perkataan barua. Walau apa pun justifikasi yang cuba dicari tetapi itulah makna yang telah difahami oleh seluruh rakyat negara ini walaupun ada pihak yang cuba untuk menjustifikasikan sebutan ini. Tidak sama sekali sama dengan perkataan 'haprak'.

Demikian juga kita telah melihat dalam sehari dua ini dan saya akan teruskan sehingga termasuk dalam pemikiran rakyat bahawa itulah kata-kata yang telah disebutkan oleh orang-orang yang dianggap sebagai ulama iaitu mengatakan 'Pak Lah jual babi, jaga babi.' Kita akan siarkan 'Pak Lah jaga babi.' Dia nafikan dahulu. Tanpa sebarang tambahan, itulah kata-katanya, tidak ada apa-apa tambahan. Tetapi tujuan kita ialah apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri dahulu seolah-olah perkara itu tidak benar. Kita kata mereka menggunakan perkataan 'Firaun', maki hamun - orang tidak percaya, seolah-olah orang Barisan Nasional mengatakan ini mereka kata - tetapi sekarang tujuan kita ialah kita dedahkan apa yang mereka katakan.

Mereka sebenarnya katakan perkataan-perkataan yang buruk di sebalik serban yang besar dan janggut yang panjang, mereka mengeluarkan kata-kata yang tidak manis yang tidak seharusnya disebutkan oleh ulama-ulama, yang tidak terfikir oleh kita bahawa ulama-ulama akan mengeluarkan perkataan yang seumpama ini. Kita dedahkan mereka. Selaku tanggungjawab RTM, kita akan mendedahkan banyak lagi supaya rakyat dapat melihat siapakah ulama yang muktabar, siapakah ulama politik, siapakah ulama sebagai hanya penjual ubat. Kita akan dedahkan.

Mereka tidak menyedari bahawa perkataan itu cemar, perkataan itu tidak elok, mereka tidak sedar sebab mereka tidak melihat sendiri mereka yang mengatakan itu. Tetapi bila kita keluarkan, mereka merasa itu tidak elok. Ini adalah dalam usaha kita untuk menyedarkan generasi muda, anak-anak muda bahawa apa yang baik, apakah ulama yang bersih, apakah ulama yang sebenar, apakah yang baik untuk tatasusila

hidup bagi generasi masa depan. Kita tidak mahu mereka dikotori oleh fikiran-fikiran yang jumud seumpama ini. Itu maksud kita. Niat kita adalah baik.

Saya suka memberitahu bahawa CD yang mengatakan 'barua' itu dijual di pasar-pasar di Kelantan. Setelah kita dedah mereka tarik balik sekarang. Boleh dibeli! Saya ada, saya tidak bawa. Ia dijual di pasaran secara haram seolah-olah itu perkara-perkara yang bagus untuk didengar. Tetapi apabila kita siarkan, mereka tarik balik serta merta. Kalau perkataan 'barua' itu perkara biasa, kenapa jualan itu ditarik balik? Kenapa kita sensitif? Kenapa kita marah? Kenapa dipertahankan dalam Parlimen kemudian dimarahi menjadi satu perkara yang besar?

Ini tujuan kita, kita akan dedahkan, kita pisahkan ulama muktabar. Selama ini banyak mufti yang tidak tahu dan tidak percaya kepada hal ini, banyak orang tidak percaya, tetapi ada mufti yang 'berastaghfar' melihat seorang yang memegang Al-Quran, memakai kopiah putih, di hadapan sebagai khatib membaca kutbah menyebutkan perkataan 'barua', 'ulama terompah kayu.' Mereka merasakan mereka bukan 'terompah kayu', mereka memisahkan. Inilah perbezaan.

Ulama-ulama UMNO telah dikecam dari masa ke semasa, mereka pisahkan seolah-olah apabila mereka menang di Kelantan mereka mengatakan "Malaikat telah bersama kami". Dato' Nik Aziz kata "Malaikat telah bersama kami." Tetapi bagaimana dengan kemenangan BN di tempat lain? Apakah malaikat tidak bersama kita? Ini pemikiran yang sempit, jumud! Ini harus kita sedar, melihat *inward-looking introvert*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Ini kita mesti dedahkan, kita mesti bangunkan kesedaran. Itu matlamat utama kita. Kita sedarkan rakyat, kita sedarkan jiran kita supaya jangan dirosakkan oleh pemikiran yang tertutup, yang tidak terbuka minda dapat melihat antara yang baik dan yang buruk. Kita mesti perang! Inilah jihad yang paling suci yang harus kita teruskan, kita buka minda rakyat. Itulah maksud kita.

Jadi, saya tidak mahu meneruskan, tetapi saya telah jelaskan, saya harap perkara ini jelas dan banyak lagi kita akan dedahkan. Untuk sementara ini kita dengarkan Yang di-Pertua PAS - seorang ulama kelulusan Azhar - menyatakan 'Pak Lah jaga babi'. Kita dengarkan nanti.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berasaskan kepada jawapan pada soalan asal iaitu memandangkan media memainkan satu peranan yang begitu penting sama ada siaran, iklan akbar dan sebagainya dan kalau didapati hanya media di bawah kerajaan yang perlu mendapat kelulusan daripada pihak-pihak tertentu sebelum sesuatu iklan itu boleh dikeluarkan, adakah Kementerian bercadang supaya kawalan yang dikatakan sekarang tidak melibatkan pihak-pihak swasta, adakah Kementerian bercadang supaya kawalan itu juga dipanjangkan kepada pihak-pihak itu? Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih. Saya suka menjelaskan bahawa inilah suatu *beauty*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam amalan demokrasi Malaysia, iaitu kita memang ada satu majlis dengan pihak-pihak radio swasta yang dipengerusikan oleh Menteri Penerangan sendiri. Apabila kita melihat ada sesuatu yang tidak kena - kita ada mesyuarat sebulan sekali - kita timbulkan dalam mesyuarat ini. Umpamanya kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingat tentang penyiaran gambar Hindustan yang melampaui batas semasa hari raya tahun sebelum ini. Itu telah menimbulkan rasa tidak senang, kita panggil - itu cara kita - dan kebanyakannya alhamdulillah, dan akhirnya mereka akan patuh dan mereka tarik balik.

Tetapi teguran dibuat sebab inilah secara formulasi ataupun cara kita *operate* negara ini daripada dahulu di zaman Tunku sampai sekarang. Kita tidak kata 'jangan' tetapi kita ada cara yang demokratik, kita waraskan pemikiran-pemikiran pihak yang telah diberikan tanggungjawab ini. Dan bagi pihak RTM saya suka juga menjelaskan kalau iklan itu kita rasakan walaupun dalam batas-batas yang dibenarkan tetapi kita rasa umpamanya barangkali pihak kaum Hindu sendiri yang rasa tidak senang, mereka telefon kita beritahu dan kita melihat ada justifikasinya dan banyak iklan yang karut yang disungutkan oleh pihak orang-orang India sendiri, kita ambil langkah kita sendiri, kita batalkan. Banyak iklan kalau dimaklumkan kita telah batalkan.

Demikian juga ada satu iklan tentang boleh kempis perut. Orang perempuan jangan cepat percaya perkara ini. Dengan mengurus sahaja, saya tidak ingat apa iklan itu. - Kayla? Orang perempuan cukup mudah terpengaruh dengan perkara-perkara ini.

Saya minta maaf. Kenapa begitu mudah hendak kempis perut? Kalau hendak kempis perut pergilah *exercise*! Bukan dengan mendengar iklan ini pergi beli ubat dengan serta merta. [Ketawa] Jangan percaya, saya kata ini macam bomoh, ini bomoh moden yang lahir menerusi iklan. Kita harus hati-hati. Kita sensitif terhadap perkara ini, RTM tidak siarkan. Saya mintalah juga stesen-stesen swasta janganlah siarkan iklan-iklan karut, cantik dengan serta merta ini semua banyak bohong. Jangan percaya, saya tidak takut dalam soal ini, yang penting ialah kepentingan rakyat, kepentingan wanita. Iklan-iklan yang memperbodohkan wanita itu harus kita tentang bersama.

2. **Puan Chia Chui Ket** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejak Kerajaan memperkenalkan skim insentif untuk menarik minat golongan profesional Malaysia kembali ke tanah air beberapa tahun yang lalu:-

- (a) berapa ramaikah pakar-pakar dalam bidang perubatan yang telah menyahut seruan ini dan berapa ramaikah pemohon-pemohon berkenaan yang benar-benar telah kembali ke tanah air; dan
- (b) adakah jawatankuasa berkenaan telah memberikan jangka masa tertentu untuk memproses permohonan-permohonan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]: Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan program menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran di luar negara pulang ke Malaysia. Program ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2000. Objektif program ini adalah bertujuan menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran pulang untuk menampung keperluan tenaga berkepakaran dalam negara dengan diberikan beberapa insentif tertentu.

Antara insentif yang disediakan bagi pemohon yang diluluskan melalui program ini adalah:

- (i) pendapatan yang di bawa balik dikecualikan daripada cukai pendapatan dengan syarat ianya dibawa balik dalam tempoh dua tahun dari tarikh tiba di Malaysia;
- (ii) semua barangan persendirian yang dibawa balik dikecualikan daripada cukai termasuk dua buah kereta dikecualikan dari duti import dan cukai jualan dengan syarat didaftarkan sekurang-kurangnya enam bulan di negara pemohon menetap;
- (iii) isteri atau suami dan anak yang bukan warganegara Malaysia diberi taraf bermastautin tetap dalam tempoh enam bulan selepas balik ke Malaysia;

Berkenaan dengan bahagian (b) soalan tersebut, Kementerian Sumber Manusia adalah urusetia bagi program ini. Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan salah satu agensi kerajaan yang menganggotai jawatankuasa program ini. Jawatankuasa telah meluluskan bidang-bidang kepakaran yang dianggap akan menampung keperluan negara dengan mendapat cadangan dan nasihat dari kementerian berkenaan.

Kementerian Kesihatan telah menyenaraikan bidang perubatan, bidang pergigian, bidang farmasi di dalam senarai bidang kepakaran ini. Bagi kementerian lain bidang kepakaran yang disenaraikan adalah seperti jurutera, akauntan, arkitek, saintis, ekonomis, pakar kewangan dan pelaburan dan lain-lain lagi.

Sehingga 15 Januari 2002 sebanyak 32 permohonan pegawai perubatan yang bekerja di luar negara telah diluluskan untuk kembali berkhidmat di Malaysia dengan mendapat insentif yang ditetapkan di bawah program ini. Daripada 32 orang yang diluluskan dalam program ini seramai sembilan orang telah kembali ke Malaysia. Jawatankuasa telah menetapkan tempoh selama satu tahun dari tarikh lulus permohonan untuk pemohon memproses urusan kemasukan ke negara Malaysia berserta insentifnya. Mana-mana permohonan yang telah luput tarikh sah laku dianggap pemohon tidak lagi berminat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Melanie Chia Chui Ket.

Puan Melanie Chia Chui Ket: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kami difahamkan di negara kita Malaysia masih kekurangan doktor, di dalam bidang kepakaran manakah kita menghadapi kekurangan doktor-doktor pakar dan adakah kerajaan menyediakan insentif atau biasiswa kepada doktor-doktor tempatan untuk keluar negeri bagi mengikuti latihan-latihan. Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah kekurangan doktor pakar ini kerajaan telah mengambil beberapa langkah di antaranya untuk menggalakkan lebih banyak lagi doktor-doktor tempatan untuk mengikuti kursus-kursus kepakaran di dalam universiti-universiti tempatan dan pada setiap tahun kita mengambil lebih kurang 400 orang untuk mengikuti kursus-kursus kepakaran di dalam negara.

Di samping itu kita juga menggalakkan doktor-doktor pakar untuk mengikuti bidang subkepakaran yang di mana kerajaan memberikan biasiswa untuk membolehkan mereka mendapat latihan daripada dari luar negeri dan di mana dia ditaja sepenuhnya oleh kerajaan.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, iaitu bagaimanakah pihak kementerian boleh meluluskan penamatan perkhidmatan pegawai-pegawai perubatan dan pergigian dari tugas mereka di hospital kerajaan dan juga di klinik-klinik pergigian, sedangkan di tempat-tempat tersebut kekurangan tenaga-tenaga pegawai berkenaan. Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tidak faham tentang perkara pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Puan Safinah binti Jusoh: Maksud saya, ada pegawai-pegawai pergigian itu boleh berhenti daripada bertugas untuk membuka klinik-klinik swasta sedangkan di klinik-klinik berkenaan kekurangan tenaga mereka.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang perubatan dan juga di bawah undang-undang pergigian yang kita ada, kita memang, seseorang doktor, yang kelulusan doktor ataupun pergigian itu memang diwajibkan untuk berkhidmat selama tiga tahun dengan kerajaan selepas menjalani tempoh latihan dan selepas itu kita tidak boleh mengikat mereka untuk terus berkhidmat, kerana ini kita perlu memberi kebebasan kepada mereka sama ada mereka hendak memilih terus berkhidmat dengan kerajaan ataupun pihak swasta.

Tapi saya rasa itu bukan satu masalah yang besar bagi kita, kerana kita mempunyai graduan yang telah lebih banyak lagi keluar daripada universiti-universiti tempatan dan juga dari luar negara dan di masa-masa akan datang, saya percaya bila di pihak swasta sudah terlalu banyak doktor perubatan ataupun doktor pergigian, saya rasa mereka tidak akan lagi pergi ke sana dan terus kekal di kementerian. Kementerian juga akan terus memberi insentif yang lebih menarik untuk mengekalkan mereka di dalam kementerian.

3. **Tuan Zakaria bin Arshad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pekerja asing yang masih meneruskan pekerjaan mereka di negara ini. Bagaimanakah sikap kerajaan terhadap pekerja asing dan apakah langkah jangka panjang Kerajaan untuk mengurangkan kehadiran mereka ini pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berikut kerana semua soalan ini adalah berkaitan dengan soalan yang dikemukakan hari ini iaitu:

- Yang Berhormat Tuan Yew Tuan Chiew pada 10 April,
- Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak pada 10 April,
- Yang Berhormat Puan See Too Mee pada 11 April,
- Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan pada 11 April,
- Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani pada 11 April,
- Yang Berhormat Puan Nosimah binti Hashim pada 15 April,

- Yang Berhormat Datuk Ghazi Haji Ramli pada 15 April,
- Yang Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh pada 16 April,
- Tuan Zainal Rampak pada 16 April,
- Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh pada 16 April,
- Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd Sultan pada 17 April,
- Yang Berhormat Puan Melanie Chia Chui Ket pada 17 April,
- Yang Berhormat Tuan Ratnam a/l Muthiah pada 17 April,
- Yang Berhormat Dato' Poo Yew Choy pada 18 April,
- Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten pada 22 April dan
- Yang Berhormat Tuan Saravan a/l Murugan pada 23 April

Memandangkan dasar baru kerajaan berkenaan dengan pengambilan pekerja asing maka saya mintalah jasa baik Tuan Yang di-Pertua untuk memperuntukkan sedikit masa bagi jawapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dasar terbaru kerajaan mengenai negara-negara sumber yang dibenarkan bagi pengambilan pekerja asing adalah seperti berikut:

- (i) Thailand, Kemboja, Nepal, Myanmar, Laos, Vietnam dan Filipina, – lelaki – bagi sektor perkilangan, pembinaan, perladangan dan perkhidmatan;
- (ii) Uzbekistan, Turkmenistan dan Kazakhstan bagi sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan;
- (iii) India bagi sektor perladangan dan perkhidmatan, tukang masak di restoran yang terletak di bandar-bandar utama di Lembah Klang, Ipoh, Pulau Pinang, Seberang Perai, Melaka, Johor Bahru dan Seremban serta *High Tension Cable*; dan
- (iv) Indonesia bagi sektor perladangan sahaja.

Dalam hal ini bukanlah menjadi dasar kerajaan untuk membenarkan majikan menggaji buruh yang diperlukan dari mana-mana negara, berdasarkan kepada semata-mata kebolehpercayaan dan kemampuan terhadap calon-calon melainkan dari negara-negara sumber yang dibenarkan sahaja.

Dasar mengenai pekerja asing di buat mengambil kira faktor ekonomi, keperluan semasa dan keselamatan negara. Bilangan pekerja asing yang sah dengan dikeluarkan pas lawatan kerja sementara hingga tahun 2001 mengikut sektor dan warganegara adalah seperti berikut; bagi pembantu rumah - 155,883; perkilangan - 283,401; perladangan - 214,595; pembinaan - 60,197; perkhidmatan - 55,309; dan lain-lain – 181 dan semua ini berjumlah 769,566 orang.

Mengikut kewarganegaraan pula Tuan Yang di-Pertua, bagi warganegara Indonesia – 566,983; Bangladesh - 105,744; Filipina – 17,287; Thailand – 2,440; Pakistan – 2,218; dan lain-lain 74,894 dan berjumlah juga 769,566.

Tuan Yang di-Pertua, setiap pekerja asing yang bekerja di negara ini disyaratkan membayar levi sebagaimana berikut;

- (i) di Sabah dan Sarawak bagi pembantu rumah dan sektor perladangan sebanyak RM360.00 setahun dan lain-lain sektor ialah RM960.00 setahun;
- (ii) bagi Semenanjung Malaysia pembantu rumah dan sektor perladangan sebanyak RM360.00 setahun dan bagi lain-lain sektor ialah RM1,200.00 setahun.

Bayaran proses yang dikenakan bagi seluruh negara ialah RM10.00 bagi pembantu rumah dan sektor perladangan manakala lain-lain sektor ialah RM50.00.

Kadar levi yang dikenakan adalah berpatutan dan kerajaan tidak berhasrat untuk mengurangkan levi ini lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pekerja asing yang bekerja secara sah, ramai pendatang tanpa izin yang masuk ke negara ini dan bekerja secara tidak sah. Ini adalah kerana pembangunan ekonomi, suasana politik yang stabil mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak dan upah yang lumayan ditambah pula dengan kegawatan ekonomi pergolakan politik serta suasana negara yang tidak stabil, peluang pekerjaan yang terhad dan kadar pengangguran yang tinggi di negara asal.

Bentuk muka bumi Malaysia yang mempunyai pantai yang panjang, berpayau, hutan bakau, berbukit bukau dan bersempadan dengan beberapa negara jiran memudahkan kemasukan pendatang tanpa izin. Kehadiran pendatang tanpa izin ini boleh mengancam keselamatan negara implikasi sosial, penyakit berjangkit dan pembukaan kawasan setinggan yang tidak terkawal.

Bilangan pendatang tanpa izin yang sebenar tidak diketahui, kerana mereka ini masuk melalui pintu-pintu masuk yang tidak diwartakan. Walau bagaimanapun jumlah pendatang tanpa izin yang ditangkap melalui operasi-operasi yang dijalankan oleh agensi-agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, RELA dan pihak berkuasa tempatan bagi tahun 2001 adalah 158,420 orang. Setiap pendatang tanpa izin yang ditangkap akan diusir pulang ke negara asal dengan seberapa segera yang mungkin. Statistik pengusiran pendatang tanpa izin mengikut kewarganegaraan bagi tahun 2001 adalah seperti berikut; bagi Indonesia - 120,770; India - 4,590; Bangladesh - 3,486; Mnyamar - 7,436; Thailand - 3,483; Lain-lain - 2,022 yang berjumlah 142,787.

Bagi tahun ini hingga Februari, Tuan Yang di-Pertua 17,049 orang telah pun ditangkap, ditahan di Depot Imigresen dan sedang menunggu pengusiran. Jumlah kos yang ditanggung oleh kerajaan bagi penghantaran balik pendatang tanpa izin ke negara asal adalah seperti berikut; pada tahun 1999 – RM 2,577,199; bagi tahun 2000 – RM6,259,432; bagi tahun 2001 – RM7,566,205. Penghantaran pulang pendatang tanpa izin terutama ke Indonesia boleh dikatakan berjaya dan mencapai matlamat sebagaimana dikehendaki oleh kerajaan.

Jumlah pendatang tanpa izin yang masuk semula dalam tempoh 21 hingga 48 jam setelah di hantar pulang adalah amat sedikit dan ini kebanyakannya berlaku semasa penghantaran pulang di buat ke Pelabuhan Dumai kerana kedudukannya yang berdekatan dengan Malaysia. Walau bagaimanapun penghantaran pulang ke Pelabuhan Dumai telah pun diberhentikan.

Kejadian rusuhan di kalangan pekerja asing dan pendatang tanpa izin di tempat kerja atau depot-depot imigresen memperlihatkan budaya negatif di kalangan mereka. Antara sebab yang menyebabkan mereka merusuh ialah pelanggaran syarat atau kontrak kerja oleh majikan, tempoh tahanan yang agak lama akibat dari kesulitan mendapatkan dokumen perjalanan untuk tujuan pengusiran ataupun ditipu oleh ejen ataupun sindiket yang membawa mereka masuk dan tempat tahanan yang sesak.

Bagi membendung kemasukan pendatang tanpa izin daripada berleluasa, kerajaan telah pun mengambil tindakan tegas terhadap tekong laut dan tekong darat yang menjadi dalang kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini. Statistik tangkapan tekong laut dan tekong darat di bawah Seksyen 55A Akta Imigresen 1959 bagi tahun 1999 hingga 2002 iaitu hingga bulan Februari adalah berjumlah 148 orang. Jumlah majikan atau pelindung yang telah pun diambil tindakan oleh kerana mengambil pendatang tanpa izin bekerja atau melindungi mereka bagi bulan Januari 2002 ialah seramai 161 orang. Kesalahan yang dilakukan ialah di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959 iaitu menggaji pekerja asing yang tidak memiliki pas kerja yang sah dan Seksyen 56 subseksyen 1, subseksyen D – Akta yang sama iaitu melindungi pendatang tanpa izin seramai 154 orang.

Bagi menangani masalah pendatang tanpa izin dengan lebih berkesan, kajian telah pun dijalankan untuk meminda Akta Imigresen bagi mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap pendatang tanpa izin dan juga majikan serta orang yang melindungi pendatang tanpa izin. Kerajaan juga memandang serius agar gejala anggota penguat kuasa yang terlibat dengan rasuah dalam menangani masalah pendatang tanpa izin iaitu dengan mengambil tindakan tegas terhadap mereka. Bilangan pegawai dan anggota penguat kuasa iaitu polis yang ditangkap sejak tahun

2000 kerana terlibat dengan gejala rasuah melibatkan pendatang tanpa izin adalah seramai 21 orang.

Pemantauan dari masa ke semasa juga dijalankan di pos-pos pemeriksaan terhadap pegawai dan anggota yang berkemungkinan terlibat dengan gejala ini. Sehubungan dengan itu, sekiranya orang awam mempunyai sebarang maklumat mengenai salah laku anggota penguat kuasa dalam perkara ini, mereka diharapkan dapat melaporkan kepada pihak yang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, peratusan penglibatan warganegara asing dalam kegiatan jenayah kekerasan dan jenayah harta benda adalah kecil iaitu dalam lingkungan 2% daripada jumlah keseluruhan jenayah tersebut. Walau bagaimanapun, jenayah yang dilakukan adalah seperti bunuh, samun, mendatangkan kecederaan, rogol dan pecah rumah. Sekian dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberikan jawapan yang begitu jelas dan padat. Walau bagaimanapun, saya ingin mengemukakan soalan tambahan. Saya percaya salah satu daripada sebab mengapa mungkin ada pendatang-pendatang masuk ke negara kita secara haram adalah disebabkan oleh prosedur yang sulit. Jadi adakah pihak Kementerian bercadang untuk memudahkan lagi prosedur bagi permohonan pekerja asing masuk ke negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat. Pada pendapat Kementerian Dalam Negeri, prosedur yang sedia ada amatlah mudah bagi pemohon-pemohon yang ingin mendapatkan pekerja asing dari negara yang lain tetapi negara-negara yang telah pun disebut oleh saya tadi merupakan negara-negara sumber utama dan hanya pekerja-pekerja asing dari negara-negara tersebut dapat diambil oleh pemohon-pemohon.

Berbalik kepada prosedur permohonan untuk mendapat pekerja asing, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada awal tahun ini dan semasa mengumumkan dasar-dasar baru mengenai pengambilan pekerja asing telah pun mengarahkan supaya prosedur yang sedia ada ini walaupun sudah senang diikuti dan mudah difahami oleh semua pemohon tetapi beliau telah pun meminta supaya Kementerian Dalam Negeri termasuk dengan Jabatan Imigresen mempercepat proses untuk kelulusan ataupun kita tolak. Maksudnya dalam masa tidak melebihi satu bulan, pemohon akan diberitahu sama ada berjaya atau tidak. Sekian.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah Kementerian bercadang untuk pengambilan pekerja asing melalui agensi tempatan dan kenapa KDN tidak dapat membendung kemasukan pendatang tanpa izin dan adakah KDN merancang supaya pelindung dan tekong pendatang tanpa izin dibuang daerah ataupun masuk ke ISA selain daripada denda? Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya hanya sektor pembantu rumah yang mempunyai agensi tempatan di mana agensi-agensi ini diberikan permit untuk membantu dalam merekrut pembantu-pembantu rumah dari Indonesia atau Filipina. Selain daripada itu, bagi sektor-sektor lain, tidak dibenarkan agensi tempatan untuk membantu, sebab pernah berlaku begitu banyak masalah rasuah, masalah salah gunakan kuasa dan juga lain-lain masalah yang dihadapi oleh pihak imigresen.

Oleh yang demikian, kerajaan tidak pernah mengeluarkan permit untuk agensi-agensi tempatan dalam membantu merekrut pekerja dari negara asing. Yang ada agensi itu mereka ini adalah agensi yang tidak rasmi, cuma agensi ini berharap untuk mendapatkan sedikit sebanyak komisen dari pemohon. Mereka ini cuba hendak mengatur dan juga membantu pemohon-pemohon yang berjaya untuk mendapatkan pekerja asing dari negara luar. Selain daripada itu juga, tekong-tekong yang telah pun ditangkap, didakwa ke mahkamah, memang mereka ini dipenjarakan ataupun jika tidak dapat bukti dan jika mereka ini merupakan tekong tempatan, tekong warganegara Malaysia, maka tindakan di bawah LLPK - Langkah-langkah Pencegahan Keselamatan seperti buang daerah, sekatan di satu-satu tempat akan dikenakan kepada mereka. Jika terdapat bukti yang kukuh, mereka ini akan didakwa ke mahkamah dan mereka ini akan dipenjarakan dari segi hukuman. Sekian, terima kasih.

4. **Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, setelah program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dianggap berjaya dan sangat membanggakan sehingga mendapat pengiktirafan dunia, adakah Kementerian menerusi program yang sama mempunyai perancangan untuk meluaskan lagi skim tersebut bukan sahaja di kalangan penduduk yang termiskin (miskin tegar) bahkan meliputi sekalian penduduk miskin secara menyeluruh bagi membantu meningkatkan ekonomi mereka.

Setiasaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, Amanah Ikhtiar Malaysia adalah sebuah badan bukan kerajaan yang bergiat dalam usaha membasmi kemiskinan menerusi pemberian kredit mikro yang dikenali sebagai Skim Pembiayaan Ikhtiar kepada kumpulan sasaran bagi menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi. Memandangkan kegiatan Amanah Ikhtiar Malaysia adalah selaras dengan matlamat kerajaan untuk membasmi kemiskinan, kerajaan telah menyokong usaha-usaha Amanah Ikhtiar Malaysia ini. Dalam tempoh Rancangan Ketujuh, kerajaan telah menyalurkan dana pinjaman tanpa faedah sebanyak RM300 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia bagi tujuan pemberian kredit mikro kepada kumpulan sasaran.

Selain itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM12.87 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia bagi tujuan melaksanakan Skim Khas Ibu Tunggal iaitu suatu skim pinjaman kredit mikro yang dikhaskan kepada ibu tunggal, golongan berpendapatan rendah di kawasan bandar. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, usaha-usaha Amanah Ikhtiar Malaysia dalam membasmi kemiskinan akan terus disokong. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah Kementerian membuat pemantauan dan penyiasatan terhadap program Amanah Ikhtiar ini yang mana ada di antara program ini yang telah disalahgunakan, tidak tepat kepada kumpulan sasaran yang sebenarnya? Terima kasih.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya berharap kalau Yang Berhormat dapat lebih spesifik, supaya kita sama-sama dapat pastikan bahawa ianya tidak berlaku dan sebagai tambahan sedikit mengenai Amanah Ikhtiar Malaysia ini Yang Berhormat, jadi saya tadi katakan kita ada Skim Pembiayaan Ikhtiar, iaitu kepada keluarga-keluarga isi rumah yang miskin, yang berpendapatan rendah dan kita juga ada Skim Khas Ibu Tunggal termasuk juga bagi ibu-ibu tunggal yang berada di bandar. Selepas itu ada satu lagi skim dinamakan Skim Pembiayaan Ikhtiar Nelayan bagi kumpulan-kumpulan nelayan yang miskin. Jadi, kalau dapat Yang Berhormat lebih spesifik supaya boleh kita sama-sama membuat penyiasatan. Terima kasih.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Hj. Mohd. Dum: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kerana begitu banyak peruntukan diberikan untuk rakyat yang termiskin - RM300 juta daripada kerajaan dan RM12.8 juta daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk ibu tunggal. Soalan tambahan saya ialah saya ingin tahu daripada jumlah yang sekian banyak ini, berapa banyakkah yang sudah dikeluarkan kepada sasarannya? Dan daripada jumlah RM12.8 juta untuk ibu tunggal ini berapa banyakkah bilangan ibu tunggal yang sudah menerima bantuan? Dan juga daripada jumlah yang diberikan ini berapa ramaikah daripada negeri Sabah juga telah diberikan bantuan? Terima kasih.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi untuk menjawab mengenai Skim Khas Ibu Tunggal yang ada di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, sehingga kini sejumlah RM12.87 juta itu telah diperuntukkan kepada 2,450 orang ibu tunggal dan mereka sama-sama telah mendapat manfaat. Melalui Skim Pinjaman Ikhtiar, seramai 76,055 orang sahabat telah mendapat manfaat dan mengenai negeri Sabah, saya ada statistik sedikit iaitu yang telah menerima mengikut negeri – penyertaan untuk negeri Sabah adalah seramai 5,375 orang iaitu 8%. Terima kasih, Yang Berhormat.

5. **Puan Jamilah binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan, sebab-sebab utama kerajaan berhasrat menubuhkan Majlis Perundingan Ulama Negara dan apakah kriteria individu ataupun pihak yang dibenarkan menganggotai majlis itu nanti.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Majlis Perundingan Ulama Malaysia adalah bertujuan untuk mencari jalan serta membuat perakuan yang mana dalam usaha menangani berbagai isu yang boleh membawa kepada keharmonian beragama, menjaga kesucian Islam serta kesejahteraan rakyat dan negara. Kriteria individu ataupun pihak yang dibenarkan menganggotai majlis tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) seseorang ulama yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang. Contohnya bidang syariah dan sebagainya; dan
- (ii) ulama tertentu dari luar negara yang mempunyai pengetahuan luas tentang negara ini;

Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan apakah hubung kaitnya Majlis Perundingan Ulama Negara dengan Majlis Fatwa yang sedia ada dan hubung kaitnya pula dengan kuasa-kuasa kerajaan negeri dari segi agama. Jadi saya hendak nampak senario keseluruhannya, kalau tidak masyarakat lebih keliru daripada apa yang cuba hendak diterangkan oleh Kementerian Penerangan umpamanya. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ghazi, perbezaan di antara Majlis Perundingan Ulama dengan Majlis Fatwa adalah di mana Majlis Fatwa sebagaimana sedia maklum ialah membuat hukum-hukum. Jika ada sesuatu isu yang menjadi isu kontroversi, masa hukum-hukum ini dibuat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan sedangkan Majlis Perundingan Ulama ini, ia tidak boleh membuat sesuatu hukum. Sebaliknya majlis ini hanya dibenarkan membincangkan perkara-perkara seperti yang saya nyatakan tadi untuk sebagai sesuatu isu sahaja, sebagai contoh untuk pendidikan, bagaimana cara kita ingin menyelesaikan masalah pendidikan mengikut cara Islam.

Kemudian kalau ada isu masalah sosial saya bagi contoh. Majlis ini akan membuat kajian dan perakuan kepada kerajaan bagaimana cara kita hendak menyelesaikan masalah sosial. Kuasa kerajaan negeri seperti yang sedia maklum, itu termaktub di dalam Perlembagaan yang mana urusan pentadbiran hal ehwal agama terletak kepada kuasa kerajaan negeri.

Jadi ketiga-tiga badan ini iaitu Majlis Fatwa Kebangsaan, Majlis Perundingan Ulama dan juga kuasa kerajaan negeri dalam urusan hal ehwal agama ini, jelas dan tidak bertindih antara satu sama lain. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Yang Berhormat yang menjawab soalan nombor lima ini. Cuma apabila kita menyebut tentang Majlis Perundingan Ulama, ulama itu adalah pewaris Nabi. Cuma saya kurang jelas, ada orang mengaku ulama. Jadi bagaimanakah Jabatan Perdana Menteri ini hendak mengiktiraf seseorang yang boleh mengaku sebagai ulama.

Adakah mereka yang boleh menggunakan bermacam-macam bahasa seperti mencaci dan sebagainya atau mereka yang benar-benar berkelulusan ataupun hanya mereka yang mungkin menubuhkan persatuan dinamakan Persatuan Ulama, Datuk Ghazi menjadi ahlinya, kita panggil Datuk Ghazi ulama, sebagai contoh.

Jadi saya hendak Jabatan Perdana Menteri menjelaskan, bagaimanakah ulama ini yang sebenarnya, pewaris Nabi yang dinamakan ulama.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah. Kita sudah tentu mencari ulama yang berilmu, yang beramal dengan ilmu-ilmu dia, bertakwa dan juga beriman. Kita sudah tentu ada penilaian yang kita buat mengenai ulama-ulama yang akan kita pilih untuk menjadi ahli Majlis Perundingan Ulama Malaysia. Yang sudah tentu kita tidak pilih ialah ulama-ulama yang jumud, ulama yang hanya memikirkan akhirat semata-mata tetapi mereka tidak memikirkan mengenai kemajuan ummah ataupun umat Islam di dunia.

Jadi kita hendak ulama ini yang boleh memberikan sumbangan untuk kemajuan dan kebaikan umat Islam di dunia dan juga di akhirat. Yang kedua sudah tentu ulama politik, kita tidak pilihlah. Ulama politik ini, ulama yang mempermainkan hukum-hukum Allah mengikut kepentingan politik, parti politik mereka.

Kalau dahulu dia kata, berkata dengan orang bukan Islam ini kafir, hari ini mereka berkawan pula. Jadi bila untung bagi mereka, mereka kata baik. Tetapi bila mereka rasa rugi bagi mereka, mereka kata ini bertentangan dengan Islam.

Jadi sebab itu kita lihat ulama-ulama politik inilah yang hari ini mengelirukan rakyat. Seperti contoh, kalau kata fatwa-fatwa telah dibuat, kita sudah beritahu fatwa yang Majlis Fatwa sudah buat bahawa Ibrahim Libya itu bukan mati syahid tetapi ulama politik kata, mati syahid juga.

Jadi ulama-ulama macam ini kita tidak pilihlah. Ini biar dia bermain sandiwara dengan parti politik mereka sendiri. Terima kasih.

6. **Tuan M. Ratnam** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, sejauh mana pelaksanaan skim gaji bulanan kepada para pekerja ladang di seluruh negara telah dapat dilaksanakan setakat ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Ratnam bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat K. R. A Naidu yang bertarikh hari ini juga, soalan no. 23 sekali gus kerana soalan tersebut mempunyai kaitan dan maksud yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelaksanaan gaji bulanan bagi pekerja ladang. Perkara ini telah diselesaikan untuk penuai buah kelapa sawit dengan izin *palm oil harvesters* dan pekerja kilang kelapa sawit.

Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) telah mencapai persetujuan mengenai tuntutan gaji bulanan yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2001.

Konsep gaji bulanan yang dipersetujui adalah dalam bentuk jaminan minimum bulanan atau dengan izin, *minimum monthly guarantee* yang menjadi *safety net* dengan izin bagi pendapatan pekerja berkenaan. Melalui jaminan minimum bulanan ini setiap pekerja penuai buah dan kilang kelapa sawit akan mendapat pendapatan asas bulanan yang tetap dalam keadaan apa sekali pun iaitu pada kadar RM325 sebulan dengan syarat pekerja itu melaksanakan kerja-kerja yang ditetapkan baginya.

Pada masa sekarang pihak MAPA dan NUPW telah mencapai kata persetujuan secara prinsip mengenai bayaran gaji bulanan kepada penoreh getah dan pekerja estet getah dengan izin, *rubber tappers* dan *field workers*. Kedua-dua pihak sedang dalam proses menyediakan butir-butir terperinci mengenai persetujuan ini dan akan mencapai satu keputusan muktamad dan mesyuarat seterusnya akan diadakan pada 13 April ini. Terima kasih.

Tuan M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan. Apabila suatu keputusan dicapai kelak di antara NUPW dan MAPA adakah perlu bagi mereka menentukan bahawa gaji minimum adalah lebih pada paras kemiskinan iaitu RM425.

Tuan Yang di-Pertua, dahulunya ladang kepunyaan orang putih. Sekarang banyak ladang adalah ladang kepunyaan kita sendiri iaitu Guthrie, Sime Darby, PNB dan sebagainya di bawah jajaan kerajaan kita sendiri.

Soalan saya, apakah susahnya ataupun masalah yang dihadapi oleh majikan. Bagi majikan-majikan kita sendiri yang mendapatkan keuntungan yang lumayan tidak dapat membayar gaji bulanan. Sekian.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Senator Ratnam. Tuan Yang di-Pertua, keras sahaja suara dia. *[Ketawa]* Saya bukan majikan Yang Berhormat Senator. Saya ucapkan terima kasih keadaan keprihatinan dan kepekaan Yang Berhormat Senator dalam isu-isu yang berkaitan dengan pekerja ladang.

Kalau kita lihat proses roh serta semangat pembelaan pekerja ladang sejak sebelum merdeka sehingga sekarang sudah banyak perubahan. Sudah banyak sangat perubahan. Buat masa ini, polisi kerajaan dalam menentukan gaji serta upah dalam mana-mana sektor, ia banyak bergantung kepada dengan izin suasana pasaran. Terpulung kepada *market* dan juga *supply and demand*.

Saya ingin merujuk salah satu sebab kenapa majikan sukar untuk memenuhi keperluan-keperluan dan rintihan gaji para adalah keupayaan untuk membayar. Memang betul ada waktu-waktu tertentu mereka memang mempunyai dan memperolehi keuntungan yang begitu lumayan. Tetapi pada waktu-waktu yang masa-masa tertentu keadaan ekonomi yang tidak menentu, harga pasaran komoditi dunia yang tidak menentu, mereka tidak boleh menjanjikan perkara-perkara tersebut.

Alhamdulillah, ekoran daripada campur tangan kerajaan antara MAPA dan NUPW kita telah dapat satu - dengan izin - *breakthrough* pada Januari 2001 hasil kajian pensyarah dan kakitangan daripada Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya di mana gaji – bukan gaji minimum tetapi kita panggil jaminan minimum bulanan sebanyak RM325 sebulan.

Saya hendak terangkan bahawa gaji minimum dengan paras kemiskinan yang Yang Berhormat nyatakan itu adalah dua perkara yang berbeza. RM466 untuk satu isi keluarga, itu pendapatan isi rumah, sementara RM325 ini adalah pendapatan individu dan kalau kita campur dengan insentif-insentif lain, elaun-elaun lain tidak termasuk bayaran yang dikenakan dan terpaksa dibayar oleh majikan seperti menyediakan kediaman, membayar bil api dan air serta menyediakan kemudahan taman asuhan kanak-kanak di estet, pendapatan mereka ini biasanya di antara R800 ke RM1,000 sebulan. Sekian.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan dan juga terima kasih saya kepada kementerian yang telah berusaha gigih mewujudkan perjuangan pekerja-pekerja ladang untuk mendapatkan gaji bulanan.

Persoalan yang selalu bermain di kalangan kaum pekerja dan pemimpin kesatuan sekerja ialah soal pendapatan. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawa pekerja-pekerja kilang kelapa sawit mendapat RM325 seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat rakan saya tadi bahawa jumlah ini adalah jumlah di bawah paras kemiskinan.

Begitu juga saya berharap dengan gaji bulanan yang akan dipersetujui kelak apakah kementerian dapat memberi jaminan bahawa kata Timbalan Menteri tadi soal gaji adalah merupakan perkara yang dibincangkan antara pihak majikan dan kesatuan dan berasaskan kepada keadaan semasa serta berasaskan kepada *market forces* atau lain perkataan, pasaran.

Tetapi setelah kita merdeka hampir 44 tahun Yang Berhormat, saya kira soal ini tidak harus menjadi perkara yang utama dan gaji minimum merupakan satu pendapatan tetap untuk bukan sahaja pekerja ladang malah pekerja lain dan khususnya dalam soal ini pekerja ladang memastikan mereka mendapat gaji yang di atas paras kemiskinan bagi memastikan mereka dapat menyara keluarga mereka bukan sekiranya pendapatan seisi rumah, kalau pendapatan seisi rumah dan seluruh keluarga harus bekerja.

Soalnya Tuan Yang di-Pertua, iaitu pendapatan seseorang pekerja harus dipastikan ianya di atas paras kemiskinan dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak. Saya mengambil kesempatan mengucapkan kerana dapat mengekalkan jawatan Presiden MTUC.

Sebenarnya dalam dunia ini tidak ada jaminan. Yang boleh jamin yang hidup tetap mati. Tidak ada kerajaan dalam dunia yang boleh beri jaminan tentang fasal gaji, apatah lagi gaji minimum. Tetapi alhamdulillah, kerajaan Barisan Nasional walaupun kita tidak pernah beri jaminan cara kita mengendalikan pertikaian-pertikaian bukan sahaja di antara MAPA dan NUPW tetapi dalam mana-mana hal cara kita bertindak adalah secara muzakarah. Walaupun kita ada rotan kita jarang gunakan rotan.

Jadi mengenai jaminan saya tidak boleh *guarantee*lah, kerajaan tidak boleh *guarantee* tetapi walaupun kita tidak *guarantee* dalam hal memperjuangkan had gaji minimum ini bagi pekerja ladang kelapa sawit alhamdulillah dapat kita capai. Jadi saya tidak nampak dalam hal memperjuangkan gaji bulanan bagi penoreh getah dan pekerja

estet getah kita tidak dapat selesaikan. Apatah lagi pihak MAPA dalam suasana harga getah yang meleset, rendah, tidak laku masih boleh menerima cadangan-cadangan daripada NUPW, ini adalah satu perkara yang begitu positif yang ditunjukkan oleh majikan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh lagi fasal paras kemiskinan ini kerana orang tidak berapa faham. Paras kemiskinan ini adalah pendapatan RM466 sebulan untuk seisi keluarga, untuk lima orang. Sedangkan RM325 sebulan ini adalah untuk pendapatan individu. Jadi, mengatakan bahawa pendapatan tersebut di bawah paras kemiskinan adalah tidak benar sama sekali kerana purata pendapatan mereka adalah lebih daripada RM466 sekeluarga dan kalau kita cerita fasal pendapatan ini Tuan Yang di-Pertua, dia tidak habis kerana pendapatan dia akan campur pula dengan *expenses* kita tiap-tiap bulan. Ada orang, pendapatan RM500 cukup, ada orang pendapatan RM5,000 tidak akan cukup. Jadi masalah gaji ini kerajaan masih meneruskan polisi bahawa gaji dalam mana-mana sektor adalah ditentukan oleh keadaan pasaran. Sekian, Terima kasih.

7. **Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan persediaan negara menghadapi kesan fenomena El Nino (cuaca panas dan kering) yang telah menyebabkan kebakaran di beberapa kawasan khususnya di seluruh Semenanjung Malaysia. Sejauh manakah ketepatan pemantauan dapat dibuat bagi mengesan fenomena ini menerusi satelit.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia, sentiasa memantau secara rapat perkembangan fenomena El Nino dan melaporkan hasil pemantauan ini kepada jawatankuasa induk jerebu kebangsaan dan jawatankuasa pengurusan dan bantuan bencana pusat serta agensi-agensi yang terlibat dalam tugas kawalan jerebu dan pengurusan bencana sekiranya keadaan memerlukan.

Untuk makluman Yang Berhormat pemantauan melalui gambar satelit hanya merupakan salah satu cara untuk mengesan keadaan atmosfera dan lautan semasa. Para saintis perlu memantau banyak lagi parameter atmosfera dan lautan seperti suhu, angin, kelembapan dan sebagainya untuk mendapat gambaran yang tepat tentang keadaan fenomena El Nino.

Secara umumnya teknik simulasi dengan komputer digunakan untuk meramalkan perkembangan fenomena El Nino yang berlaku. Suka juga saya memaklumkan bahawa maklumat-maklumat yang terkini tentang fenomena El Nino ini boleh didapati daripada laman web Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia. Namun pada keseluruhannya kita amat bersyukur kepada Allah SWT kerana negara kita dikurniakan dengan cuaca yang baik, umpamanya tidak ada ribut, taufan, banjir besar seperti yang sering melanda negara-negara seperti Filipina, Taiwan, Bangladesh ataupun negara-negara di Kepulauan Caribbean. Demikian juga kemarau yang berpanjangan seperti yang berlaku di beberapa negara di Afrika, gunung berapi, gempa bumi dan sebagainya. Bencana-bencana besar yang boleh memusnahkan nyawa dan harta benda. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah kesan-kesan negatif yang telah dikenal pasti oleh pihak kementerian kesan daripada fenomena El-Nino ini dan apakah langkah-langkah kesedaran yang telah diambil untuk memberi kesedaran kepada rakyat dalam berdepan dengan fenomena El-Nino ini? Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kesan daripada beberapa insiden yang berlaku daripada sebahagian fenomena El Nino yang berlaku di negara kita ini khususnya di musim panas yang berlaku beberapa bulan yang lepas. lalah berlakunya kebakaran-kebakaran terbuka sama ada yang disengajakan ataupun yang berlaku secara tidak disengajakan yang telah menyebabkan terdapat banyak jerebu khususnya di kawasan Lembah Klang. Beberapa kawasan yang telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada berlakunya pembakaran ataupun kebakaran terbuka yang telah menyebabkan keadaan jerebu yang agak buruk di kawasan Lembah Klang khususnya daripada kawasan KLIA sendiri iaitu di luar KLIA, di kawasan Port

Klang iaitu di Kampung John..., dan juga di kawasan Hutan Raja Musa, Batang Berjuntai Kuala Selangor.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa kesan daripada jerebu ini ialah berlakunya beberapa keadaan yang kurang baik ataupun agak menjejaskan dari segi kesihatan umpamanya bagi mereka yang mempunyai sakit lelah ataupun dari segi pemandangan yang mungkin mengganggu. Dari segi kempen-kempen kesedaran dan juga tindakan-tindakan yang telah dijalankan oleh kementerian selama ini ialah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang penjagaan dan pemerhatian supaya kerja-kerja pembakaran umpamanya tidak dilakukan sewenang-wenang, bahkan di dalam insiden yang baru lalu bahawa oleh kerana keadaan telah agak serius maka melalui Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan perintah memberhentikan atau melarang pembakaran sama sekali. Bagaimana pun perintah ini telah pun ditarik balik apabila hujan telah mula turun dan insiden-insiden kebakaran yang berlaku di tempat-tempat yang saya sebut tadi telah pun dapat diatasi.

Secara keseluruhannya adalah menjadi sebahagian daripada tanggungjawab pihak kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Kaji-cuaca untuk terus memaklumkan dari masa ke semasa tentang perkembangan-perkembangan yang berlaku di negara ini dan kita harap kepada orang ramai supaya dapat sama-sama kita mengikuti keadaan ini dan sekiranya berlaku keadaan ataupun amaran-amaran ataupun ingatan-ingatan yang mungkin berlakunya sesuatu bencana supaya dapat mereka mengambil perhatian sebelum misalnya mereka melakukan sesuatu kerja seperti pembakaran kebun ataupun sekiranya musim hujan seperti yang berlaku hari ini supaya dapat mereka mengaturkan jadual-jadual mereka mengikut kesesuaian masa. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kebakaran selalu berlaku di antara Kuala Lumpur ke utara, tanah tinggi Kuala Lumpur ke Kuantan. Adakah kebakaran ini dalam pemantauan ataupun dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab mencero bohi hutan simpanan?

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, daripada penemuan ataupun pemantauan yang telah dapat kita adakan dalam peristiwa kebakaran yang berlaku dalam dua bulan yang lepas, kebakaran ini berlaku disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pembakaran di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan hutan simpan yang dilakukan oleh sebahagiannya peneroka-peneroka dan pekebun-pekebun kecil. Ada peneroka yang dianggap haram dan peneroka-peneroka pekebun kecil yang mereka tidak menyangka bahawa kerja-kerja pembakaran yang mereka lakukan telah menjejaskan atau melibatkan kebakaran yang lebih besar dan keduanya ialah kebakaran yang tidak disengajakan.

Umpamanya mereka yang misalnya melakukan pembakaran ini dengan ataupun kesan kebakaran berlaku akibat pembuangan puntung rokok dan sebagainya. Jadi ini berlaku juga seperti di kawasan jalan ke KLIA. Seperti yang kita maklum pada masa itu kita sedang dalam usaha untuk menganjurkan *Formula 1*, tiba-tiba kebakaran yang agak serius berlaku di kilometer 37, tidak salah saya iaitu antara Kuala Lumpur dan KLIA. Ini adalah kebakaran yang berlaku secara tidak disengajakan, jadi ini di antara punca-punca yang dapat kita kesan dan tindakan-tindakan terpaksa diambil untuk memadamkan kebakaran dan kepada kebakaran yang berlaku yang dapat kita kesan bahawa itu adalah dilakukan oleh mereka yang sengaja membuat pembakaran maka tindakan-tindakan seperti mengkompaun dan juga membawa mereka ke mahkamah telah pun diambil.

8. **Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kerajaan mampu mensifarkan masalah penagihan syabu di negara ini memandangkan gejala ini mendatangkan masalah terutamanya kepada anak-anak muda dan ternyata meruntuhkan moral, kesihatan dan kemajuan masa depan anak-anak kita, terutamanya dengan tersebar luasnya berita masalah syabu di Sabah baru-baru ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, masalah penyalahgunaan dan penagihan dadah termasuk penagihan dadah jenis syabu di negara kita adalah satu masalah besar dan membimbangkan. Dadah jenis syabu ini tergolong dalam kumpulan dadah ATS iaitu *Amphetamine Types Stimulant* dengan izin, dan ini merupakan satu ancaman baru kepada seluruh dunia

kerana ianya dadah tiruan yang boleh dibuat di makmal-makmal termasuk makmal-makmal yang kecil. Oleh yang demikian, penguatkuasaan undang-undang untuk menyekat penawaran dan pengedarannya kepada mangsa-mangsa menjadi lebih sukar. Sindiket-sindiket pengedaran dadah juga beroperasi merentasi sempadan antarabangsa dan ini juga menyebabkan langkah-langkah penguatkuasaan menjadi lebih rumit. Kerajaan sentiasa berusaha dan menjalankan pelbagai kempen serta program kesedaran kepada semua pihak mengenai bahaya dadah termasuk dadah syabu ini.

Begitu juga dengan usaha-usaha penguatkuasaan undang-undang yang akan dipertingkatkan lagi untuk memastikan penawaran dan kemasukan dadah dari luar negara dibendung. Kerajaan yakin dan percaya melalui usaha pencegahan dan penguatkuasaan yang berterusan, kita akan dapat membebaskan Malaysia dari dadah dan mensifarkan penagihan syabu. Dengan kerjasama erat semua sektor masyarakat, agensi kerajaan dan bukan kerajaan, masalah akan dapat diatasi sejajar dengan wawasan untuk menjadikan Malaysia bebas dari dadah menjelang tahun 2015. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Sabah mencatatkan jumlah penagih dadah wanita yang tertinggi di Malaysia iaitu 26.5% ataupun 161 kes daripada 532 yang dikenal pasti tahun lalu. Mengikut statistik *National Drug Information System (Nadi)*, daripada 31,556 penagih dadah seluruh negara, 2,213 adalah berasal daripada Sabah. Ini merupakan satu peningkatan 26.3% berbanding dengan jumlah 1,752 penagih tahun lalu.

Soalan tambahan saya ialah berapa jumlah wang yang telah digunakan oleh kerajaan di dalam pemulihan dadah dan berapa pula jumlah wang yang telah digunakan oleh kerajaan untuk menjalankan program-program mencegah penyalahgunaan dadah dan setelah kedua-dua program ini dijalankan, mengapa jumlah penagih dadah meningkat dari tahun ke tahun?

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penagihan dadah adalah salah satu fenomena dunia dan Malaysia sebagai sebuah negara walaupun moden dan progresif juga, adalah tidak dikecualikan di mana terdapat begitu ramai juga penagih-penagih dadah di negara kita. Sejak kerajaan mula dengan program-program pencegahan dan program-program pemulihan dan rawatan melalui mewujudkan pusat-pusat serenti dan melalui usaha-usaha Agensi Dadah Kebangsaan termasuk juga dengan agensi-agensi seperti Pemadam masih kita tidak dapat mencapai peratusan yang tinggi, berjaya untuk mengawal keadaan pada hari ini

Walaupun bagaimanapun, berjuta-juta telah pun dihulurkan oleh kerajaan, walaupun saya tidak mempunyai angka dan jumlah yang tepat di sini, jika Yang Berhormat berminat, saya boleh memberikan secara bertulis, tetapi mengikut satu kajian yang terperinci yang telah pun dibuat oleh Agensi Dadah Kebangsaan, jika pihak kerajaan tidak melakukan sebarang tindakan atau tidak mempunyai sebarang program-program intervensi dan tidak menggalakkan supaya organisasi-organisasi bukan kerajaan dapat tampil ke hadapan untuk menyumbang ke arah ini, masalah penagihan dadah akan menjadi lebih teruk lagi beberapa kali ganda lagi.

Oleh kerana kita mempunyai intervensi dari kerajaan, oleh kerana kita juga dapat sumbangan dari pihak-pihak agensi bukan kerajaan, maka kita dapat mengawal tetapi tidak begitu berjaya, saya kena mengaku. Matlamat kerajaan kita ialah pada 2015, Malaysia harus bebas dari dadah. Tahun lepas dalam kajian yang sama, yang saya sebutkan tadi terdapat tiga strategi pendekatan yang akan digunapakai oleh pihak kerajaan dan juga agensi-agensi bukan kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan tiga strategi jangka panjang ini ialah;

- (i) kita harus memastikan supaya tempat kerja kita bebas dari dadah;
- (ii) sekolah khususnya sekolah menengah termasuk dengan institusi-institusi pendidikan tinggi bebas dari dadah;
- (iii) di tempat-tempat kediaman kita serta keluarga kita harus bebas dari dadah.

Kita harap melalui tiga strategi pendekatan jangka panjang ini, kita dapat mengurangkan penagihan dadah, memanglah insiden pengedaran dadah itu akan diambil tindakan melalui penguatkuasaan. Jika kita semua ini dapat menggembleng tenaga ke arah ini, kita percaya kita dapat mengurangkan lagi kadar penagihan di negara kita. Sekian.

[Beberapa orang Ahli Yang Berhormat bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Melati.

Puan Hajah Melati binti Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya juga berterima kasih kepada pihak kementerian yang telah memberikan penjelasan berhubung dengan masalah dadah dalam negara kita, cuma soalan saya, memandangkan sekarang ini masalah penagihan dadah ini memang kita tidak dapat membantersanya dengan begitu baik dan juga dengan lebih berkesan tetapi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, untuk makluman Yang Berhormat, di Pahang juga tidak lari daripada masalah dan pertambahan penagih dadah: soalan pertama, kenapa pusat serenti di Muadzam Shah ditutup? Yang keduanya, saya ingin bertanya juga kepada pihak kementerian berapa kalikah ataupun bagaimanakah pemantauan dibuat kepada penagih-penagih dadah yang telah dikeluarkan daripada pusat-pusat pemulihan yang mana mereka ini telah dihantar balik ke pangkuan keluarga masing-masing. Apa yang kita dapati sekarang ini, apabila penagih-penagih dadah ini balik kepada keluarganya bukan boleh memulihkan penagih-penagih dadah tersebut tetapi lebih teruk lagi daripada yang kita kehendaki kerana mereka akan berjumpa balik semula dengan kawan penagih dadah yang lama dan juga baru.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian mengadakan satu tempat khas untuk mereka ini ditempatkan dan diberikan mereka ini latihan-latihan kemahiran dan juga mereka ini diberikan peluang-peluang yang boleh mereka membangunkan diri mereka sendiri dan berdikari jauh daripada keluarga mereka. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Melati. Terdapat dua soalan tambahan di sini, yang pertama mengenai Pusat Serenti Muadzam Shah di Pahang. Untuk makluman Yang Berhormat, di seluruh negara, terdapat 27 buah pusat serenti dan jika pihak kerajaan berpendapat bahawa satu-satu pusat serenti harus dipindahkan ke tempat lain ataupun ditutup buat sementara supaya kelengkapan peralatan dapat diberikan semula, maka ianya akan ditutup buat sementara. Bagi Pusat Serenti Muadzam Shah ini, kerajaan sedang mengkaji semula. Yang pertama, mengenai kesesuaian tempat; yang kedua, jika perlu, tempat ini akan diberikan kelengkapan yang baru dan ianya akan dibuka balik tetapi, buat masa ini, saya tidak tahu apakah keputusan yang akan dibuat lagi.

Mengenai soalan tambahan yang kedua ini, saya mengaku walaupun penagih-penagih dadah ataupun bekas penagih-penagih dadah yang keluar dari pusat-pusat serenti selepas mengikuti kursus pemulihan di pusat serenti selama dua tahun sekurang-kurangnya, dan ada setengah pula di lanjut sehingga empat tahun, apabila mereka keluar, hampir 50 peratus daripada golongan ini menjadi penagih berulang. Satu kajian telah pun dibuat dan didapati sebab utama ialah, bila bekas penagih dadah keluar daripada pusat serenti, mereka ini secara automatik akan bercampur gaul balik dengan kawan-kawan yang lama, yang masih tidak ditahan dan yang tidak ditangkap.

Jika mereka ini tidak mendapat sebarang pekerjaan, maka lama-kelamaan mereka ini akan balik kepada tabiat yang lama iaitu, menjadi penagih semula. Ini adalah satu perkara yang cukup mengecewakan dan kerajaan sudah pun melalui usaha-usaha untuk berhubung dengan badan-badan bukan kerajaan supaya dapat wujud di kalangan kita, di komuniti kita, organisasi-organisasi umpama *After Care Association*. *After Care Association* ini, kita mempunyai di hampir semua negeri tetapi *After Care Association* hanya tertumpu usaha kepada bekas banduan penjara dan bukan bekas penagih. Tetapi, kita mengadakan program ke arah ini.

Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini juga, buat masa ini, Akta Dadah Berbahaya 1952, sedang dikaji dan akan di bentang di Parlimen tidak lama lagi, kemungkinan sesi yang akan datang, di mana sedikit sebanyak perubahan akan dilakukan terhadap akta ini. Yang pertama, yang cukup penting ialah bagi penagih-penagih tegar yang mempunyai rekod sekurang-kurangnya dua kali sebagai penagih dadah telah keluar masuk pusat serenti dua kali, mereka ini akan dipusatkan di satu

tempat, macam penjara supaya mereka ini mengikuti kursus pemulihan sekurang-kurangnya lima tahun.

Melalui cara ini, kemungkinan kita dapat mengasingkan penagih-penagih yang tegar di satu tempat yang mungkin tidak melebihi 50,000, yang kes-kes lain akan dilepaskan dan kita percayalah, dengan adanya juga peruntukan-peruntukan baru yang lain, yang akan dipinda kepada akta ini, kita akan mencari satu jalan untuk memperbaiki keadaan yang dihadapi pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi jawab lisan telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUA AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan ke atas usul yang ditangguhkan atas masalah:

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

Ampun Tuanku,

Patik, yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesepuluh, pada 11 Mac 2002, tempoh hari." **[9 April 2002]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya minta Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah menyambung ucapannya, saya ingin tahu berapa ramai lagikah Ahli Yang Berhormat yang mahu berbahas dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya minta kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat oleh sebab pada pukul 2.30 petang, saya akan minta kementerian-kementerian untuk menjawab. Lagi baik kalau boleh Ahli Yang Berhormat jangan berucap lebih daripada setengah jam. Hadkan sendiri, saya minta maaf dan saya minta kerjasama. Saya minta Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah untuk berucap.

11.25 pagi.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan saya semalam. Sudah tiba masanya Kerajaan Malaysia bertindak sebagai pengeluar hasil pertanian yang terbesar di dunia bagi menggalakkan penggunaan tanah terbiar di negara ini agar diusahakan untuk pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini, negara-negara Islam sering ditindas oleh negara Barat dan kaum Yahudi. Contoh yang paling menyayat hati ialah kezaliman rejim Israel di bumi Palestin. Sudah tiba masanya seluruh negara Islam di dunia ini bersatu untuk bertindak ke atas kekejaman yang ditanggung oleh saudara seagama kita ini. Kita perlu bertindak segera dan kurangkan bercakap. Keangkuhan Israel pada masa ini tidak dapat dibendung lagi. Segala gesaan daripada PBB, Kesatuan Eropah dan negara-negara lain di dunia ini tidak diambil peduli oleh Israel. Amerika Syarikat secara terang-terangan merestui tindakan ganas Israel ini. Perlu diingat, bahawa tidak ada sebuah negara Islam pun yang mempunyai kuasa veto ke

atas PBB. Oleh sebab itu, pandangan dan pendapat daripada negara Islam sering kali dipinggirkan.

Justeru itu, satu penghormatan besar telah dikurniakan oleh Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dengan memberi mandat kepada Malaysia untuk mengetuai Jawatankuasa Peringkat Menteri OIC mengenai keganasan yang penubuhannya diputuskan pada sesi khas Menteri-menteri Luar yang berakhir pada 3 April yang lalu. Saya menyeru Kerajaan Malaysia berusaha menyatupadukan negara Islam untuk memberi tekanan yang setimpalnya kepada rejim Israel agar mereka segera undur dan belajar menghormati kedaulatan negara Palestin.

Kita tidak mahu kejadian yang menimpa rakyat Islam di Bosnia-Herzegovina berulang di Palestin. Saya juga mengalu-alukan penubuhan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin dan merayu seluruh rakyat, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta terus turut sama menyumbang untuk membantu rakyat Palestin. Kepada mereka yang tidak mampu, doakanlah keselamatan rakyat Palestin dan rakyat Palestin yang terbesarnya adalah merupakan beragama Islam. Pada umat Islam, lakukanlah sembahyang hajat demi keselamatan saudara Islam kita di Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, jenayah keganasan di negara ini semakin membimbangkan. Yang membimbangkan orang ramai, kejadian pembunuhan kejam semakin menjadi-jadi di negara ini. Kes-kes tersebut bukan sahaja melibatkan golongan dewasa, malah turut melibatkan kanak-kanak di bawah umur. Kes terbaru ialah seorang kanak-kanak berumur enam tahun, adik Nurshakila binti Ramli, dibunuh dengan kejam melalui hentakan di kepala dengan botol. Tahap keselamatan di negara ini seakan-akan semakin terhakis disebabkan oleh kejadian kejam seperti ini.

Justeru itu, saya menyeru kepada pihak yang terbabit agar mengambil tindakan segera bagi membendung jenayah kejam ini. hukuman yang semaksimum mungkin perlu dijatuhkan kepada penjenayah terbabit agar menjadi pengajaran kepada golongan yang bercita-cita untuk menjadi penjenayah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini, saya juga mengalu-alukan dan menyokong penuh di atas kenyataan Timbalan Perdana Menteri kita, iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang kenyataannya bertarikh 7 April, 2002 yang mana supaya hukuman yang lebih berat dikenakan ke atas pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan rogol ke atas kanak-kanak serta terbabit dalam kes sumbang mahram.

Seperti mana yang kita tahu, dua-tiga hari yang lepas memang surat khabar kita tidak ada cerita lain, cerita sumbang mahram. Sumbang mahram ini - yang dikatakan begitu serius di Malaysia ini - yang mana saya merasa amat dukacita di atas kenyataan seorang Menteri Besar yang mengatakan sumbang mahram dapat dibendung jika poligami dipermudah. Saya merasa dukacita dan amat memalukan, saya rasa kenyataan ini bukanlah dukacita kepada wanita tetapi memalukan kaum lelaki.

Sebenarnya sumbang mahram tidak ada kena-mengena dengan taraf perkahwinan di Malaysia ini. Kita tahu bahawa undang-undang poligami telah ada termaktub. Wanita di Malaysia hari ini bukan wanita dahulu. Wanita Malaysia hari ini telah mempunyai fikiran yang terbuka (*open-minded*). Kalau ada orang lelaki yang hendak berkahwin dua, tiga, empat, silakan tetapi hendaklah mengikut undang-undang yang telah digariskan di dalam poligami. Orang lelaki boleh kahwin dua, tiga, empat tetapi hendaklah mengikut syarat-syarat yang tertentu. Undang-undang termaktub dalam undang-undang syariah kita. Jadi, hari ini sumbang mahram tidak ada kena-mengena langsung dengan taraf perkahwinan yang telah diceritakan dalam surat khabar hari ini.

Katanya juga, lelaki yang ingin berpoligami juga tidak perlu mendapat kebenaran isteri pertama melainkan membuktikan kemampuan mereka untuk berbuat demikian. Di sini kita lihat dari awal-awal lagi seorang suami yang hendak beristeri sudah mula hendak menipu isterinya. Mula-mula sekali, baru hendak menikah tidak payah beri tahu isteri, itu tanda sudah ada penipuan berlaku di peringkat awal lagi. Jadi saya rasa kenyataan ini memang tidak saya setuju kalau dinyatakan seperti mana yang dikatakan bahawa tidak perlu tandatangan isteri.

Sebenarnya poligami dibenarkan di Malaysia, tetapi kita perlu pertamanya, mestilah berlaku adil. Kalau tidak diberi tahu kepada isteri pertama, dia tidak tahu

suaminya ada isteri kedua, macam mana dia hendak tahu yang suaminya adil atau tidak adil? Kalau misalnya ada isteri kedua, disembunyikan tidak diberi tahu kepada isteri pertama, mana hendak tahu untuk isteri kedua dibuatkan mahligai sedangkan isteri pertama duduk di kampung? Jadi inilah yang saya katakan bahawa sumbang mahram tidak ada kena-mengena langsung dengan poligami seperti mana kenyataan di dalam surat khabar pada 9 April 2002.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nampaknya kalau hendak beristeri lebih daripada satu kena berkursus tentang keadilan.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Sebenarnya kalau seorang suami itu bertanggungjawab, bila dia hendak beristeri dua atau tiga, tidak payah kursus, dia mesti sudah tahu undang-undang, barulah boleh beristeri dua atau tiga. Tidak perlu kita hendak memberikan dia kursus dan sebagainya. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, hendak beristeri dua, tiga boleh tetapi kena adil: *"Jika kamu boleh berlaku adil, kamu kahwinlah satu, dua atau tiga tetapi jika kamu tidak boleh berlaku adil, cukuplah seorang"*. Jangan di dunia ini seronok-seronok, di akhirat besok menangis. Air mata darah tidak berguna lagi. Itulah saya kena ingatkan kepada kaum lelaki ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita tahu, apabila perkara sumbang mahram berlaku maka persepsi orang lelaki ini dia nampak kesalahan itu pada orang wanita. Bila berlaku rogol, wanita salah: Wanita tidak pakai tudung, wanita pakai baju jarang, wanita pakai kain belah sebelah, wanita pakai kain belah belakang, kecap nampak kecap tidak nampak. [Ketawa] Jadi kita rasa bergelombang, kata dia.

Timbalan Yang di-Pertua: Kadang-kadang betul juga tu. [Ketawa]

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Jadi di sini kita hendak supaya orang lelaki di Malaysia ini perlu ada keimanan yang kuat. Kalau pandang sekali tu, syukur Alhamdulillah, rezeki; kedua kali sudah dikira berdosa, janganlah pandang sampai tiga empat kali. Kalau sudah terpandang itu apa hendak katakan, sudah terpandang. Jadi, saya minta supaya lelaki di Malaysia ini supaya mempunyai keimanan yang kuat, yang kukuh, supaya institusi keluarga itu dapat dibendung dan dilahirkan masyarakat yang betul-betul menjadi masyarakat yang kita kehendaki, yang tidak terlibat dengan perkara-perkara sumbang seperti mana yang berlaku dalam sumbang mahram.

Di sini ingin saya nyatakan, bahawa kononnya sumbang mahram ini kerana seorang lelaki itu hendak berkahwin dua atau tiga, tetapi lupakah dalam surat khabar pada tahun lepas tahun 2000 ada menyatakan seorang itu melakukan sumbang mahram kepada anaknya tetapi sudah mempunyai dua isteri. Dalam satu kes rogol pula si pelaku mempunyai tiga isteri. Ini tidak ada kena-mengena, ini yang saya hendak ceritakan bukti kenyataan fasal poligami menyebabkan berlaku kejadian ini.

Oleh itu, saya berharaplah supaya kaum bapa di Malaysia ini, pertamanya, perlulah mempunyai keimanan yang kukuh dan sedar akan tanggungjawab masing-masing, kerana saya rasa kalau semua kaum bapa di Malaysia ini bertanggungjawab menjaga institusi keluarganya, dapat menjaga isterinya - kadang-kadang keganasan pada isteri pun ada, pada anak dan sebagainya - kalau kaum lelaki dapat menghargai jasa isterinya, isteri yang banyak membantu. Tengok dalam Dewan ini, kadang-kadang isteri-isteri yang ada suami datang bekerja untuk membantu ekonomi rumah tangga, patut berikan kasih sayang kepada mereka, kadang-kadang mereka kata tidak nampak pengorbanan wanita kepada seorang suami. Dia tahu isterinya bekerja, dapat lumayan, dia hendak tambah lagi satu, ini yang saya tidak berkenan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tetapi tidak ramai yang macam itu.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu tidak ramai, tetapi kenyataan hari ini, seorang lelaki juga yang memberi kenyataan ini, seolah-olah dia hendak menghina wanita, seolah-olah kenyataan ini bagi saya dia tidak menghina wanita. Sebaliknya, dia lebih menghina kaum lelaki, seolah-olah menggambarkan - nasib baik surat khabar ini dikeluarkan di Malaysia, tidak pergi ke luar negara - seolah-olah menggambarkan sifat lelaki di Malaysia ini mempunyai nafsu haiwan. Sampaikan anak sendiri pun dia sanggup hendak melakukan perkara-perkara yang tidak senonoh, kerana sumbang mahram ini adalah satu perkara yang dilakukan ke atas kaum keluarga: Sama ada datuk dengan cucu, bapa dengan anak, adik dengan abang. Ini menggambarkan bahawa seolah-olah orang lelaki di Malaysia ini

terlalu teruk sangat. Jadi itu yang saya rasa kenyataan ini tidak kena dengan apa yang kita sedang diperjuangkan hari ini.

Dan perjuangan kita hari ini, dalam pembangunan wanita hari ini, telah pun dibuat beberapa kenyataan supaya hukuman yang sepatutnya, yang setimpal dengan perbuatan mereka dapat ditambah. Kalau boleh saya cadangkan penjara seumur hidup. Kalau mereka yang membuat perkara-perkara yang memang dari segi Islam - malahan agama apa sekali pun - memang cukup menghina kalau sumbang mahram ini berlaku dalam keluarga. Jadi, kalau kita penjara seumur hidup, saya rasa itulah hukuman yang terbaik, setimpal kepada mereka.

Baru-baru ini ada satu cerita, Tuan Yang di-Pertua, dalam penjara. Seorang yang sudah merogol anaknya, dia masuk penjara. Selepas itu kawan-kawan dalam penjara itu bertanya, "Apakah kesalahan awak?" Dijawab, "Kesalahan saya mencuri". Dia ditanya pula, "Kesalahan awak pula apa?" dan dijawab, "Kesalahan saya kerana merogol anak sendiri". "Ha? Kamu rogol anak kamu sendiri? Aku mencuri hendak bagi makan anak aku, sayang anak aku, engkau pula merogol?". Dia pun menyingsing lengan lalu menumbuk muka orang yang merogol hingga bengkok. Datang seorang lagi bertanya, "Apa pasal?" Maka dijawab, "Dia merogol anaknya". Dia pun menumbuk juga. Begitulah perasaan seorang bapa yang bertanggungjawab, yang ada perasaan, dia sayang walaupun dia di dalam penjara.

Timbalan Yang di-Pertua: Maknanya pencuri pun tidak suka perogol?

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Ya betul, pencuri pun marah perogol yang merogol dalam erti kata sumbang mahram ini, maknanya dia merogol anak atau cucu. Pencuri baik, penjenayah dalam jail pun marah, sampai ditumbuk hingga lebam muka perogol. Begitulah keadaannya, begitu marahnya mereka.

Jadi, bagi saya sudah sepatutnyalah kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Dato' Abdullah Badawi supaya hukuman yang lebih berat dikenakan kepada pesalah sumbang mahram ini. Kalau tidak kita bendung, ia akan melarat di masa akan datang.

Dan saya menyarankan juga kepada Kementerian Pembangunan Wanita supaya pertamanya, selalu diadakan kursus keibubapaan. Kursus kebapaan dahulu oleh sebab kursus keibubapaan sudah selalu diadakan. Saya sudah selalu membuat kursus keibubapaan, tetapi yang datang dalam seminar-seminar ini selalunya wanita. Ibu datang, bapa tidak datang. Sekarang ini ditekankan supaya kursus kebapaan ini ditetapkan, supaya semua bapa-bapa di Malaysia ini bertanggungjawab. Seorang bapa perlu bertanggungjawab ke atas isteri dan keluarganya, barulah institusi keluarga itu akan berjalan dengan baik. Saya berharap kaum-kaum bapa janganlah mengelak bila dipanggil untuk berkursus. Saya tahu kaum bapa ini kadang-kadang dia ego, dia rasa dia sudah betul, dia tidak mahu pergi kursus.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu buat program di kampung, bila buat program keibubapaan, saya tengok kalau dipanggil 100 orang, wanita sahaja yang datang, suami-suami tidak datang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ha, ini betul.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Betul ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Fasal lelaki ini memang degil sedikit. *[Ketawa]*

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Itulah saya berharap kepada Dewan yang mulia ini supaya kita hendak melahirkan kaum bapa di Malaysia ini sebagai bapa yang benar-benar bertanggungjawab. Tuan Yang di-Pertua, kita tinggalkan perkara tadi dan kita pergi ke perkara lain.

Tuan Yang di-Pertua, perasaan negara ini sering kali dilukai, dilukai oleh negara jiran berdasarkan sifat kita yang berbudi bahasa dan menghormati jiran. Kita terlalu acap bertolak ansur dan berlembut dengan mereka. Jadi, sampai bilakah keadaan ini akan berulang. Sesekali kita perlu menggertak dan meninggikan suara terhadap jiran kita agar mereka belajar menghormati hak kita.

Dalam kes penambakan laut oleh kerajaan Singapura saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir agar segala bentuk kerjasama dengan Kerajaan Singapura ditangguhkan sekiranya mereka terus menambak perairan mereka sehingga melepasi sempadan perairan kita.

Memorandum bantahan awal perlu dihantar segera untuk memamatkan segala alasan Kerajaan Singapura untuk meneruskan kerja penambakan tersebut. Kajian mengenai kesan penambakan tersebut terhadap kepentingan negara dan rakyat ini perlu dijalankan dengan penuh ketelitian dan profesional. Kita tidak mahu menanggung kerugian sekiranya Pelabuhan Pasir Gudang, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan kem tentera PULAREK menjadi projek gajah putih, kesan daripada tindakan penambakan laut di Singapura.

Yang paling bernasib malang ialah nelayan-nelayan di selatan tanah air yang pastinya menjadi golongan yang berisiko tinggi terhadap punca mata pencarian mereka akibat tindakan Singapura itu. Justeru itu kajian semula dan pergantungan kerjasama dengan Singapura perlu dilaksanakan jika mereka terus menerus berdegil.

Tuan Yang di-Pertua, mutu pendidikan negara ini semakin hari semakin berkembang sejajar dengan matlamat Wawasan 2020 yang ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju di dunia. Tetapi baru-baru ini kita dikejutkan oleh kenyataan yang melaporkan bahawa terdapat lebih kurang 20,000 orang graduan di negara ini masih menganggur. Ini pun yang berdaftar dengan Kementerian Sumber Manusia. Kemungkinan jumlah graduan yang menganggur di negara ini adalah terlalu ramai. Hasil siasatan lanjut mendapati kebanyakan daripada mereka mempunyai kelulusan yang tidak lagi relevan dengan pasaran kerja di negara ini. Oleh itu Kementerian Pendidikan dan pihak institusi pengajian tinggi diminta berbincang dengan Kementerian Sumber Manusia agar menggariskan keperluan yang ditawarkan oleh pasaran kerja pada masa ini dan akan datang. Kursus yang difikirkan tidak relevan perlu diganti dengan kursus yang mempunyai pasaran yang luas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar satu proses kaji selidik dan pembancian perlu diadakan untuk mengesan jumlah graduan IPT yang masih menganggur di negara ini agar bantuan awal dapat disalurkan kepada mereka. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya pihak swasta dapat memainkan peranan mereka dalam menangani masalah pengangguran ini. Selain daripada itu juga kita semua faham bahawa di mana graduan kita ini bukan sahaja dibelenggu dengan tidak ada pekerjaan maknanya menganggur tetapi beliau juga dibelenggu dengan hutang yang belum dibayar.

Jadi, saranan saya kita perlu mewujudkan supaya mahasiswa ini akan diterima atau diambil bekerja tanpa mengambil kira pengalaman, kerana tiada pengalaman tanpa kerja. Kadang-kadang kita kasihan mereka pergi temuduga ia akan ditanya pengalaman kerja, sedangkan mahasiswa kita baru sahaja keluar daripada belajar. Mereka belum ada pengalaman kerja. Jadi, saya rasa itu tidak boleh diambil kira, sebaik-baiknya berilah mereka kerja dahulu, barulah mereka akan mendapat pengalaman.

Saya juga ingin menyarankan agar tangga gaji selaras diberikan kepada graduan mengikut kelulusan mereka. Saya kurang setuju kalau ada pihak mengatakan bahawa graduan-graduan kita ini memilih kerja. Pada saya memilih kerja itu adalah betul kerana memilih kerja adalah perlu supaya mereka dapat bekerja selari dengan bidang pengajian yang mereka ambil di universiti agar apa yang mereka pelajari dapat dipraktikkan dalam kerjaya mereka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah setakat ini ucapan saya dalam majlis pada pagi ini dan saya dengan ini bersama-sama menyokong Usul Titah Ucapan ke bawah Duli Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Dato' Hamzah.

11.45 pagi.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan untuk saya mengambil peluang membahaskan Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Syukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana negara kita aman, serupa seperti ucapan Seri Paduka Baginda yang bermula dengan mengatakan bahawa kita bersyukur kerana negara kita dalam keadaan aman dan stabil. Rakyat menyokong Kerajaan Barisan Nasional. Dr. Mahathir, pemimpin Islam yang diiktiraf. Inilah permulaan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita semua harus menerima hakikat bahawa hari ini negara kita telah menjadi negara yang

boleh dianggap sebagai negara teladan kepada negara-negara jiran kerana walau bagaimana sempit keadaan ekonomi hari ini tetapi kita dapat bertahan, kita dapat memberikan rakyat hidup dalam keadaan aman dan sentosa.

Ini semua adalah kerana kita mempunyai seorang pemimpin iaitu Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir. Pemimpin kita yang dianggap hari ini sebagai pemimpin agung Islam, pemimpin yang diiktiraf oleh dunia, diiktiraf oleh umat Islam sebagai pemimpin agung Islam pada ketika ini. Pemimpin kita merancang, pemimpin kita membina negara tetapi apakan daya, dalam keadaan beliau yang benar-benar ikhlas untuk merancang dan membina negara Dato Seri Dr. Mahathir juga dizalimi dengan bermacam-macam tuduhan, dengan diberikan bermacam-macam gelaran. Ada yang sanggup memanggil seorang pemimpin agung yang sebegini rupa sebagai Firaun, sebagai 'mahazalim', ada yang memberi gelaran *shit* dan bermacam-macam lagi yang tidak sanggup hendak saya sebut dalam Dewan yang sebegini rupa.

Bukankah ayat Al-Quran surah An-Nisa, ayat 148 yang mengatakan, Allah tidak menyukai ucapan buruk yang diucapkan, kecuali oleh orang yang dianiayai atau dizalimi. Allah adalah maha mendengar lagi maha mengetahui. Kita sesama kita umat Islam yang ada di dalam negara ini yang memberikan gelaran yang sebegini rupa, bukan orang lain, kita orang Islam juga yang memberikan gelaran yang sebegini rupa. Apakah mereka tidak sedar bahawa negara kita hari ini maju kerana kita mempunyai pemimpin yang sebegini baik, bahawa negara kita hari ini diiktiraf oleh dunia kerana kita mempunyai pemimpin yang baik seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu tadi saya persoalkan. Saya memberi soalan tambahan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk bertanyakan, apakah maksud pewaris nabi yang sebenarnya dan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi dalam soalan tambahan saya. Kadangkala kita hairan, bila bercakap di dalam Dewan mengaku bahawa ulama itu pewaris nabi tetapi yang mengaku pewaris nabi itulah yang bercakap yang sebegini rupa, yang telah memberitahu kepada seluruh rakyat jelata dengan menggunakan bahasa-bahasa yang bukan-bukan, yang mengeji pemimpin-pemimpin kita.

Bukankah Dato Seri Dr. Mahathir orang Islam. Bukankah dia selama ini yang membela nasib agama. Bukankah negara hari ini telah membangunkan masjid, telah membangunkan surau, telah membangunkan institusi-institusi pengajian Islam dan bermacam-macam lagi. Menerima hari kebesaran Islam. Bermacam-macam yang telah pun kita buat untuk melambangkan bahawa pemimpin kita memang arif dari segi agama kerana beliau di kelilingi oleh penasihat-penasihat yang tahu, bertanggungjawab demi untuk membela bangsa, agama, rakyat dan negara kita.

Jadi, saya mengesyorkan kepada Jabatan Perdana Menteri ataupun Kementerian Dalam Negeri membuat satu kajian atau membuat sesuatu agar mereka yang berceramah dengan memaki, mencaci, mencela orang dan sebagainya, di tangkap bulat-bulat di hadapan mata khalayak ramai. Kerana mereka inilah yang boleh memecahbelahkan rakyat yang ada hari ini, yang mengaku bahawa kita hidup di dalam aman dan sentosa.

Jadi, kalau kita dengar seorang yang berceramah memaki pemimpin kita, tidak kira siapa, tidak kira datangnya daripada parti mana. Asalkan dia mencaci, asalkan dia memaki tangkap depan-depan. Kerana kita tidak mahu lagi ada ceramah-ceramah yang boleh memutarbelitkan sehingga keliru rakyat jelata.

Semalam, saya sudah persoalkan, ada kata undi PAS masuk syurga. Kemudian, sahabat saya Yang Berhormat Tuan Hassan berkata, itu hanya seperti memberitahu bahawa sebenarnya duduk dalam syurga ini benda yang baik seperti bubuh 'carrot' di depan. Supaya orang tahu buat amalan yang baik. Kalau hendak bubuh 'carrot' di depan pun, bukan suruh undi PAS. Suruh buat benda baik. Bukan dengan mengundi.

Saya kesian kerana PAS ditubuhkan pada tahun 1950-an. Sebelum tahun 1950-an apa jadi dengan orang-orang Islam. Tidak masuk syurga? Kerana mereka tidak pernah pun mengundi PAS. Apa jadi dengan datuk, nenek, moyang kita? Apa jadi dengan datuk, nenek, moyang, tok-tok guru mereka? Tidak pernah pun menjadi ahli PAS sebelum PAS ditubuhkan.

Janganlah kita memesongkan akidah rakyat kita hari ini, umat Islam yang ada dalam negara kita ini. Kita berjuang, saya mengaku kita berjuang sesama kita, agenda

kita, untuk menentukan bahawa kita mempunyai satu negara yang aman, mencapai masyarakat yang benar-benar cemerlang. Alhamdulillah, kalau kita semua tahu tentang tanggungjawab-tanggungjawab kita semua ini, perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Ada juga sahabat kita Yang Berhormat, kakak saya Jamilah semalam beritahu, hari Isnin. Dia kata, masalah moral hari ini begitu hebat sekali seperti sahabat saya Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah beritahu, ada sumbang mahram. Pasal apa? Katanya kerana kurang tentang ceramah agama, kurang tentang memberitahu bahawa Islam itu sebenarnya menyuruh buat baik dan sebagainya.

Saya hendak beritahulah, mereka menyindir kerajaan, seolah-olah kerajaan yang ada hari ini tidak buat ceramah agama, tidak buat pendidikan Islam, tidak buat bermacam-macam isu tentang agama. Tetapi saya hendak tanya Kerajaan Kelantan yang dipunyai dan dipimpin oleh orang yang menganggap dirinya pewaris nabi, yang memberi ceramah agama tiap-tiap minggu, tiap-tiap hari Jumaat.

Hari ini dalam Utusan Malaysia, [*membaca keratan akhbar*] Penyebar Fikiran Rakyat – Utusan Malaysia bertarikh Rabu, 10 April 2002, muka hadapan. Rintihan gadis 16 tahun dinodai datuk sendiri. Di mana? Kota Bharu, 9 April. Kota Bharu – yang tempat di mana orang yang mengaku dirinya ulama, memberi ceramah tiap-tiap minggu.

Ini masalah apa? Bukankah masalah sumbang mahram ini kerana ada masalah-masalah luaran yang lain. Bukankah datuk ini juga orang Islam? Bukankah gadis ini juga orang Islam? Mereka tahu kesalahan kerana melakukan zina. Mereka tahu! Saya percaya mereka tahu. Tetapi oleh kerana masalah luaran.

Bukankah Allah s.w.t. menurunkan ayat-ayat untuk memberitahu kepada kita supaya kita jauhan zina. Kenapa? Kerana ketika itu juga, masa zaman Rasulullah lagi perkara ini berlaku. Zaman itu lagi telah berlaku. Memang kalau dalam keadaan yang terdesak, memang manusia bukan lagi jadi manusia tetapi mungkin menjadi binatang.

Sebab itulah yang sebenarnya jangan kita menuduh sesama kita kerana kalau kita hendak menuduh, saya juga boleh menuduh pemimpin-pemimpin yang bukan daripada Barisan Nasional. Saya meminta supaya kalau boleh dalam Dewan kita ini supaya kita sama-samalah memikirkan tanggungjawab kita. Cerita benar. Benda yang boleh memberi manfaat kepada rakyat seluruh yang ada, sama ada dia umat Islam ataupun bukan umat Islam tetapi yang pentingnya supaya masyarakat kita menjadi satu masyarakat yang cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya dengar seorang lagi - Ustaz Hassan ada sebut, sebagai orang Islam kita mesti menjaga atau pelihara agama, akal, nyawa, harta dan maruah. Saya hendak beritahu, kalaulah kita ini duduk fikir, Ya Allah! Ya Tuhanku berikanlah petunjuk kepada diriku sama ada pemimpin negara yang ada hari ini, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, adakah dia memelihara perkara-perkara ini. Fikir sikit.

Agama – apa yang Dr. Mahathir buat? Dr. Mahathir buat banyak. Kerajaan Barisan Nasional buat bermacam-macam. Saya sudah sebut tadi. Mendirikan masjid, surau, institusi pengajian Islam, hari kebesaran Islam. Bermacam-macamlah yang kita buat untuk menentukan, memberitahu bahawa negara kita ini memang dipimpin oleh orang Islam. Sebab itu kita panggil negara kita, negara Islam. Jadi, kita melindungi, kita pelihara agama kita, kita tidak mencaci pemimpin kita, kita beritahu benda yang baik-baik. Lepas itu kita duduk diam-diam. Fikir!

Adakah Dr. Mahathir ini pelihara akal rakyat kita? Kita duduk fikir betul-betul dan kita tidak akan menuduh pemimpin kita kerana kita tahu bahawa dia juga sebagai seorang doktor, dia buat hospital, dia bangun hospital sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, masya-Allah merata-rata. Ada yang belum siap, ada yang sudah siap, ada yang kecil, ada yang besar, di kampung, di bandar, semuanya kita buat, klinik dan sebagainya untuk menentukan rakyat kita sihat. Bila rakyat kita sihat akal dia terjaga. Kerana kesihatannya baik. Supaya kita tidak lagi tuduh menuduh kerana kita tahu berbicara dengan baik selepas ini. Sebab itu kita buat macam-macam. Kita buat riadah, kita beri pengajaran ilmu dan sebagainya.

Lepas itu fikir pula, pelihara nyawa. Kita ada macam-macam. Sebab itu kita ada Menteri Pertahanan, kita ada Kementerian Dalam Negeri. Orang luar masuk kita

tangkap. Sudah tangkap, lari, kita tangkap semula. Tidak boleh lagi hendak tangkap, kita tembak mati. Kerana ini semua adalah untuk kita menentukan bahawa nyawa rakyat kita dipelihara. Sebab itulah kita hari ini hidup dalam keadaan aman dan stabil seperti Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Lepas itu kita pelihara harta. Dia kata, kita ini orang Islam, kena pelihara harta. Saya bersetuju. Kita pelihara harta kita. Bukankah hari ini ekonomi kita tidak boleh dikotak-katikkan kerana kita benar-benar pelihara ekonomi dalam negara kita. IMF hendak masuk campur, kita kata jangan. Kita ada orang yang boleh menjaga harta kita. Sebab itu kita buat perkara-perkara yang boleh menguntungkan negara supaya harta kita tidak terjual kepada orang luar.

Cuba kita lihat di Indonesia. Apa jadi? Harta-harta mereka yang ada, kita tengok ladang-ladang yang besar-besar, dijual kepada orang luar negara. Kita tengok di Bangkok, apa terjadi? Bank-bank mereka yang besar dijual kepada orang luar negara. Di Korea, di merata-rata. Tidak payah saya hendak sebutkan.

Saya ingat kita semua faham bahawa sebenarnya memang kita pelihara harta kita. Baru Singapura hendak tambak laut berhampiran dengan Selat Johor, kita sudah bising. Ini menunjukkan bahawa kita sebenarnya prihatin dan memang tahu akan tanggungjawab kita. Kalau harta kita terancam, kita akan bising.

Kemudian pelihara maruah. Tidakkah kita hari ini dapat memelihara maruah kita sehinggakan seluruh umat Islam di seluruh dunia mahukan kita memperjuangkan nasib mereka kerana mereka tahu hanya kita sahaja yang mempunyai pemimpin yang bermaruah, pemimpin yang berwibawa, yang boleh berucap dengan sesiapa sekalipun?

Apabila pemimpin kita berucap, dia tidak *beat around the bush*, dengan izin. Dia bercakap benar, bercakap *straightforward*, dengan izin. Ini tidak! Sebab itu sehingga ada pemimpin yang bernama 'Bush' dok cerita yang bukan-bukan! Hari ini cakap lain, esok cakap lain. Samalah dengan pemimpin pembangkang kita yang ada, hari ini cakap lain, esok cakap lain!

Masalah Israel-Palestin, konon-kononnya pemimpin Amerika marah kepada pemimpin Israel hari ini. Esok cakap lain pula. Serupalah dengan pemimpin parti pembangkang kita yang ada dalam negara kita. Hari ini cakap lain, esok cakap lain. Tidak menjaga maruahnya. Cakap hari ini lain, esok lain. Itu maknanya tidak jaga maruahnya itu. Pemimpin kita tidak. Dia bercakap kalau hendak membela nasib umat Islam di seluruh dunia, dari dulu hingga sekarang, dia akan terus membela nasib umat Islam di seluruh dunia. Hari ini dia mengajak kita semua untuk berjuang dan tidak bergantung kepada orang lain.

Jadi, saya mengesyorkan supaya Jabatan Perdana Menteri menerangkan dan menjelaskan kepada rakyat jelata tentang isu yang dibangkitkan ini dengan sejelas-jelasnya supaya rakyat yang ada dalam negara kita ini tidak hidup dalam keadaan yang ada mempunyai perasaan syak wasangka di antara satu sama lain.

Kemudian saya hendak ucap tahniah kepada kerajaan yang telah menggalakkan sektor komoditi seperti kelapa sawit, getah, koko, hutan, kayu-kayuan dan mineral seperti dikatakan dalam titah ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kadang-kadang bila kita kata kita hendak menggalakkan sektor komoditi ini, saya hendak ambil contoh kelapa sawit, Tuan Yang di-Pertua. Bila harga merudum, ketika itu semua orang cakap, "Apa salahnya minyak kelapa sawit ini kita tukarkan menjadi diesel kerana ia boleh digunakan sebagai bahan api bio-diesel?" Dijadikan bio-diesel. Itu semasa harga turun. Bila harga sudah naik balik, hampir RM1200, sudah tidak ada orang lagi hendak cakap pasal bio-diesel. Saya minta kalau boleh bila kerajaan hendaklah menggalakkan perkara ini sehingga menjadi satu sektor yang berdaya saing. Cuba kita fikirkan hari ini.

Tadi Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ada mengatakan tentang pencemaran udara. Kalau kita hendak menggalakkan sektor komoditi ini, contohnya kelapa sawit, mengapa tidak kita fikirkan - dengan izin Tuan Yang di-Pertua - *public transport* yang ada dalam negara kita ini, di Kuala Lumpur, di Johor Bharu, di Pulau Pinang, tempat saya di Ipoh dan di bandar-bandar besar ini, menggunakan *public transport* seperti bas, lori dan teksi ini menggunakan diesel. Pencemaran udaranya begitu teruk sekali.

Mengapa tidak kita tekankan? *Only with the political will* yang ada, dengan kerajaan sahaja yang boleh menekankan supaya *public transport* yang ada di bandar-bandar besar ini mesti menggunakan bio-diesel kerana bio-diesel adalah bahan yang mesra alam (*environmental friendly*). Sebab itulah kalau kita kata hendak galakkan, mulalah dari sekarang oleh kerana semalam saya baca dalam *Utusan Malaysia* juga, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) – universiti yang saya belajar – sudah boleh proses bio-diesel.

Bila saya baca ini, saya bangga kerana universiti ini boleh membangunkan proses bio-diesel yang boleh digunakan sebagai bahan api. Jadi, kalau ini sudah ada, yang telah pun dikeluarkan oleh orang kita, rakyat kita dan universiti kita, saya minta supaya kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri ataupun Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini memberikan galakan supaya mereka ini boleh mengeluarkan bio-diesel ini secara komersial dan dimestikan supaya *public transport* yang ada di bandar-bandar besar menggunakan bio-diesel melalui proses yang mungkin dibuat oleh Universiti Teknologi Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh tentang pelancongan ini. Bercakap tentang pelancongan ini, bila kita pergi ke luar negara, bila kita bawa anak-anak yang kecil-kecil, kita tanya mereka hendak pergi mana, yang mereka akan beritahu kita ialah zoo. Selalunya kanak-kanak ini kalau kita bawa pergi ke luar negara, perkara yang mula-mula sekali yang kita tanya hendak pergi melawat mana, dia kata zoo.

Tuan Yang di-Pertua, Zoo Negara kita yang ada ini, kalau kiranya anak-anak sudah pergi zoo di situ, esok kita tanya lagi, "Hendak pergi zoo sekali lagi?" Dia kata sudah tidak hendak pergi. Tidak ada apa yang ada di zoo. Mengapa kita tidak pertingkatkan kualiti, pertunjukan dan kualiti pameran tentang zoo kita yang ada? Bukan hanya zoo, muzium kita.

Kita buat perkara-perkara lain tetapi bila orang datang ke sini, pelancong datang ke sini, selalunya orang bercakap tentang melawat zoo, melawat muzium, mereka akan bandingkan dengan zoo-zoo yang ada di negara-negara jiran kita.

Singapura negara kecil. Kalau hendak kirakan, hutannya memang kecil betul kalau kita bandingkan dengan hutan negara kita. Tetapi harimau yang ada dalam Zoo Singapura lebih garang daripada harimau yang ada dalam zoo kita. Betul, ini cerita betul, bukan saya cerita main-main.

Betullah kalau kita melawat zoo di negara Thailand, kalau kita bandingkan gajah yang ada dalam zoo kita dengan gajah yang ada di Thailand, gajah Thailand lebih hebat daripada gajah kita. Gajah kita macam tidak cukup makan. Ini kadang-kadang kalau kita bercakap supaya pelancong datang melawat negara kita tetapi perkara-perkara ini yang memang menjadi lumrah kalau orang pergi melawat mana-mana negara, dia akan fikirkan zoo ataupun muzium.

Jadi, ahli-ahli yang suka tentang sejarah, mereka akan pergi melihat muzium. Cubalah kita bandingkan juga dengan negara jiran kita, muzium yang ada di negara kita dengan muzium yang ada di Singapura. Di Singapura itu, sejarah dalam muzium yang ada itu ditukarkan sehingga nampak begitu hebat, seolah-olah negara Singapura itu sejarahnya baru bermula semenjak Lee Kuan Yew menjadi Perdana Menteri. Muzium kita, orang tidak tahu masa bila bermulanya negara kita ini.

Cuba kita fikirkan perkara ini supaya kita dapat memberikan manfaat kepada pelancong dan juga kepada generasi akan datang bahawa melalui muzium, kita boleh melihat sejarah negara kita. Sebab itu saya minta, kalau boleh, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ini mengambil tindakan supaya melihat semula dalam kaedah untuk menentukan bahawa pelancong datang dan berminat dengan zoo atau muzium yang ada dalam negara kita.

Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua minta kalau boleh bercakap hanya setengah jam, jadi saya hendak mempercepat-cepatkan ucapan saya.

Satu lagi dalam ucapan Titah Baginda ini ada mengatakan peningkatan sistem pengangkutan jalan dan trafik. Tahniahlah! Kalau kita tengok Kuala Lumpur begitu hebat sistem pengangkutan jalannya. Jalan-jalan raya yang dibuat di dalam bandar kita begitu hebatnya, ada jalan bawah, ada jalan atas. Maksud saya, bila *highway* yang bawah itu, jalan bawahlah. Kalau yang *double decker*nya yang sebelah atas itu, jalan

ataslah. Tetapi kalau kita buat semua ini, tiba-tiba hari hujan semua kereta tidak boleh hendak berjalan. Apa jadinya? Kita fikirkan buat jalan satu bab tetapi kalau hujan bagaimana? Ini bila hujan, banjir seluruh Kuala Lumpur. Kita sudah belanja beratus-ratus juta. Apa tidak buat, tentukan supaya kalau hujan, bandar kita tidak banjir barulah kita buat jalan. Tidak guna buat jalan kalau kita tidak boleh gunakan bila musim hujan, semua tidak boleh hendak berjalan, *traffic jam*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua pun mungkin pernah kena *traffic jam* semasa musim hujan. Saya mintalah kalau boleh, kita fikir ini buat supaya kita dapat menentukan seperti *flood mitigation system* ini dapat kita buat dengan secepat mungkin. Ini saya pula dengar ada orang beritahu saya, kata hendak bagi kepada satu syarikat hendak tentukan supaya tidak ada lagi masalah banjir dalam bandar kita. Janganlah bagi kepada satu konsortium sahaja. Kalau jumlah projek itu besar, kalau benda itu gagal, lambatlah dia. Kita pecah-pecahkan, bagi banyak-banyak kerana dalam program membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian ini bukan hanya seorang, ramai. Kita beri kepada semua yang ada. Sesiapa sahaja yang boleh, semua kita beri.

Saya ingat hari ini rakyat kita ramai yang layak untuk membangunkan atau menjalankan kerja-kerja untuk membuat sistem *flood mitigation* untuk bandar kita ini. Ini bagi yang itu, itu juga, akhirnya kalau gagal, gagallah seluruhnya. Kita tengok! Sudah pernah ada dahulu, Renong buat apa pun Renong, Renong, Renong, akhirnya termenung semua. Sebab itulah kalau boleh kita tentukan, kalau Renong itu untuk jalan raya, kita beri dia jalan raya sahaja, tidak payah buat benda lain. Benda lain suruh orang lain.

Kalau multi media bagi syarikat Datuk Ghazi dia buat. Kalau masalah *bio diesel*, kalau UTM tadi boleh buat kerjasama dengan FELCRA sebagai contohlah sebab saya Pengerusi FELCRA. Itu saya cuma bagi

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Bagi jalan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Bagi jalan ya? Ustaz setuju, ustaz ya? Ustaz Hassan ini bagusnya kalau yang baik, dia setuju. Cuma yang kurang baik..yang kurang baik itu, kecil. Yang itu yang selalu dia tidak setuju itu, kita cerita yang besar-besar sekarang ustaz. Jadi, saya ucapkan kalau boleh benda ini supaya Menteri Kewangan memikirkan bila hendak mengagihkan kerja-kerja seperti ini, berikanlah kepada beberapa konsortium. Jangan hanya beri kepada satu.

Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mahu meningkatkan kualiti hidup masyarakat desa melalui pembangunan prasarana. Saya rasa begitu hebat sekalilah desa-desa yang ada ini. Hendak cakap pasal air, semua kampung sudah ada air. Adalah lagi di Sabah dan Sarawak mungkin belum sampai tetapi insya-Allah dalam perancangan saya rasa, kerajaan hendak buat ini semua. Hendak cakap dari segi *electricity*, semua sudah ada tetapi dari segi ekonomi, orang desa itu masih lagi belum dapat kita rancang dengan begitu rapi.

Jadi, saya mintalah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, bila hendak beri program pembangunan aktiviti ekonomi luar bandar ini kerana kita mesti ada dua asas bila kita hendak membangunkan ekonomi orang desa, kita jangan lupa dua perkara asas ini. Pertama, mampukah mereka menghasilkan produk-produk luar bandar ini? Kalau mereka tidak mampu, kita beri bermacam-macam, bantu mereka. Beri kursus, kalau tidak ada mesin alat-alat diberikan, berikan sokongan untuk mereka mengeluarkan produk-produk di kampung-kampung ini.

Asas yang kedua, kita kena fikir kemampuan memasarkan produk-produk ini. Ini semua kampung bila hendak buat kerepek ubi, semua kampung daripada Johor Bahru sampai ke Perlis hendak buat kerepek ubi. Selepas itu bila hendak pasarkan sudah tidak tahu di mana sebab terlampau banyak sangat. Jadi, saya mengesyorkan supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini memikirkan atau tubuhkan satu badan atau institusi supaya dapat memantau dan menyelaraskan program ini secara terperinci. Maknanya kalau kita kata orang Johor buat kerepek ubi, kerepek ubilah ataupun kalau Johor tempe, buat tempe. Kalau di Perak kerepek ubi, kerepek ubilah. Kalau di Kelantan baulu kemboja, baulu kembojalah. Kita berikan ini dan kita beri peluang supaya produk-produk yang dikeluarkan ini ternama. Nanti orang tahu kalau hendak kerepek ubi yang paling masyhurnya daripada negeri Perak. Kalau tempe yang masyhur daripada Johor. Baulu kemboja yang masyhur di Kelantan, sebagai contoh. Yang saya hairan, nama baulu kemboja tetapi *famous* di Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua: Kena tukar baulu Kelantan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ha, lain kali kita tukar jadi baulu Kelantan. Jadi, inilah saya minta kalau boleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar fikir ini dengan memberikan jenama-jenama. Kadang-kadang produk baik tetapi jenama tidak ada. Contohnya buat kuih baululah, Tuan Yang di-Pertua.

Orang Melayu daripada dulu sehingga sekarang ini buat kuih baulu sama sahaja rasanya, daripada dahulu lagi masa saya kecil apabila pergi berhari raya ke rumah orang sampai sekarang kuih baulu rasanya itulah. Cuma yang bezanya, dahulu kecil-kecil baulunya hari ini sudah ada ikan besar, ada kapal layar, kuih baulu juga. Fizikalnya yang lain tetapi rasanya sama. Jadi, kenapa tidak Kementerian Pembangunan Luar Bandar fikirkan, buat kajian baulu perasa strawberi boleh hantar ke Harrods jual. Baulu perasa duriankah, coklatkah, bermacam-macam lagi. Tolong buat kajian untuk rakyat desa. Itu caranya supaya duit PPRT itu digunakan untuk membantu orang desa secara yang lebih baik.

Nombor sembilan, saya hendak cerita tentang meningkatkan kualiti hidup rakyat. Sudah setengah jam ya Tuan Yang di-Pertua. Sikit lagi ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Sikit lagi.

Dato' Hamzah bin Zainuddin: Tumpuan meningkatkan kualiti hidup rakyat dan mewujudkan kawasan persekitaran yang bersih, selesa, selamat dan mesra.

Saya ingatlah, kerajaan kena mengkaji semula dengan cara yang benar-benar *detail*. Kalau hari inilah macam *waste treatment plant, incinerator* yang hendak diwujudkan, saya rasalah kerajaan sudah cerita perkara ini lama sangat, tidak jadi-jadi. Macam-macam program sudah buat. Hari ini program untuk kitar semula, macam-macam program telah kita buat tetapi tidak berjaya juga. Saya minta kalau bolehlah, kita teruskan kita buat juga, memberikan satu contoh kepada rakyat jelata bahawa kalau kita sudah buat, inilah jadinya.

Ini masalah sampah merata-rata tepi jalan semua ini sebab tidak ada penekanan yang begitu kuat, itu jadinya. Sebab itu kita kena kaji semula supaya kalau kita hendak dapat kualiti hidup rakyat yang begitu baik, kita kena cepat-cepat wujudkan benda ini dan kalau orang buang sampah tepi jalan, tangkap buat undang-undang supaya dapat kita tangkap mereka ini. Ini cerita tetapi tidak buat. Akhirnya parti-parti pembangkang mengambil isu-isu inilah untuk menunjukkan bahawa kita ini tidak buat kerja. Jadi, saya minta kalau boleh kerajaan menekankan ini supaya kalau boleh buat cepat, buatlah dengan secepat mungkin. Bukan itu sahaja, banyak lagi seperti *sewage treatment plant*. Dahulu sudah bagi kepada apa nama syarikat? Dahulu Datuk Ghazi pernah menjadi pengerusinya, IWK. Hari ini sudah ditukar-tukar akhirnya tidak tahu apa hendak jadi. Jadi, saya tanyalah kepada kementerian yang berkenaan, tolong beritahu kita, jawab ini, pasal apa lambat sangat selesai masalah ini. Rakyat bayar juga tetapi benda tidak selesai. Jadi, cerita fasal pencemaran air, pencemaran udara, kita buatlah kajian untuk benar-benar supaya kita dapat menempuh tahun-tahun ini sebagai benar-benar negara yang bersih kehidupannya.

Cerita fasal sukan pula, kita ucapkan tahniah kepada kerajaan beri sokongan kepada Alex Yong jadi pelumba kereta *Formula One*. Begitu hebat, kita belanja saya dengar betul atau tidak berjuta-juta, mungkin RM20 juta, RM30 juta hendak beri supaya Alex Yong ini jadi pemandu, jadi *racer Formula One*, yang kita dapat nama apa. Tiap-tiap kali Alex Yong daripada Malaysia tempat, kalau ada 20 orang, nombor 20, kalau lapan orang, nombor 8. Kita banggallah nombor 8 sebab yang lain semua sudah berlanggar tinggal nombor 8 okaylah. Sudah tentu dia tidak berlanggar sebab dia terlampau sangat perlahan. Orang lain di depan berlaga dia boleh elak.

Tetapi kalau kita hendak belanja banyak supaya duduk di tempat yang terakhir, saya ingat strategi tidak kena. Kita buat strategi yang betul-betul, kalau kita rasa yang itu memang kita tidak boleh mampu, tak usah belanja RM20 juta, RM30 juta ini, kita gunakan katalah orang muda yang boleh main golf badan yang besar-besar tiap-tiap hari kita suruh dia besarkan *musclenya*, tangannya supaya boleh pukul kuat-kuat, saya ingat belanja RM20 juta itu boleh kita gunakan mungkin 20 atau 30 orang, akhirnya tiap-tiap kali kita tengok TV pertandingan golf dunia mesti ada nama rakyat kita, mesti ada rakyat Malaysia. Lebih daripada apa yang kita terima yang memalukan kita kadang-kadang hendak sebut pun susah - *Formula One Racing*, ada kita punya pemandu tetapi akhirnya gagal.

Jadi, saya minta supaya Kementerian Belia dan Sukan buatlah kajian yang benar-benar, sukan mana yang mampu untuk kita menjadi pemenang sukan dunia, yang itu kita tumpukan, yang lain-lain itu jangan buang duit.

Akhirnya saya hendak cerita tentang Istana Budaya. Kita bercakap daripada segi budaya kita, kita hendak memajukan budaya kita, jadi kita buatlah Istana Budaya. Kita panggil orang-orang luar untuk menggunakan Istana Budaya menganjurkan teater-teater yang hebat-hebat di Istana Budaya. Tetapi saya hendak beritahulah, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pernah pun menggalakkan kanak-kanak sekolah untuk pergi ke Istana Budaya untuk melihat betapa indahnyanya Istana Budaya ini, buat program kanak-kanak di Istana Budaya, buat teater kanak-kanak di Istana Budaya, biar daripada kecilnya lagi berikan mereka pengajaran ilmu tentang budaya negara ini, budaya bangsa yang ada dalam negara ini. Kita berikan daripada sekarang lagi pendidikan untuk akhirnya besok bila mereka dewasa yang benar-benar berminat untuk menjadi artis, untuk menjadi pelakon-pelakonnya kita boleh galakkan supaya esok kita mempunyai pereka yang bertaraf dunia bila mengadakan teater-teater di Istana Budaya.

Nama pun Istana, tetapi digunakan oleh orang luar. Sepatutnya Istana digunakan oleh orang kita. Sebab itulah saya minta supaya kalau boleh kementerian yang bertanggungjawab tentang ini supaya memikirkan tentang ini, jangan hanya untuk sesiapa tetapi budaya dalam negara kita. Kita ada bangsa, kita ada kaum India, kita ada kaum Cina, kita ada macam-macam kaum - Iban dan sebagainya, boleh kita tunjukkan melalui teater Istana Budaya.

Oleh kerana saya mengambil masa terlampau banyak, jadi saya minta maaf dan saya mengakhiri menyokong Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim.

12.25 tgh.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail di atas Titah Ucapan Baginda bersempena dengan Mesyuarat Penggal Keempat, Parlimen Kesepuluh di Dewan Rakyat pada pada 11 Mac 2002 dan seterusnya mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Titah Ucapan Baginda yang begitu bersemangat dan mempunyai keyakinan ke atas kemajuan dan pencapaian negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana telah mengurniakan keadaan aman sentosa dan sejahtera kepada negara Malaysia yang kita cintai dan telah membolehkan kita menangani bermacam-macam rintangan dan cabaran yang melanda ekonomi negara sepanjang ekonomi dunia berada dalam keadaan yang lembap.

Seperti mana yang kita maklum semuanya ini berlaku berkat kerjasama dan sokongan daripada rakyat kepada para pemimpin kita dan seharusnya kita juga bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana mempunyai seorang Perdana Menteri yang bijaksana dan berwibawa. Seperti mana yang kita maklum Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah membawa negara kita ke arah kemajuan dan kemakmuran dan kebolehan beliau ini telah diperakui oleh beberapa orang pemimpin dunia apabila pandangan beliau dalam beberapa isu tentang ekonomi, kedamaian, hak asasi manusia dan keganasan telah menerima penghargaan daripada mereka.

Kita juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada beliau apabila dijemput oleh George Bush, Presiden Amerika Syarikat untuk bertemu dengan beliau di Washington DC dan ini adalah satu penghormatan bukan sahaja untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, bahkan juga satu penghormatan kepada rakyat Malaysia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong beberapa perkara telah dibangkitkan berhubung dengan ekonomi, keamanan, kesejahteraan rakyat dan sebagainya. Semuanya ini menunjukkan keadaan memuaskan. Walaupun demikian, terdapat juga beberapa perkara yang perlu ditegur dan dibahas semoga keadaan sedia ada dapat diurus dengan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ada lima perkara yang ingin saya bahaskan untuk tinjauan kita bersama. Dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah memaklumkan bahawa kerajaan telah berusaha merangsangkan ekonomi negara sehingga ianya dapat berjalan dengan baik. Jelas sekali ialah suntikan yang telah diberi oleh kerajaan sebanyak RM7.3 bilion yang mana telah menjanakan ekonomi kita supaya bergerak dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda juga berasa gembira kerana semua projek yang telah diberikan rangsangan ini telah dapat dijalankan dengan pantas dan berkesan. Ini saya percaya adalah juga disebabkan oleh nasihat dan arahan daripada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sendiri kepada kakitangan kerajaan dan juga pihak-pihak yang berkenaan yang ada berkaitan dengan pembangunan negara kita supaya tiap-tiap projek yang dijalankan hendaklah dijalankan dengan pantas dan berkesan sehingga pada satu ketika Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sendiri telah meluluskan bahawa tiap-tiap projek kerajaan yang dijalankan kerajaan yang dijalankan hendaklah diberi pembayaran yang menepati waktu yang telah dijadualkan supaya ianya akan dapat meringankan alir tunai kewangan pihak kontraktor.

Beliau juga telah mengarahkan supaya bayaran itu tidak melebihi tempoh tiga bulan dan sekurang-kurangnya 50% daripada tuntutan awal dibayar dalam masa sebulan dan beliau juga telah mengarahkan supaya pegawai-pegawai yang didapati melambatkan pembayaran itu diambil tindakan, supaya mereka ini dipertanggungjawabkan untuk membayar balik kerugian yang dialami oleh pihak kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad adalah begitu yakin dengan hasratnya untuk mempercepatkan segala projek yang dijalankan dalam negara kita, setelah suntikan kewangan yang begitu banyak diberikan ke dalam ekonomi negara kita. Walaupun demikian saya ingin membawa beberapa perkara yang masih melambatkan melibatkan pelaksanaan projek-projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita selalu mengatakan bahawa kakitangan kerajaan yang selalu melambatkan projek, melambatkan pembayaran, sehingga kita selalu mengatakan bahawa pihak Jabatan Kerja Raya tidak profesional dalam menguruskan projek dan setiap kali ada sungutan dan aduan dibuat, semua aduan ini tertumpu kepada kakitangan kerajaan dan juga pihak kontraktor tetapi jarang sekali kita mendengar, aduan dibuat tentang *project management consultant*, dengan izin.

Dalam projek-projek kerajaan sekarang, kebanyakan daripada projek itu diuruskan oleh *project management consultant*. Segala tugas yang pernah dibuat oleh Jabatan Kerja Raya dahulu telah diambil alih oleh *project management consultant*. Saya telah dimaklumkan bahawa beberapa perkara yang melambatkan pelaksanaan dan kemajuan projek dan juga pembayaran kepada kontraktor sehingga ianya menjejaskan aliran tunai kewangan pihak kontraktor ialah kelambatan dan *inefficiency* dengan izin, dari segi pihak *project management consultant*.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya peranan dan prestasi *project management consultant* ini dikaji semula dan kita tidak mahu memberi kuasa yang begitu banyak dan besar kepada *project management consultant* kerana seperti mana yang kita maklum tiap-tiap idea itu, tiap-tiap polisi itu, ianya bagus dan syarikat yang mengendalikan itu memang bagus tetapi syarikat ini dikendalikan oleh manusia, individu, dan di sinilah timbulnya elemen, unsur-unsur kemanusiaan yang boleh melambatkan sesuatu projek.

Saya tidak mengatakan sesuatu perkara yang tidak baik berlaku yang dibuatkan oleh *project management consultant* tetapi yang nyata, yang saya telah dimaklumkan ialah setengah-setengah daripada *project management consultant* ini tidak mempunyai kakitangan yang cukup dan alat-alat yang lengkap, sehingga mereka tidak dapat mengendalikan projek yang begitu banyak diberi kepada mereka dengan cepat.

Sehubungan dengan ini, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, berapakah jumlah projek yang telah diberi kepada *project management consultant* ini setelah mereka dilantik untuk mengurus projek-projek kerajaan dan bagi tiap-tiap *project management consultant*, berapakah jumlah projek yang diberikan kepada mereka. Saya berharap perkara ini tidak dipandang ringan kerana selama ini apabila kita melihat sesuatu projek itu lambat, kita selalu menegur pihak kerajaan.. Kita selalu

menegur pegawai-pegawai kerajaan, pada hal ada orang lain yang terlibat juga DALAM melambatkan projek ini tetapi tidak ditegur.

Saya juga tidak ingin melihat usaha baik Yang Amat Berhormat, niat baik Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kita untuk mempercepat projek-projek kerajaan, dilaksanakan dengan berkesan dan seterusnya rakyat dapat menikmati projek ini tidak akan menjadi sia-sia, hanya disebabkan oleh tindak tanduk ataupun *inefficiency* dengan izin, konsultan pengurusan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin meninjau perkara-perkara yang disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan pekerja-pekerja yang berilmu. Kita bersyukur kepada Allah s.w.t kerana kerajaan Malaysia telah berusaha dengan seriusnya dan dengan bersungguh-sungguh untuk mewujudkan masyarakat pekerja yang berilmu supaya kita mendapat pekerja yang mahir, berilmu mengikut Wawasan 2020 kita.

Sehubungan dengan ini, kerajaan juga telah memberi kemudahan kepada rakyat untuk menguasai ilmu teknologi maklumat. Seperti yang mana kita maklum, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah dibenarkan untuk mengeluarkan sebahagian daripada caruman pekerja sebagai pinjaman kepada mereka supaya mereka dapat membeli komputer. Di sini saya mengalu-alukan usaha kerajaan untuk membolehkan rakyat memiliki komputer. Tetapi saya ingin menegur supaya kemudahan ini dimanfaatkan secara berkesan. Saya telah melihat dan telah dimaklumkan bahawa beberapa pekerja yang menggunakan pinjaman daripada KWSP untuk membeli komputer, menggunakan komputer itu bukan untuk mereka menimba ilmu tetapi selalunya diberi kepada anak-anak mereka untuk bermain *games*. Ini saya rasa ini hanya membazirkan wang tersebut.

Saya ingin mencadangkan di sini semoga untuk membolehkan skim pengeluaran wang caruman EPF ini digunakan secara berkesan, supaya pembelian komputer itu dipakejkan sekali dengan latihan. Latihan ataupun pendidikan untuk para pencarum yang mengeluarkan sebahagian caruman mereka ini membolehkan mereka belajar bagaimana cara menggunakan komputer.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kita telah memberi peluang kepada vendor ataupun penjual-penjual komputer untuk meraih keuntungan dengan menjual komputer melalui pinjaman ini tetapi tanggungjawab mereka hanya berhenti setelah menjual dan mungkin juga memperbaiki komputer tersebut jika ianya rosak. Sepatutnya mereka juga hendaklah dipertanggungjawabkan supaya orang yang diberi pinjaman untuk membeli komputer daripada mereka dilatih, diberi pengetahuan bagaimana cara menggunakan komputer, supaya hasrat kerajaan untuk membina masyarakat kita yang berilmu, terutama sekali dalam teknologi maklumat, bukan sahaja mempunyai komputer tetapi boleh menggunakan komputer itu dengan sepenuhnya dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan di sini janganlah dihadkan pengeluaran EPF itu untuk membeli komputer sahaja. Ada di kalangan pencarum-pencarum KWSP sudah mempunyai komputer dan bagi mereka ini saya cadangkan supaya kemudahan pengeluaran pinjaman daripada KWSP diberi juga untuk membeli perisian ataupun *software*, *software* sistem aplikasi. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, *software* sistem aplikasi ini mahal, yang paling murah adalah RM2000 lebih. Contohnya *Microsoft Office*, *Computer-Aided Design* atau CAD, *Computer-Aided Manufacturing* – CAM dan juga pakej perakaunan.

Saya berpendapat ianya lebih menguntungkan si pencarum jikalau mereka yang sudah mahir menggunakan komputer diberi peluang memperoleh *software* sistem aplikasi ini supaya mereka akan dapat menambahkan ilmu mereka dan sekiranya anak mereka di rumah berminat untuk membuat *design* misalnya, mereka boleh menggunakan CAD. Jadi saya berharap pihak KWSP akan melanjutkan pengeluaran wang caruman untuk membeli komputer itu kepada para pencarum yang sudah mempunyai komputer untuk membeli perisian sistem aplikasi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin juga menyentuh perkara yang telah disebut oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tentang para pekerja kita dan kemudahan-kemudahan yang telah diberi oleh kerajaan kepada para pekerja kita yang telah diberhentikan bekerja. Kita bersyukur kepada Allah s.w.t kerana kerajaan kita begitu prihatin ke atas para pekerja kita dan nasib mereka sehingga

kerajaan telah membuat beberapa skim untuk membantu mereka seperti skim latihan semula dan juga skim latihan kepada para graduan yang tidak bekerja termasuk pemberian elaun.

Tuan Yang di-Pertua, kita hanya melihat masalah pekerja kita yang dibuang kerja, graduan kita yang tidak bekerja dari satu sudut sahaja tetapi lanjutan daripada itu sebilangan daripada para pekerja kita yang telah diberhentikan kerja mengalami masalah hutang. Setengah-setengah daripada mereka yang pernah memegang jawatan yang bergaji lumayan, katalah yang menerima gaji RM2,000 atau RM3,000 dan lebih sebulan telah mendapat pinjaman bank untuk membeli rumah, untuk membeli kereta dan ada juga mereka yang membeli insurans, insurans nyawa. Kalau dikumpulkan, tanggungan ini sangat besar dan apabila mereka diberhentikan kerja, sumber pendapatan mereka untuk membayar balik pinjaman itu dan juga untuk membayar premium insurans sudah tidak mencukupi.

Jadi, saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah usaha kerajaan untuk membantu mereka ini membayar balik pinjaman mereka iaitu sama ada pinjaman mereka dapat di *restructure* atau di *re-finance* supaya mereka tidak akan rugi. Memang benar ada pihak bank yang memberi masa enam bulan, sebelum mengambil tindakan ke atas si peminjam yang tidak dapat membayar tetapi apabila si peminjam itu dapat membayar balik mungkin setelah dapat kerja, mereka bukan sahaja membayar balik pinjaman mengikut kadar bulanan gaji ditetapkan bahkan tetapi juga hutang yang terkumpul serta dengan *interest*, faedah yang bertambah.

Sekiranya mereka tidak dapat membayar balik, mereka terpaksa mencari orang yang sanggup membeli rumah atau kereta mereka. Kalau tidak, pihak pemberi pinjaman akan menarik balik harta benda itu terutama sekali dari segi *hire purchase* di mana kereta itu mudah ditarik balik sekiranya pinjaman itu tidak diselesaikan dalam masa yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dalam perkara ini, saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah kemudahan yang boleh diberi kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan bekerja tetapi memikul beban hutang yang banyak, bukannya hutang untuk *enjoy* tetapi hutang untuk keperluan asas seperti membeli rumah, membeli kereta dan juga mungkin membeli insurans nyawa yang mana diperlukan untuk *security* dengan izin, di mana tiap-tiap orang yang meminjam dari bank selalunya dikehendaki mengambil insurans nyawa atau *single premium insurance* dengan izin, supaya jikalau apa-apa berlaku kepada mereka, hutang mereka akan dapat diselamatkan oleh insurans tersebut.

Dalam keadaan mereka masih hidup, mereka masih perlu membayar premium insurans itu dan sekiranya mereka tidak ada mempunyai pekerjaan, jelas sekali kemudahan insurans yang mereka ada itu akan menjadi pupus.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin juga menyentuh sedikit tentang syarikat-syarikat yang perlu melatih pengarah-pengarahnya supaya mengikut kursus yang dianjurkan oleh Pendaftar Syarikat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan, sebelum kerajaan memastikan tiap-tiap pengarah syarikat mengikut kursus yang dianjurkan oleh ROC dan mempunyai sijil, saya berharap kerajaan akan mengkaji semula pelaksanaan kursus-kursus ini.

Ingin saya maklumkan di sini, saya pernah menghadiri kursus ini dan saya dapat lihat pada waktu pagi semasa kita mendaftar untuk mengikuti kursus itu, semua peserta hadir. Tetapi semasa kursus itu dijalankan, terdapat empat, lima orang daripada peserta keluar dan kemudian mereka datang semula di waktu hendak mengambil sijil. Mungkin mereka yang keluar itu terdiri daripada mereka yang sudah faham tentang undang-undang syarikat dan sebagainya, jadi mereka fikir mereka tidak perlu mengikuti kursus itu berterusan tetapi memadai untuk mendapat sijil sahaja. Tetapi yang merugikan ialah mereka tidak dapat mengikuti ceramah yang dianjurkan oleh pihak *anti-corruption* dan juga pihak polis tentang '*white collar crime*'. Jadi saya rasa perlu dikaji semula kursus-kursus yang dianjurkan oleh ROC ini supaya para peserta itu akan mengikuti kursus itu secara berterusan sepanjang kursus itu diadakan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapati bahawa kursus itu dianjurkan dalam bahasa Inggeris dan juga dalam bahasa Malaysia. Bagi kursus tentang undang-undang syarikat, ianya dianjurkan dalam bahasa Inggeris, manakala ceramah yang dianjurkan oleh kakitangan kerajaan seperti pihak ACA dan juga polis,

ianya dianjurkan dalam dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Dukacitanya Tuan Yang di-Pertua, ada di antara peserta itu pandai berbahasa Inggeris tetapi tidak faham bahasa Malaysia. Ada yang faham bahasa Malaysia tetapi tidak faham dengan bahasa Inggeris dan ada lagi kumpulan yang ketiga, yang langsung tidak faham bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Jadi di sini saya rasa, pelaksanaan kursus yang dianjurkan oleh ROC tetapi diselenggarakan oleh syarikat-syarikat yang dilantik oleh ROC, perlu dikaji semula supaya tujuan murni kerajaan untuk memberi pendidikan kepada para pengarah syarikat dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengemuka dan mencadangkan di sini supaya pihak ROC jangan sahaja boleh mengajar dan memberi pendidikan ataupun ilmu kepada para pengarah sebelum mereka boleh menjadi pengarah syarikat tetapi mereka juga harus memantau kemajuan pengarah-pengarah ini apabila mereka ini dilantik menjadi pengarah-pengarah syarikat dan mengemaskinikan *registry* yang ada di pejabat-pejabat ROC.

Saya telah dimaklumkan bahawa banyak perkara yang di hantar kepada ROC seperti Borang 49 tentang pelantikan dan peletakan jawatan pengarah tidak dimuatkan dalam komputer. Maka dengan itu sistem komputer itu tidak dikemaskinikan. Dan jikalau kita pergi ke sistem komputer itu untuk mencari maklumat, apa yang kita dapat adalah maklumat yang tidak *up-to-date*.

Seterusnya saya juga telah difahamkan bahawa ROC perlu juga mengemaskinikan pusat *registry* tentang pengarah-pengarah yang dikatakan bankrap ataupun pengarah-pengarah yang dikatakan terlibat dalam syarikat-syarikat yang telah di *wind-up* dengan izin, ataupun syarikat yang telah muflis. Ini adalah penting Tuan Yang di-Pertua kerana terdapat kes-kes di mana seorang pengarah yang terlibat dalam syarikat yang telah di *wind-up* semasa lima belas tahun dahulu dan walaupun beliau telah menghantar borang peletakan jawatan beliau sebagai pengarah tetapi nama beliau masih lagi ada dalam *registry* itu.

Apabila beliau hendak meminta pinjaman daripada bank, bank telah merujuk kepada pusat pendaftaran ini dan apabila didapati nama beliau masih lagi berada di situ, pihak bank telah tidak dapat memberi pinjaman kepada beliau. Perkara ini kata orang Inggeris – *is very embarrassing* terutama sekali jikalau ianya melibatkan orang yang mempunyai kedudukan dan juga orang yang masih menjadi pengarah syarikat-syarikat. Yang aneh ialah walaupun nama mereka sudah ada dalam *registry* itu mereka masih lagi dapat menjadi pengarah syarikat-syarikat yang lain tetapi apabila mereka hendak minta *loan*, pihak bank akan merujuk kepada pusat *registry* ini dan apabila didapati nama mereka masih lagi ada dalam *registry* ini dengan mudah sahaja permohonan mereka tidak dapat dipertimbangkan sehinggalah mereka terpaksa menggunakan perkhidmatan peguam untuk menyelesaikan perkara itu. Jadi saya berharap pihak ROC akan dapat mengemaskinikan *registry* ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh sedikit tentang air. Saya tidak akan membahaskan tentang air dari segi bagaimana kita hendak mencari sumber air, bagaimana kita hendak memperbanyakkan sumber air tetapi saya ingin menumpu perhatian saya kepada penggunaan air. Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia ini benar-benar bernasib baik dan kita haruslah bersyukur kepada Allah S.W.T. Kita mempunyai air yang banyak dan dengan itu kita tidak pernah menghormati dan menggunakan air dengan cermat. Tetapi jikalau kita berada dalam padang pasir, barangkali air yang sebaldi boleh kita gunakan untuk bermacam-macam kegiatan. Akan tetapi dalam keadaan kita mempunyai air yang begitu banyak, kadang-kadang kita menggunakan air secara yang membazir.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengajak pihak yang berkenaan terutama sekali pihak Kementerian Penerangan supaya mendidik rakyat untuk membudayakan satu cara yang menggunakan air dengan cermat dan berhemat. Apa yang selalu kita lihat dalam TV Malaysia ialah bagaimana kita boleh berjimat dengan air dan bagaimana kita boleh mencatu air dan ini hanya ditayangkan dalam TV RTM apabila sesuatu tempat itu mengalami masalah air di kala musim kemarau.

Saya ingin mencadangkan di sini kalau bolehlah Kementerian Penerangan menayangkan filem dokumentari tentang bagaimana kita rakyat Malaysia ini boleh mengubah sikap kita supaya kita dapat membudayakan penggunaan air itu dengan cara yang cermat dan berhemat supaya kita akan dapat mengawal penggunaan air apabila kita berada dalam keadaan sulit tatkala musim kemarau.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke tempat-tempat seperti Australia dan juga Jepun, rakyatnya selalu membudayakan cara bersih dan cara jimat cermat serta berhemat dalam menggunakan sesuatu pemberian daripada Allah s.w.t. Dengan itu saya berharap kita di Malaysia ini, harus juga mengikut jejak langkah yang baik ini supaya kita akan dapat mengamalkan satu budaya yang baik. Begitu juga saya ingin menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya mengajar anak-anak kita di bangku sekolah agar boleh menggunakan air dengan cara cermat dan berhemat.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar dalam masa sepuluh tahun akan datang rakyat kita akan bertambah, kawasan perumahan kita juga akan bertambah, begitu juga dengan kawasan perindustrian kita, dan tentu sekali penggunaan air kita akan bertambah. Dan alhamdulillah, kerajaan telah mengatakan bahawa kerajaan sedang mencari jalan bagaimana kita dapat memperbanyakkan sumber air kita supaya ianya dapat menepati keperluan untuk jangka itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, kita tidak boleh melupakan kuasa Allah s.w.t. Mungkin dalam masa sepuluh tahun itu, kita dilanda musim kemarau yang berpanjangan dan sekiranya kita berada dalam keadaan itu, tentu sekali air kita akan menjadi kurang. Oleh yang demikian, saya berharap rakyat kita boleh diajak bersama supaya kita lebih hormat dengan air agar kita boleh menggunakan air dengan cara yang cermat dan berhemat. Saya sekali lagi ingin menyeru kepada pihak kementerian yang berkenaan untuk mengambil tindakan bagi mendidik rakyat kita supaya dapat bertindak seperti apa yang saya sarankan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang dapat saya bahaskan untuk lima perkara yang telah saya maklumkan tadi dan dengan ini saya ingin memaklumkan bahawa saya menyokong usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat K. R. A. Naidu.

1256 tgh.

K. R. A. Naidu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 11 Mac 2002.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang dihormati, yang berjaya mengelakkan kemelesetan ekonomi di tanah air walaupun ekonomi dunia adalah lembap. Ekonomi Malaysia terus berkembang kerana asas ekonomi Malaysia adalah kukuh. Kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa kaedah, peraturan dan garis panduan supaya segala program dan projek yang dilaksanakan demi kebaikan rakyat mencapai tahap kejayaan yang disangka.

Tuan Yang di-Pertua, rakan Malaysia mesti berbangga kerana kerajaan telah berjaya meletakkan peta Malaysia di tempat yang paling istimewa di dunia perdagangan antarabangsa. Kerajaan patut diberi pujian kerana menjadikan Malaysia sebuah negara perdagangan yang ke tujuh belas terbesar di dunia walaupun Malaysia adalah sebuah negara yang kecil di samping menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan kontena yang ketiga belas terbesar di dunia. Di sini saya ingin tahu apakah rancangan kerajaan untuk memajukan Pelabuhan Kuantan supaya Pantai Timur Semenanjung Malaysia dapat menikmati pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa kematian akibat kemalangan di jalan raya di negara kita ini adalah yang tertinggi di dunia. Kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya tetapi hasilnya masih tidak memuaskan. Antara faktor-faktor yang menyebabkan kemalangan itu adalah seperti berikut:-

- (i) pemandu-pemandu kita tidak menghargai nyawa mereka sendiri dan nyawa pengguna-pengguna jalan raya yang lain; dan
- (ii) pemandu-pemandu tidak bersopan santun di jalan raya ataupun dengan izin, tidak mempunyai *road manners*.

Adalah diharapkan supaya kementerian Tuan Yang di-Pertua:ang berkenaan akan memberi perhatian yang lebih serius dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya kerana kemalangan ini mengakibatkan kerugian kepada negara dan juga kepada keluarga masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perbincangan Yang Berhormat boleh kita sambung selepas rehat nanti kerana masa telah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat K. R. A. Naidu menyambung ucapan.

Tuan K. R. A. Naidu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengakui bahawa sistem pengangkutan jalan di Malaysia adalah antara yang terbaik di Asia. Tahniah diucapkan kepada Kementerian Kerja Raya dan khususnya kepada Menteri yang berusaha sedaya upaya untuk meningkatkan taraf jalan raya di negara ini demi keselamatan dan keselesaan pengguna-pengguna jalan raya.

Saya mengalu-alukan penggunaan sistem pengangkutan pintas yang menyatupadukan teknologi maklumat, telekomunikasi dan komputer untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan kepada pemandu-pemandu di lebuhraya. Di sini saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Kerja Raya yang sedang melebarkan jalan raya di beberapa kawasan supaya kesesakan lalu lintas dapat diatasi.

Saya ingin mengemukakan dua perkara kepada Kementerian Kerja Raya untuk dipertimbangkan:

Pertama, projek melebarkan jalan raya dari Slim River ke Sungkai di Perak di *Federal Highway Route* Satu dari Kilometer 99 hingga Kilometer 101 iaitu dalam jarak hanya dua kilometer terdapat lima selekoh. Demi keselamatan dan keselesaan pemandu-pemandu jalan raya, saya bercadang agar jalan raya antara Kilometer 99 hingga Kilometer 101 diluruskan apabila kerja-kerja melebarkan jalan dilaksanakan dari Slim River ke Sungkai.

Kedua, apa yang saya ingin sentuh ialah tentang kesesakan lalu lintas di bandar Bidor di negeri Perak yang menjadi *bottleneck*, dengan izin, khasnya pada musim cuti panjang. Ini sangat menyusahkan bukan sahaja pengguna-pengguna jalan raya tetapi juga penduduk-penduduk tempatan. Kehidupan harian mereka diganggu.

Saya berharap Kementerian Kerja Raya akan memberi perhatian kepada perkara ini. Sebagai mengatasi masalah ini, saya ingin mencadangkan bahawa sebuah jalan baru dibina dari bandar Sungkai ke Kuala Bikam yang terdapat di jalan antara bandar Bidor dan Teluk Intan. Pembinaan jalan baru itu bukan sahaja akan mengurangkan jarak dari Sungkai ke Kuala Bikam menuju ke Teluk Intan tetapi dapat mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di bandar Bidor.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan tahniah kepada kerajaan yang berjaya mencapai matlamat meningkatkan penyertaan kaum bumiputera dalam perniagaan dan perdagangan serta sektor ekonomi seperti program pembangunan francais, program pembangunan vendor dan program keusahawanan.

Dalam pada itu saya menyeru kerajaan memberikan perhatian kepada pengusaha-pengusaha kecil dan golongan berpendapatan rendah dari kaum India. Golongan ini mempunyai sedikit kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seperti membaiki kereta, motor, televisyen dan sebagainya tetapi menghadapi pelbagai masalah untuk mendapatkan bantuan kewangan atau pinjaman untuk membeli peralatan yang diperlukan untuk memajukan kerjaya mereka.

Suatu kajian yang dijalankan oleh sebuah badan NGO menyatakan bahawa gejala sosial adalah tinggi di kalangan pemuda-pemuda India disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor utama di antaranya ialah:

- (i) kurang peluang pendidikan tinggi;
- (ii) sekiranya mendapat peluang pendidikan tinggi, ramai tidak mampu membayar kosnya;
- (iii) peluang pekerjaan di sektor swasta dan di sektor awam adalah terhad; dan
- (iv) susah untuk mendapatkan bantuan kewangan atau pinjaman untuk menceburi diri dalam bidang perniagaan atau industri-industri kecil seperti bengkel kereta.

Atas *intervency* Presiden MIC, Dato' Seri S. Samy Vellu melalui *Maju Institute of Educational Development* dan juga Kerajaan Pusat melalui PTPTN yang membantu pelajar-pelajar India mendapatkan bantuan pendidikan, masalah pendidikan dapat diselesaikan sedikit sebanyak. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Dato' Seri S. Samy Vellu dan Kerajaan Pusat yang telah mengambil langkah-langkah yang bijak untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk memberi perhatian yang sewajarnya kepada masalah mendapatkan bantuan kewangan atau pinjaman kepada pemuda-pemuda India yang menjalankan perniagaan atau membina bengkel-bengkel seperti membaiki motor dan kereta.

Pada masa sekarang pemuda-pemuda ini menghadapi pelbagai masalah untuk memulakan hidup mereka. Mereka ini tidak memohon pinjaman beratus-ratus ribu, hanya lima hingga sepuluh ribu ringgit sahaja. Saya menyeru agar kerajaan mengenal pasti agensi atau kementerian yang dapat membantu golongan ini supaya mereka dapat berdikari dalam hidup mereka dan dengan itu mengelakkan diri mereka daripada perbuatan gejala-gejala sosial yang merugikan masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membincangkan masalah yang dihadapi oleh umat manusia pada abad ini dan seterusnya. Ini adalah kesan-kesan akibat, dengan izin, *global warming* atau fenomena pemanasan bumi. Baru-baru ini saya berpeluang menghadiri Persidangan *Inter-Parliamentary Union* di Marrakesh, Morocco dan satu topik yang dibincangkan di persidangan tersebut adalah dengan izin, *Ten Years After Rio: Global Degradation Of The Environment and the Parliamentary Support For The Kyoto Protocol* atau boleh diertikan sebagai Sepuluh Tahun Sesudah Rio: Penurunan Kualiti Alam Sekitar Secara Global dan Penyokongan Parlimen Terhadap Protokol Kyoto.

Tuan Yang di-Pertua, persidangan ini telah berbincang secara panjang lebar beberapa isu dan perkara yang penting dan mengutarakan beberapa idea, pendapat dan saranan untuk renungan dan tindakan bersama seperti berikut:

Tujuan utama persidangan ini adalah untuk berbincang, memahami dan bertindak dalam menangani masalah kesan rumah hijau atau *greenhouse* yang merupakan satu fenomena pemanasan bumi atau *global warming* akibat pemerangkapan haba di atmosfera bumi oleh gas-gas khasnya gas karbon dioksida.

Masalah alam sekitar ini telah diiktiraf sebagai masalah sedunia dan memerlukan kerjasama yang erat daripada semua pihak untuk ditangani.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, untuk mengutarakan masalah kesan *global warming* kepada manusia secara ringkas.

Menurut *Global Warming International Centre* yang memainkan peranan mengawasi keadaan perubahan iklim dunia secara langsung atau tidak langsung nyawa dan kesihatan penghuni dunia terancam akibat pengeluaran banyak gas di atmosfera yang berpunca daripada rumah hijau. Antara lain kesan rumah hijau adalah seperti berikut:

- (i) kepanasan yang ekstrem;
- (ii) suhu rendah yang ekstrem;
- (iii) kejatuhan hujan atau salji yang ekstrem;

- (iv) perubahan pada corak kejatuhan hujan (*changing rainfall pattern*) yang kita mengalami sekarang;
- (v) banjir;
- (vi) runtuh tanah;
- (vii) kebakaran;
- (viii) kemarau,
- (ix) angin taufan (*tornado*);
- (x) angin puting beliung (*hurricane*);
- (xi) ribut petir;
- (xii) taufan;
- (xiii) letupan gunung berapi;
- (xiv) gempa bumi,
- (xv) pencairan salji; dan
- (xvi) peningkatan paras laut.

Tambahan pula suhu di muka bumi telah naik sekadar 0.6 darjah Celcius atau satu darjah Fahrenheit sejak abad yang lalu. Bagi membuktikan betapa seriusnya kesan rumah hijau terhadap dunia dan manusia, kejadian-kejadian ekstrem bagi tahun 2001 hanya segelintir sahaja adalah seperti berikut:

- (i) pada bulan Januari 2001, ekstrem kesejukan yang dialami di Siberia dan gempa bumi di El Salvador, dan juga di Gujerat, India, lebih kurang 16,000 orang telah terkorban oleh gempa bumi.
- (ii) tiap-tiap bulan pada tahun 2001 dunia mengalami bencana-bencana yang ekstrem sama ada ia adalah hujan atau kemarau atau taufan atau pun puting beliung.

Memandang kerugian dan kematian yang amat besar ini akibat kepanasan bumi yang berpunca daripada kesan rumah hijau, Persidangan IPU di Marakesh telah mengambil beberapa ketetapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah melawat kawasan Antartika baru-baru ini walaupun mengetahui bahayanya pada lawatan itu. Sebab, baru-baru ini di kawasan Antartika dalam bulan Mac juga satu kawasan sebesar dua kali besarnya negara Singapura telah cair dan namanya ialah Larsen B. Sudah pastilah pakar-pakar telah memaklumkan kepada Yang Amat Berhormat tentang bahayanya melawat kawasan Atlantik pada ketika itu.

Lawatan Perdana Menteri kita ini satu-satunya kena pada masa dan tempat dan patut dialu-alukan. Ini adalah kerana persidangan I.P.U di Marakesh, Morocco baru-baru ini telah memutuskan bahawa pucuk pimpinan di setiap negara mesti dimaklumkan tentang bahayanya kesan rumah hijau terhadap iklim dunia iaitu yang kita menghadapi perubahan iklim atau *climate change* di seluruh dunia dengan hasrat pucuk pimpinan sedar tentang bahaya yang sedang dihadapi oleh bumi ini dan seterusnya mengambil langkah-langkah positif supaya tindakan segera dapat diambil untuk mengawal kemerosotan atmosfera bumi oleh gas-gas, baik di peringkat negara masing-masing mahupun di peringkat antarabangsa.

Jadi lawatan Perdana Menteri kita ke kawasan Antartika telah memberi kepada Perdana Menteri untuk mengetahui keadaan sebenar di kawasan Antartika yang sedang mengalami kerosakan akibat kesan rumah hijau. Dengan lawatan ini juga pemimpin-pemimpin boleh memainkan peranan penting dalam menyedarkan rakyat negara mereka.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ucapan masih banyak lagi kah?

Tuan K. R. A. Naidu: [*Menganggukkan kepala*]

Tuan Yang di-Pertua: Masa ada terhad sedikit.

Tuan K.R.A. Naidu: Okey, Terima kasih. ...Menyedarkan rakyat negara mereka betapa serius dan bahayanya kesan rumah hijau terhadap dunia. Saya ingin tahu di sini langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menyebarkan maklumat tentang kesan negatif perubahan iklim dunia terhadap masyarakat Malaysia supaya orang ramai dapat menyesuaikan kehidupan mereka kepada keadaan iklim yang mungkin berubah pada masa hadapan.

Dengan kata-kata tersebut, saya turut menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri Abdullah Ayub, hormat Tan Sri sedikitlah, bagi dahulu.

2.47 ptg.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub: *Bismillaahir rahmaanir rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai usul untuk menyampaikan ucapan junjung kasih ke bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana titah ucapannya kepada ahli-ahli Dewan yang mulia ini Parlimen pada 11 Mac yang lalu.

Sambil menyokong usul ucapan junjung kasih ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke bawah Seri Paduka Baginda, Tuanku Syed Sirajuddin Putera Jamalullail yang telah dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong yang kedubelas. Saya yakin di bawah pemerintahan Baginda negara kita akan menempuhi zaman yang gemilang, aman sentosa dan terus berkembang maju.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin bagi pihak pesara-pesara kerajaan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kerajaan yang telah bermurah hati menambah pencen pesara-pesara sebanyak 10% mulai 1 Januari 2002. Mereka adalah berasa puas hati dengan pemberian itu. Walau bagaimana pun mereka berasa terkilan sedikit kerana tidak ada badan yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk menjaga kebajikan orang-orang yang telah bersara seperti yang diadakan kepada Angkatan Tentera dan Polis yang telah bersara. Misalnya di manakah mereka hendak mencari kerja apabila bersara setelah mencapai umur 55 tahun iaitu satu umur yang masih muda? Di manakah mereka boleh mendapat kerusi roda atau kaki palsu setelah menjalani penyakit yang panjang? Jabatan Perkhidmatan Awam hari ini hanya mengelolakan pembayaran pencen semata-mata.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh bagi laluan kepada Datuk Mansor?

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, hendak membetulkan fakta. Tidak ada jabatan yang menjaga pesara polis hari ini hanya persatuan sahaja tetapi tentera memang dia ada jabatan veteran tetapi polis belum ada lagi, hendak betulkan fakta itu sahaja.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub: Terima kasih banyak. Tersilap barangkali ya. Oleh itu pesara-pesara memohon supaya Jabatan Perkhidmatan Awam diberi tugas tambahan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan orang-orang yang telah bersara supaya mereka dapat hidup dengan keadaan selesa pada masa tua mereka. Sekiranya Jabatan Perkhidmatan Awam sudah terlampau sibuk suatu agensi yang lain perlulah ditubuhkan untuk melaksanakan tugas ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah menerangkan kemajuan yang telah dicapai oleh negara dalam tahun yang lepas dan menggariskan program-program dan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi tahun 2002. Saya rasa rancangan-rancangan dan program-program yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan itu adalah lengkap, menyeluruh dan boleh dicapai. Walau bagaimanapun saya ingin membuat beberapa *observation* atau pandangan saya ingin membuat beberapa perkara yang saya fikir patut mendapat perhatian kerajaan.

Yang pertama ialah mengenai pendidikan. Semenjak kita merdeka kita telah menggubal satu dasar pendidikan nasional yang telah diterima pakai oleh rakyat di

negara ini. Sistem persekolahan dan pembelajarannya juga telah diterima oleh rakyat di negara ini. Sebelum tahun 1970, sekolah-sekolah rendah terbahagi kepada empat jenis atau aliran iaitu sekolah rendah kebangsaan, sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris, sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil, tetapi mulai tahun 1970 sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar telah dimansuhkan dan sekolah itu telah *de facto* menjadi sekolah kebangsaan dan bahasa penghantarnya diubah dari bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Perubahan ini sedikit sebanyak telah mendapat reaksi yang negatif daripada ibu bapa kaum Cina dan India dan mereka yang dahulunya menghantar anak-anak mereka sekolah jenis Inggeris itu, sekarang menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah jenis kebangsaan Cina atau Tamil yang menggunakan bahasa Cina atau Tamil sebagai bahasa penghantar atau menghantar anak-anak mereka belajar ke luar negeri.

Tindakan ini telah mengurangkan pencampuran di antara kanak-kanak berbagai keturunan semenjak mereka kecil lagi. Tindakan ini juga telah menurunkan mutu pencapaian anak-anak kita dalam menguasai bahasa Inggeris iaitu bahasa yang sangat penting pada hari ini.

Kalau kita kaji secara teliti, kebanyakan pemimpin-pemimpin kita yang ada sekarang sama ada dari segi politik, ekonomi, pentadbiran, perubatan dan juga profesion-profesion yang lain adalah terdiri daripada mereka yang lulus daripada sekolah-sekolah yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Kita tidak mungkin menghidupkan semula sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya seperti dahulu. Tetapi untuk menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang membolehkan mereka bercampur gaul atau berinteraksi dengan kanak-kanak yang berlainan keturunan dan mutu Bahasa Inggeris mereka terjamin, saya ingin mengesyorkan supaya Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar bagi beberapa mata pelajaran di sekolah kebangsaan selain daripada mata pelajaran Bahasa Inggeris yang sedia ada sekarang.

Mata pelajaran yang hendak diajar dalam Bahasa Inggeris itu perlulah ditetapkan iaitu mata pelajaran yang sendirinya boleh membaiki mutu penggunaan Bahasa Inggeris seperti Sejarah, Geografi, Sivik atau *Moral Studies*. Peraturan seperti ini hendaklah juga diteruskan di sekolah menengah dan universiti-universiti. Saya percaya perubahan sistem yang saya sebutkan itu tidak berlawanan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang sedia ada dan dapat membantu mencapai objektif menyatukan rakyat berbilang keturunan dan sambil itu boleh meninggikan mutu Bahasa Inggeris yang dicapai oleh rakyat Malaysia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan ini, di dalam media massa dan di dalam forum-forum lain telah banyak diperkatakan soal pengurusan kewangan yang mengecewakan yang menyebabkan kehilangan wang yang amat besar. Ini berlaku di Tabung Haji, PPRT, Kargo Mas, Perwaja dan lain-lain lagi. Perkara ini berlaku kerana tidak ada badan-badan rasmi yang memantau aktiviti-aktiviti tentang apa yang dilakukan oleh mereka. Adakah itu telah menjadi *sacred cows* - dengan izin - dan tiada sesiapa pun yang berani menyentuhnya?

Dahulu saya telah cuba mendapatkan laporan tahunan dan Akaun Tahunan Petronas tetapi saya telah diberitahu bahawa Petronas adalah sebuah syarikat yang tidak perlu memberi laporannya kepada sesiapa melainkan kepada pemegang sahamnya. Sepanjang pengetahuan saya Petronas adalah 100% dipunyai oleh kerajaan dan kerajaan hari ini dipilih oleh rakyat yang mempunyai wakil di Parlimen. Oleh itu Parlimen perlulah diberitahu apa yang dilakukan oleh Petronas dan kalau mustahak Parlimen boleh memberi pandangan atau pendapat mereka mengenai prestasi Petronas. Kita tidak tahu sama ada Petronas mengamalkan *corporate governance* yang diwajibkan bagi semua syarikat-syarikat awam yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur. Adakah berlaku *conflict of interest* dan tindakan-tindakannya adakah dilaksanakan secara telus?

Barangkali juga mereka melakukan semua ini, tetapi kita tidak tahu. Kita hendaklah mengambil iktibar dari apa yang berlaku kepada Syarikat Enron iaitu sebuah syarikat Amerika yang sangat besar yang berjaya yang baru-baru ini telah runtuh terus tenggelam seperti kapal *Titanic* yang membawa bersamanya anak-anak kapal dan penumpang ke dasar lautan kepapaan. Jadi sebelum perkara-perkara seperti ini berlaku, kerajaan hendaklah berwaspada dan menyediakan alat-alat untuk

memantau badan-badan yang besar yang telah diamanahkan untuk melaksanakan sesuatu usaha yang melibatkan wang yang amat besar.

Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan ya?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, minta laluan kerana cadangan untuk mengatasi masalah itu nampaknya sangat menarik.

Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Tan Sri, adakah ini disebabkan banyak badan yang ada pengarah-pengarah itu, banyak daripadanya terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang menduduki badan-badan itu sebagai pengarah. Adakah lebih sesuai kita tukar dasar dan melantik orang-orang yang cukup berpengalaman dalam sektor swasta untuk menjadi pengarah, mewakili pihak kerajaan? Mungkin itu akan menambahkan lagi kawalan dan banyak penyelewengan yang berlaku di badan-badan itu mungkin dapat dikurangkan. Apakah pendapat Tan Sri? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdullah Ayub: Terima kasih Dato'. Sebenarnya pegawai-pegawai kerajaan yang telah dilantik sebagai pengarah bukanlah yang menyebabkan perkara-perkara ini berlaku sebenarnya. Kalau sekiranya kita lantik orang luar pun, begitu juga akan berlaku kerana ini akan terpulang kepada ketelusan dan juga sama ada pengarah-pengarah itu orang yang mempunyai akhlak yang baik. Itu yang mustahak sekali. Saya percaya ramai pegawai kerajaan yang kanan memang layak menjadi pengarah-pengarah dalam syarikat ini tetapi bukanlah semuanya, bukan semuanya mesti menjadi pengarah di situ tapi hendaklah dicampur-adukkan dengan pengarah-pengarah yang datang dari pihak swasta. Itulah jawapan bagi saya.

Saya juga ingin mengesyorkan di sini berkenaan dengan perkara ini. Apa yang saya kata alat tadi ialah patut ada Jawatankuasa Parlimen misalnya, ditubuhkan untuk memantau atau memeriksa badan-badan ini dari setahun ke setahun ataupun tiap-tiap enam bulan, supaya mereka boleh memberi penerangan kepada Parlimen apa sebenarnya yang berlaku di tiap-tiap badan ini. Itulah alat-alat yang saya fikirkan munasabah dan ahli-ahli jawatankuasa itu bolehlah terdiri daripada ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga ahli-ahli Dewan Negara dan kita boleh menyiasat apa yang berlaku di dalam badan-badan yang besar seperti yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak beberapa bulan ini pertikaian sedang berlaku sama ada tindakan Kerajaan Singapura menambak pantainya yang berhadapan dengan negeri Johor menjejaskan hak dan kepentingan Malaysia iaitu perairannya, pantainya dan mata pencarian penduduknya. Singapura menyatakan bahawa tindakan menambak pantainya itu adalah hak mutlaknya dan tidak pula menjejaskan kepentingan Malaysia. Malaysia pula berkata sebaliknya. Dalam pada itu Kerajaan Singapura telah menggunakan gurkha-gurkhanya untuk melastik ahli-ahli politik Malaysia dan ahli-ahli politik kita telah pula melatah.

Pada masa penubuhan Pelabuhan Pasir Gudang dahulu ada pakar-pakar yang memberi peringatan bahawa Pasir Gudang bukanlah satu kawasan untuk menempatkan pelabuhan. Ini ialah kerana kapal yang hendak keluar masuk ke pelabuhan itu terpaksa melalui perairan Singapura kerana Perairan Johor tidak cukup dalam, tetapi pada masa itu perhubungan Malaysia - sebelum Singapura masuk Malaysia - dengan Singapura adalah sangat baik dan tidak mungkin Singapura berbuat apa-apa untuk menghalang kapal-kapal keluar dan masuk. Tetapi bagaimana kedudukan dan keadaannya sekarang setelah Singapura menambak pantainya terutama sekali Pulau Ubin? Untuk menyelesaikan pertikaian ini saya syorkan supaya satu persetujuan dengan Kerajaan Singapura diadakan untuk melantik suatu badan yang profesional dan pakar yang datangnya dari negeri luar atau badan-badan antarabangsa yang berkecuali untuk membuat kajian dan melaporkan sama ada dakwaan Malaysia itu ada kebenarannya.

Kalau ada kebenarannya, Singapura perlulah akur akan keputusan penyiasatan itu. Kalau tidak, Malaysia boleh membawa perkara ini kepada badan antarabangsa yang mengelolakan pertikaian seperti ini di bawah undang-undang, *law of the sea* atau sebagainya.

Sekianlah Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong usul ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Dr. Hajah Nik Azizah.

3.06 ptg.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin Dr. Hajah Nik Azizah binti Haji Nik

Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan taufik dan hidayahNya, saya telah diberi kesempatan menjadi Ahli Dewan Negara, yang menjadi bahagian penting dalam sistem perundangan negara kita Malaysia, yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja perlembagaan.

Junjungan kasih ke bawah Duli Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memperkenankan pelantikan saya. Tanpa limpah perkenan ke bawah Duli Tuanku, sudah pasti saya tidak berada di sini dan seterusnya berucap di Dewan yang mulia ini.

Tidak ketinggalan juga, ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, merangkap Presiden UMNO Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri, merangkap Timbalan Presiden UMNO Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian, merangkap Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia di atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk memungkinkan saya berada bersama dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua dan sidang Dewan sekalian, saya menganggap pelantikan ini merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan, bukan sahaja kepada saya tetapi juga kepada wanita khususnya, kepada Pergerakan Wanita Negeri Kelantan untuk sama-sama menyumbangkan tenaga dan fikiran dalam sistem perundangan negara. Semoga sumbangan kecil ini dapat sama-sama menyumbang ke arah membela nasib rakyat khususnya golongan wanita di negeri Kelantan, yang mana kedudukannya pada akhir-akhir ini agak ketinggalan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

Saya berazam dan berjanji akan menunaikan segala kewajipan saya sebagai Ahli Dewan Negara dengan jujur dan segala daya upaya, bekerja kuat bersama dengan Yang Berhormat yang lain untuk memastikan masyarakat Malaysia terus makmur, harmoni, hormat-menghormati, berdaya saing, bermaklumat dan berilmu serta mampu menyumbang ke arah kesejahteraan diri, masyarakat, negara dan masyarakat dunia sejagat.

Tuan Yang di-Pertua dan sidang Dewan sekalian, saya amat tertarik dengan keseluruhan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kesepuluh. Hampir semua perkara telah disentuh oleh Ke Bawah Duli Tuanku dengan penuh bermakna dan keinsafan agar kita semua sama-sama memberi perhatian dan tindakan sewajarnya. Mengenai kemunculan kumpulan pelampau berasaskan agama yang ingin menggunakan kekerasan dan keganasan untuk mencapai cita-cita dan hasrat mereka, seperti yang telah ditimbulkan oleh Ke Bawah Duli Tuanku, kepada saya, kumpulan ini bukan sahaja amat mengancam keselamatan negara tetapi juga mengancam sistem demokrasi berparlimen yang termaktub dalam Perlembagaan Negara. Kita semestinya mempertahankan Perlembagaan Negara kita kerana ia merupakan undang-undang tertinggi di negara kita.

Kumpulan ini bukan sahaja mengancam kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat untuk memerintah negara tetapi juga mengancam parti-parti politik pembangkang yang jujur, percaya dan yakin dengan sistem demokrasi berparlimen yang kita amalkan. Malah, kumpulan yang bercanggah dengan perlembagaan ini, telah benar-benar mencemarkan parti-parti politik tertentu bila kumpulan-kumpulan ini dikaitkan dengan parti politik berkenaan.

Oleh itu, saya menyeru semua pihak termasuk parti-parti pembangkang yang jujur, marilah kita sama-sama membantu kerajaan yang telah diberi mandat oleh rakyat ini untuk sama-sama membanteras kumpulan-kumpulan ini agar keharmonian negara

yang dapat memberi faedah kepada semua terus kekal dan kita dapat bersaing secara sihat dalam pilihan raya seperti yang telah kita amalkan sekian lama.

Parti politik yang bersimpati dengan kumpulan ini, sudah pastilah parti politik yang sudah mufliis keyakinan untuk mendapat kemenangan dan mendapat mandat rakyat melalui pilihan raya. Saya juga menyeru pihak kerajaan mengambil tindakan tegas melalui peruntukan undang-undang yang ada atau sekiranya perlu, kita gubal undang-undang baru yang lebih berkesan melalui Dewan yang mulia ini, terhadap kumpulan ini, untuk mempertahankan kedaulatan suara rakyat dan Perlembagaan Negara yang telah terbukti berjaya memberi kesejahteraan kepada rakyat sejak kita merdeka.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga tertarik dengan Titah Ucapan Ke Bawah Duli Tuanku mengenai keberkesanan sektor awam terhadap pelaksanaan dasar-dasar program dan projek kerajaan. Saya juga berkeyakinan agensi kerajaan telah berjaya memberi sumbangan terhadap pembangunan negara selama ini tetapi sejak akhir-akhir ini, banyak kerugian berlaku dalam agensi-agensi kerajaan yang disebabkan oleh kecuaiian atau penyelewengan oleh orang-orang yang telah diberi kepercayaan oleh kerajaan untuk melaksanakan program kerajaan melalui agensi-agensi ini.

Bukan tujuan saya untuk menghukum orang-orang ini. Disebabkan kita mengamalkan amalan pengasingan kuasa antara badan perundangan, badan kehakiman dan badan eksekutif, biarlah mahkamah menjalankan kerja-kerja mereka tanpa gangguan daripada mana-mana pihak. Apa yang ingin saya sarankan di sini ialah agar kerajaan menyediakan mekanisme pemantauan, *monitoring* dengan izin yang lebih berkesan terhadap agensi-agensi ini agar pihak kerajaan dapat mengesan kelemahan, kecuaiian dan penyelewengan dengan lebih cepat sebelum berada dalam keadaan parah atau kritikal.

Saya juga meminta pihak kerajaan melaksanakan tindakan yang tegas dan keras terhadap mereka yang telah diberi kepercayaan ini. Jika mereka terbukti cuai atau menyeleweng, kita tidak mahu agensi-agensi ini yang ditubuhkan dengan hasrat yang murni ini, tidak mendapat keyakinan orang ramai dan sudah pasti akan menggagalkan tujuan penubuhan agensi-agensi ini yang tidak lain dan tidak bukan semata-mata untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga mengambil peluang ini untuk menyatakan terima kasih kami rakyat Kelantan kepada Kerajaan Pusat, atas perhatian dan sumbangan terhadap pembangunan negeri Kelantan, walaupun negeri Kelantan diperintah oleh parti pembangkang, atau dengan kata lain, Kerajaan Pusat diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional dan negeri Kelantan diperintah oleh Kerajaan PAS. Sebagai contoh, hampir 200 buah sekolah dan asrama telah diluluskan pembinaannya sepanjang tahun 2001 dan tahun 2002. Ini merupakan satu rekod yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa. Jika dibandingkan dengan peruntukan kerajaan negeri untuk keseluruhan Belanjawan tahun 2002, peruntukan Kerajaan Pusat ini jauh lebih besar.

Amat malang bagi negeri Kelantan, sejak diperintah oleh Kerajaan PAS, tidak ada pembangunan yang dilaksanakan untuk menjana ekonomi rakyat. Ini mengakibatkan penghijrahan besar-besaran rakyat Kelantan untuk mencari rezeki di negeri lain. Setakat ini, yang tercatat atau bilangan yang telah dikenal pasti lebih kurang satu juta orang. Oleh itu, kami menyokong Kerajaan Pusat di Kelantan akan bekerja keras untuk memastikan Barisan Nasional dapat menubuhkan kerajaan di Kelantan dalam pilihan raya umum yang akan datang, agar pembangunan Kelantan dapat dipulihkan dan rakyat Kelantan terbela. Sekian dan terima kasih.

3.17 ptg.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut menyokong Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 11 Mac yang lalu. Bagi saya, pada keseluruhannya Titah Ucapan Baginda telah menyentuh seluruh aspek perancangan, pengurusan, perlaksanaan dan pencapaian negara di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Kita ucapkan tahniah dan syabas kepada beliau dan semua menteri dan kakitangan kerajaan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, namun Baginda dalam pada melahirkan keyakinan dan kegembiraan, Baginda tidak dapat menahan perasaan Baginda dari menyuarakan kebimbangan Baginda dalam beberapa perkara, khususnya dalam soal ancaman kepada keselamatan negara dan ancaman kepada perpaduan nasional. Semalam dalam Dewan yang mulia ini, sahabat saya, Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri, secara sedar atau tidak sedar, telah menyatakan komennya bahawa Titah Ucapan Baginda itu disediakan oleh pihak kerajaan – Baginda hanya bertitah sahaja.

Saya tidak tahu sebenarnya apakah tujuan Yang Berhormat Ustaz Hassan menyatakan demikian. Tetapi, apa pun yang dimaksudkan, saya rasa komen sedemikian, dengan izin, amat *uncalled for*, tidak harus diluahkan, tidak harus diperkatakan, kerana ia boleh membawa berbagai implikasi dan tafsiran terhadap Tuanku sebagai payung negara. Kalau pun Titah Ucapannya disediakan oleh pihak kerajaan, adalah kerajaan Baginda juga, yang Baginda sebagai peneraju dan payung utamanya, bukan kerajaan asing. Takkanlah Ustaz Hassan menjangkakan Titah Ucapan itu ditulis oleh Baginda sendiri. Mungkin. Saya tidak tahulah. Yang penting, kita kenalah sedar bahawa Titah Ucapan itu dimadahkan sendiri oleh Baginda, *in person, dengan izin*. Jadi, janganlah ada apa-apa prasangka terhadap Titah Ucapan Baginda itu. Yang penting, kita mengambil perhatian terhadap Titah dan kebimbangan Baginda dalam soal yang ingin saya sentuh, iaitu keselamatan negara, ancaman dari dalam dan ancaman dari luar negara.

Keselamatan negara sebenarnya adalah menjadi tanggungjawab kita bersama, bukan sahaja di pihak-pihak yang berwajib, seperti pasukan Polis Diraja Malaysia ataupun Angkatan Tentera kita, bahkan keselamatan negara itu menjadi tanggungjawab kita bersama, bukan sahaja daripada pihak parti kerajaan, ianya juga termasuk daripada pihak-pihak parti pembangkang sekalian, kerana kita harus mempertahankan kedudukan, kedaulatan, keamanan negara kita yang kita cintai.

Semalam, Yang Berhormat Ustaz Hassan juga melahirkan kebimbangan beliau terhadap ancaman dari negara jiran. Memang benar, siapa yang tidak sedar akan ancaman ini dan siapa yang tidak sedar kepada hakikat ini. Tetapi sejarah dunia berkali-kali telah membuktikan [*terhenti seketika*] saya ingat dia hendak minta laluan tadi [*merujuk kepada Yang Berhormat Tuan Hassan Shukri yang keluar Dewan*] bahawa perpecahan dan kemusnahan di satu-satu negara itu tidak akan berlaku sekiranya ancaman itu datangnya daripada luar sahaja. Perpecahan, kemusnahan itu hanya akan berlaku sekiranya ia didalangi oleh pihak-pihak tertentu dari dalam negara itu sendiri.

Ini terbukti – sejarah daripada Kerajaan Melayu Melaka lagi, dan berbagai-bagai selepas daripada itu. Begitu juga di Afghanistan, dan di beberapa negara yang lain yang pernah kita ketahui hancur musnah, hanya kerana campur tangan atau didalangi oleh mereka dari dalam negara itu sendiri.

Perpecahan sebagaimana yang saya katakan tadi, berlaku jika ianya didalangi dari dalam, dan ini sejarah. Sebab itu kita harus melihat, memastikan kekuatan dan ketahanan keselamatan kita dari dalam dahulu, menerusi perpaduan nasional yang kukuh dan utuh. Tetapi, perpaduan kita menjadi rapuh dan kini bertambah rapuh dari masa ke semasa, kerana rakyat dihidangkan dengan fahaman-fahaman yang karut dan mengelirukan, terutamanya di kalangan orang-orang Melayu sendiri dan kawan-kawan kita dari lain-lain keturunan, turut terpinga-pinga dengan hidangan yang karut-marut dibawa, khususnya oleh parti-parti pembangkang yang ingin menegakkan kebenaran mereka sahaja.

Contohnya, di antara perkara-perkara yang dibawa yang menjadikan, terutamanya di kalangan orang Melayu berpecah belah, kalaulah saya masih ingat, ketika saya berkhidmat sebagai pegawai polis di negeri Kelantan tahun 1969, masa itu Yang Berhormat. Tan Sri Mohamed bin Yaacob hendak bertanding untuk menjadi Ahli Parlimen bagi Tanah Merah. Parti PAS ketika itu, yang menjadi tentangan parti Perikatan, begitu membawa keadaan yang huru-hara terhadap rakyat dengan kempen-kempen dan dakyah-dakyah yang sungguh mengelirukan, sehinggakan binatang-binatang ternakan kepunyaan ahli-ahli UMNO pun hendak di Islamkan.

Sebagai contoh, lembu-lembu, kambing-kambing kepunyaan ahli-ahli UMNO ditangkap, ketika itu parti PAS menggunakan lambang bulan dan bintang - ditangkap lembu dan kambing ini, dicatkan bulan dan bintang pada badan lembu dan kambing ini. Begituulah caranya berkempen, dan oleh kerana dakyah-dakyah yang dibawa ketika itu

sehinggakan begitu taksub pengikut-pengikut apabila mereka hendak mati pun - seorang orang tua itu minta anak cucunya tampalkan poster bulan bintang atas dadanya supaya dia masuk syurga.

Ini kita kena akui. ini bukan kata-kata yang saya bawa sebagai cerita. Ini pengalaman saya di negeri Kelantan ketika itu, tahun 1969. Pada petang itu, - saya masih ingat lagi selepas pengundian dan hendak dibuat kira undi di Dewan Tanah Merah - saya ingat Yang Berhormat Tan Sri datang daripada mana tak tahulah, hendak melalui gertak Kusial, beliau kena tahan dengan penyokong-penyokong parti PAS sehinggakan berpeluh Tan Sri di dalam kereta. Semasa itu belum Tan Sri lagi. Saya dapat maklumat, saya datang membantunya. Begitu agresif penyokong-penyokong ini, fasal Tan Sri semasa itu calon parti Perikatan.

Jadi, dalam hal ini kalau kita hendak menyatakan keselamatan negara tanpa ada perpaduan di kalangan kita rakyat Malaysia khususnya – yang utamanya - dari kalangan bangsa Melayu yang tidak pun 80% menjadi rakyat majoriti di negara ini. Kalau kita tidak dapat menyatupadukan orang Melayu sendiri, bagaimana kita mahu mempertahankan kedaulatan negara ini? Sedangkan kuasa-kuasa asing, kuasa-kuasa besar menunggu peluang yang terbaik untuk campur tangan dalam urusan negara kita dan ianya boleh berlaku sekiranya perkara-perkara seperti ini - perpaduan yang sangat rapuh - dan menjadikan ianya sebagai alasan untuk mereka datang.

Jadi, dalam hal seperti ini saya mencadangkan supaya Kementerian Penerangan memainkan peranan yang lebih hebat daripada yang sedia dijalankan. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Khalil Yaakob, Yang Berhormat Dato' Khalid Yunus dan Yang Berhormat Datuk Zainudin Maidin di atas peranan mereka memberikan penerangan yang sebenar kepada rakyat. Saya mencadangkan Kementerian Penerangan supaya lebih memberikan penerangan kepada rakyat mengenai keadaan sebenarnya dan mungkin untuk kita membawa satu pendidikan bahawasanya parti PAS ialah sebuah parti politik, ianya bukan agama. Islam ialah agama. Memperjuangkan Islam bukan parti PAS sahaja, bahkan ianya juga dilakukan dari zaman berzaman oleh parti UMNO menerusi Barisan Nasional (sebelum itu Perikatan).

Kita harus menerangkan perkara ini supaya dapat membezakan di antara agama dan parti politik. Dalam hal ini peranan Kementerian Penerangan itu amat besar dan harus dimainkan. Keselamatan negara, wujudnya KMM dan bilakah ketikanya kita sedar KMM ini wujud. Sebenarnya Allah S.W.T. itu masih sayang dan kasih kepada kita rakyat Malaysia. Bagi sayalah, dalam ingatan saya perkara KMM yang militan ini tidak pernah terlintas di fikiran saya ataupun mungkin dalam fikiran pihak berkuasa kita (pihak polis) sehinggalah terjadinya kes rompak bersenjata di sebuah bank. Apabila mereka ditangkap, disiasat maka didapati mereka yang merompak ini adalah orang-orang yang terpelajar, yang tidak mungkin merompak. Tetapi apabila disiasat secara mendalam baharulah didapati bahawasanya mereka ini mempunyai satu agenda yang lain.

Dan bukan begitu mudah untuk polis mencungkil dan mendapatkan maklumat-maklumat ini. Mereka bekerja siang dan malam dan kita mengatakan: Ha! Itu tugas *you!* Itu tugas anda! Itu tugas jabatan! Kita lupa bahawasanya keamanan itu ialah hak dan tanggungjawab kita bersama. Sebab itu di dalam hal ini kewujudan KMM dan lain-lain pelampau, kita mempunyai undang-undang yang cukup untuk kita bertindak.

Pertama, kita mengucapkan tahniah kepada pasukan polis yang dapat membongkar hal ini dan menyelamatkan kita daripada satu fenomena yang tidak pernah kita duga, yang tidak pernah kita fikirkan ianya berlaku. Bukan begitu mudah untuk polis menyiasatnya. Oleh kerana itu kita mengucapkan tahniah dan berikan sokongan yang padu, sokongan *morale* yang kuat kepada pasukan keselamatan kita kerana mereka bekerja untuk keselamatan kita.

Sebab itu juga penggunaan Akta ISA masih dan tetap relevan. Mungkin di sini saya suka mencadangkan supaya ianya dikaji untuk memperlengkapkan keadaan itu bagi menangani suasana yang akan datang yang mungkin berubah tidak sahaja seperti yang telah berlaku. Penggunaan Akta ISA telah terbukti daripada zaman keganasan militan komunis tahun 1948 sehingga 1962 kita dapat membanteras dalam tempoh 12 tahun dengan begitu berkesan kerana penggunaan akta yang sedemikian. Selepas daripada itu memang negara kita dicemuh oleh negara-negara asing dan

orang-orang kita sendiri kerana penggunaan akta yang sedemikian. Tetapi tarikh 11 September merubah segala keadaan itu. Hari ini kuasa-kuasa asing sendiri mengakui kehebatan dan keberkesanan akta seperti ISA itu. Bahkan mereka juga cuba menirunya - bukan cuba sahaja lagi - dan lebih dahsyat daripada itu menahan sehinggakan mereka yang ditahan tidak dapat sesiapa pun untuk berjumpa. Sekurang-kurangnya Akta ISA yang kita gunakan dalam negara kita hari ini kaum keluarga yang ditahan itu dapat juga berjumpa tetapi kalau ISA di luar negara - minta maaf lah - tiga bulan memang tidak dapat hendak berjumpa.

Sebab itu Akta ISA harus kita pertahankan dan saya mencadangkan supaya ianya dikaji semula untuk diperketat dan diperkukuhkan penggunaannya bagi menangani keadaan dan suasana dalam tempoh 10-20 tahun yang akan datang. Hal ini amat penting bagi negara kita yang berbilang kaum dan sekiranya tidak ditangani dengan betul, dengan baik dan berkesan seolah-olah kita duduk di atas sebuah *time-bomb*. Sebab itulah saya dalam hal keselamatan negara ini bukan satu perkara yang kita boleh sebut di bibir. Ianya harus kita praktikkan. Setiap rakyat itu mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk menentukan bahawa keselamatan negara menjadi agenda utama kita. Tidak ada guna kita bercerita fasal pembangunan dan semuanya. Tidak ada gunanya kita bercerita fasal macam mana kita hendak mewujudkan ini, macam mana kita hendak mewujudkan itu kalau keselamatan negara menjadi satu perkara yang amat menyusahkan kita untuk membangun.

Jadi, dalam hal ini macam-macam boleh kita katakan. Hari ini ada di antara kita masih tidak mahu mengakui bahawa perpaduan nasional itu harus dipertingkatkan. Kita membawa fahaman-fahaman kita, di antara kita khususnya parti pembangkang cuba membawa perkara-perkara yang *sensational*, yang sensasi hanya untuk kepentingan fahaman parti mereka sahaja.

Pagi tadi, Yang Berhormat Dato' Hamzah menyatakan kalau sekiranya di dalam ucapan-ucapan yang didapati melampau sehingga boleh menggerodak keadaan dan suasana keselamatan itu, "Ditangkap terus!" kata Dato' Hamzah. Mungkin kita ingin mencadangkan kepada jabatan Yang Berhormat Dato' Rais Yatim supaya mengkaji, mungkinkah ada cara-caranya supaya apa yang dikatakan oleh Dato' Hamzah itu boleh dilaksanakan kerana saya katakan tadi di dalam keadaan, suasana kita rakyat yang berbilang kaum ini, sekiranya kita tidak dapat menangani masalah seperti ini kita duduk di atas *time bomb* hari-hari.

Perkara boleh berlaku. Tidak susah. Sedangkan di negara-negara yang kita lihat satu bangsa, satu agama pun boleh berbunuh di antara satu dengan yang lain. Satu bangsa berlainan agama, berbunuh di antara satu dengan yang lain. Satu bangsa, dua, tiga keturunan mempunyai satu bahasa pun boleh berbunuh di antara satu dengan yang lain. Macam mana Malaysia negara kita yang mempunyai berbilang kaum, berpuluh beribu etnik, pelbagai budaya dan bahasa, kefahaman dan penganutan. Kita harus mencari satu *common factor* yang mana boleh menyatupadukan rakyat ini.

Tidak ada satu dan dua, tidak ada kompromi dari segi perpaduan nasional untuk kita meneruskan agenda pembangunan negara bahawasanya Malaysia ini adalah negara kita. Kita tidak harus memberi peluang kepada kuasa-kuasa asing macam mana mereka.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya bagi dua minit lagi. Saya takut Yang Berhormat punya kesihatan. Tidak pernah Yang Berhormat cakap banyak. Yang Berhormat baru keluar dari Hospital.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tuan Yang di-Pertua risau saya punya kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam hal macam ini, soal negara, soal kepentingan, soal perpaduan, soal keselamatan, saya akan berkorban jiwa dan raga.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat mahu minta laluan lagi.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sikit, supaya Yang Berhormat boleh rehat sikitlah. [Ketawa] Sebab kesihatan Yang Berhormat tidak ada sedikit gangguan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah menasihatkan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Semalam dia bagi laluan pada saya tetapi pasal Yang Berhormat semalam ada satu jam setengah. Saya ada setengah jam sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Sikit sahaja, sikit sahaja. Saya hendak memberikan penjelasan. Saya rasa tidak adil kalau saya tidak diberikan kesempatan untuk memberikan penjelasan kerana Yang Berhormat menyebutkan peristiwa 1969. Tahun 1969 ini, Yang Berhormat pun tahu ada satu pasukan yang dipanggil pasukan tahan lasak.

Kalau Yang Berhormat menceritakan cerita Tan Sri, saya boleh menceritakan pengalaman saya sendiri untuk menarik perhatian. Sikit sahaja, iaitu pada tahun 1969 saya menjadi calon. Saya pernah dikepong oleh pemuda tahan lasak, 40 orang lebih kurang. Bawa parang panjang, saya tidak ada apa-apa. Apa pun tidak ada. Kosong. Tetapi saya turun, nampaknya tidak tahulah sebab tidak berlaku apa-apa pada saya, selamatlah saya.

Jadi, maknanya kalau kita hendak dedahkan satu pihak sahaja pada tahun 1969, itu tidak adil. Sebenarnya, tahun 1969, 'tahan lasak' cukup hebat pada waktu itu. Maka itulah barang kali yang menyebabkan Pemuda PAS pun dia mempertahankan diri untuk berhadapan dengan 'tahan lasak'. Saya perlu sebutkan ini. Lepas itu kita ada perbincangan, perundingan. Saya pun turut serta. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun tahu perundingan-perundingan itu sehingga sampai terbentuknya apa yang dipanggil kerajaan campuran dan juga Barisan Nasional.

Ini menunjukkan bahawa parti PAS ini bukanlah sebuah parti yang degil, sampai tidak boleh berunding. Kemudian saya hendak tanya kerana kalau disyorkan seperti yang dibuat oleh Kementerian Penerangan sekarang, saya ingat itu bukan jalan hendak menyatupadukan rakyat negara ini. Apa yang dibuat, yang ditayangkan sekarang ini bukan hendak menyatupadukan tetapi menambahkan lagi perpecahan.

Jadi, bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah kesihatan saya. Saya hendak jawab juga itu. Sebab itu saya bangkitkan peristiwa 1969 kerana perlunya bermusyawarah itu, kerana perlunya mengambil sikap toleransi dan berbincang. Tetapi hari ini, kita khawatir peristiwa 1969 dan sebagainya akan timbul semula dan nampak bahawasanya ia mungkin akan timbul. Hari ini kita beritahu, Majlis Fatwa Kebangsaan telah beberapa kali meminta supaya fatwa-fatwa yang dipelopori oleh parti PAS ditarik balik supaya rakyat tidak keliru tetapi tidak diendahkan. Yang melakukan arahan itu ialah Majlis Fatwa Kebangsaan. Majlis Fatwa yang macam mana lagi? Tetapi kalau itu tidak boleh ditarik balik dan pelbagai lagi yang dikatakan supaya ianya jangan dilakukan tetapi tetap dilakukan. Jadi, bagaimana yang hendak dikatakan berbincang dan bermusyawarah untuk kita bermuzakarah, mencari satu penyelesaian supaya perpaduan ummah itu terjamin.

Dalam hal ini, sebab itu kita katakan, kita tidak mahu anak-anak kita menjadi keliru dengan penjelasan, penerangan dan dayah-dayah yang dibawa yang boleh mengelirukan. Sebab itu saya cadangkan tadi supaya Kementerian Penerangan memainkan peranan yang lebih berkesan. Bukan sahaja setakat menunjukkan video klip yang berlaku tetapi menyatakan yang benar, yang hak kerana kita mahukan kepada perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, asyik pandang saya macam itu sahaja. Jadi, saya pun tidak boleh hendak bercakap. *[Ketawa]* Saya tahu dia risaukan kesihatan saya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, satu yang saya hendak ringkaskan, dalam hal ini saya ingin menyeru supaya setiap daripada rakyat Malaysia tidak kira daripada bangsa apa, keturunan apa, agama apa dan fahaman politik apa pun, menjadikan tajuk keselamatan negara dan perpaduan nasional sebagai perkara utama. Jangan kita cerita pasal pembangunan dan segala-galanya kalau ini kita tidak dapat selesaikan. Dan ini hanya boleh diselesaikan dari sudut kesediaan kita menerima keadaan dan toleransi yang dapat kita satu padukan fahaman itu, kesejahteraan kita semua, kerana kita negara kecil. Kerana kita negara yang mudah, kalau perkataan kasarnya, dilanyak oleh kuasa-kuasa besar.

Tetapi saya yakin dan percaya tidak ada satu kuasa yang boleh menghancurkan negara ini kalau sekiranya rakyatnya teguh bersatu padu di bawah

satu kepimpinan iaitu di bawah teraju kita, di bawah payung kita, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan kerajaan yang ada hari ini yang telah teruji daripada tahun 1957 lagi.

Sekian, saya dengan itu turut menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda tersebut. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yew Tuan Chew.

3.43 ptg.

Tuan Yew Tuan Chew: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini. Titah Ucapan Diraja pada 11 Mac 2002 meliputi semua aspek pembangunan negara kita pada masa yang akan datang. Kita berasa bangga kerana negara kita diperintah oleh Barisan Nasional, akan terus menjadi sebuah negara ke arah keamanan dan kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya akan menyentuh sedikit sebanyak tentang perkara di perenggan 10 yang di Titah oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, iaitu perkara tentang sektor pertanian negara. Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian telah dikenal pasti sebagai penjana pertumbuhan ketiga ekonomi negara.

Negara kita memang kaya dengan sumber asli dan tenaga tetapi jikalau sumber-sumber ini dibiarkan, tidak diusahakan atau tidak dimajukan dengan cara yang betul, ia akan menjadi satu kerugian yang besar kepada negara. Kita dapat mengesan bahawa terdapat banyak tanah yang terbiar di Semenanjung Malaysia. Saya pasti keadaan usaha tanah di seberang laut iaitu Sabah dan Sarawak juga sama-sama belaka.

Saya berharap Kementerian Pertanian dapat secepat mungkin membuat kajian-kajian yang baik untuk mengemukakan langkah-langkah yang membolehkan rakyat menerokai tanah-tanah yang terbiar dengan berkesan. Di samping itu, ia akan meningkatkan pendapatan rakyat dan seterusnya meningkatkan pungutan hasil negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh perkara tentang penyalahgunaan racun pertanian. Tanaman seperti buah-buahan dan sayur-sayuran pada masa kini telah dipenuhi dengan racun pertanian. Saya difahamkan bahawa setiap penggunaan racun pertanian mempunyai sukatan yang tertentu tetapi saya juga difahamkan bahawa ramai petani tidak mengambil berat atau tidak mengikut peraturan dan ini menyebabkan bilangan penyakit-penyakit telah meningkat.

Perkara ini sering berlaku mungkin disebabkan oleh kekurangan pemeriksaan oleh pihak berkuasa. Saya berharap Kementerian Kesihatan harus mempunyai langkah-langkah yang baik untuk mengatasi masalah penyalahgunaan racun pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, menurut perenggan 24 Titah Ucapan Seri Paduka Baginda, beliau sebagai sumber tenaga terbesar yang mampu digerakkan ke arah pembangunan negara perlu dijana dengan sebaik mungkin. Saya mendapati bahawa pil-pil *ecstasy* masih hebat lagi dan senang didapati di pusat-pusat hiburan haram atau di kelab-kelab karaoke. Saya berharap kementerian berkenaan harus menjalankan tugas pemeriksaan dengan lebih kerap untuk menghapuskan pil-pil yang meracuni beliau kita.

Dengan kata-kata sedemikian, saya menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

3.47 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih ke Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kesepuluh yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kita berbangga kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu menjadi Ketua Agama dalam negara kita. Umat

Islam meletakkan harapan yang tinggi kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi agama Islam ini. Islam yang sudah lama menjadi Agama Rasmi negara kita sejak merdeka lagi tetapi sayang istilah Islam sebagai agama rasmi negara sahaja tidak cukup untuk mendaulatkan hukum Islam dalam negara kita.

Perlembagaan negara kita yang masih berpandukan undang-undang yang digubal oleh Suruhanjaya Reid tidak meletakkan al-Quran, sunnah, ijmak dan qias sebagai sumber rujukan utama walaupun kita sudah merdeka lebih daripada 40 tahun dan walaupun Malaysia telah diisytiharkan sebagai sebuah negara Islam.

Dakwaan yang mengatakan bahawa kita masih belum mampu adalah satu dakwaan yang tidak munasabah. Selepas 40 tahun kita merdeka, adakah atau tidak dibuat suatu kajian ataupun *research* terhadap perkara ini? Apakah halangan yang menyebabkan undang-undang Islam tidak boleh dilaksanakan sepenuhnya dalam negara kita, sedangkan Islam sudah lama menjadi agama rasmi negara kita.

Islam adalah agama ciptaan Allah S.W.T dan Dia ciptakan untuk semua manusia. Allah S.W.T yang menciptakan alam ini, Dialah juga yang menciptakan manusia. Dia lebih tahu undang-undang yang sesuai untuk manusia. Islam adalah satu agama yang lengkap merangkumi seluruh permasalahan hidup manusia, warga masyarakat, negara, ekonomi, sosial dan sebagainya dan seluruh kehidupan manusia.

Amat salah kalau ada yang mengatakan bahawa negara Islam itu tidak ada dalam Islam ataupun tidak ada dalam al-Quran. Sebagaimana Allah S.W.T berfirman dalam Al-Quran dalam surah Al-Baqarah, ayat yang ke-30 [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud, sesungguhnya Kami tidak menjadikan manusia ini sebagai pemimpin, sebagai khalifah di muka bumi ini. Begitu juga Allah s.w.t berfirman dalam surah An-Nisa, ayat yang ke-105 [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud, sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu Al-Quran dengan sebenarnya supaya kamu berhukum di kalangan manusia dengan apa yang telah dinyatakan kepada kamu oleh Allah dan janganlah kamu menjadi pembela kepada orang-orang yang khianat.

Jelas banyak lagi ayat dalam Al-Quran yang memerintahkan kepada kita menurut perundangan hukum yang telah diturunkan oleh Allah, Tuhan pencipta seluruh alam ini. Jadi, tidak benar sekali kalau ada dakwaan yang mengatakan bahawa perundangan Islam dan negara Islam itu tidak ada dalam Islam. Ini merupakan satu ucapan yang boleh menjejaskan akidah kita sebagai seorang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat dalam sejarah Islam bagaimana Rasulullah s.a.w dan para sahabat telah menegakkan negara Islam dan begitu juga bagaimana pimpinan Khulafa Ar-Rasyidin, iaitu di mana mereka telah menegakkan sistem perundangan Islam. Begitu juga bagaimana sebelum kejatuhan Kerajaan Osmaniah, mereka telah melaksanakan pemerintahan Islam dan apabila diserang oleh wabak sekularisme, maka kita melihat bagaimana pemerintahan Islam itu telah diketepikan dan sebagaimana yang telah diketahui umum bagaimana pimpinan Kamal Attaturk di Turki yang telah memansuhkan segala syariat Islam yang menyebabkan sehingga kini ramai umat Islam sudah tidak yakin dengan perundangan Islam. Inilah bagaimana kesan sejarah yang begitu lama untuk menghilangkan keyakinan umat Islam daripada sistem undang-undang itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak peristiwa 11 September, kita melihat bagaimana tekanan kepada umat Islam semakin hebat. Umat Islam cuba diletakkan di kandang orang salah. Mereka cuba menuding jari kepada umat Islam tanpa bukti. Begitu juga apa yang ada di dalam negara kita. Serangan demi serangan, tuduhan demi tuduhan dilemparkan kepada gerakan Islam. Tuduhan ekstrem, tuduhan pelampau, tuduhan kolot, militan, KMM dan dikaitkan PAS dengan Taliban KMM walaupun tidak ada bukti yang kukuh.

Media kerajaan sama ada media elektronik dan surat khabar digunakan habis-habisan untuk mempengaruhi rakyat supaya menentang PAS. Bagaimana ceramah PAS dianggap sebagai satu ancaman kepada keselamatan negara walaupun ceramah itu dibuat mengikut prosedur undang-undang. Perhimpunan aman yang dibuat oleh PAS dikejar dengan gas pemedih mata. Kenapa perkara ini berlaku, sedangkan sejak PAS ditubuhkan 50 tahun yang lalu, tidak ada satu bukti pun PAS melakukan keganasan sebagaimana Yang Berhormat semua dengar penjelasan daripada Ahli-ahli

Yang Berhormat dalam Dewan ini di mana ada yang mengatakan PAS ganas. Sebenarnya itu adalah provokasi yang telah dilakukan oleh pihak UMNO sendiri.

Saya mencadangkan agar pihak kerajaan supaya kembalikan permit ceramah dan kebebasan hak bersuara kepada rakyat. Kembalikan juga permit *Harakah* kepada lapan kali sebulan jika benar negara kita adalah sebuah negara yang mengamalkan pentadbiran yang telus, profesional dan demokrasi.

Sebagai sebuah negara demokrasi, sepatutnya kebebasan media perlu ada, tidak hanya menyebelahi sebelah pihak seolah-olah sekarang RTM dimiliki oleh BN, bukan dimiliki oleh kerajaan. Digunakan sepenuhnya terutama dalam kempen pilihan raya. Setiap kali pilihan raya kecil diadakan, maka media hampir pagi sampai malam berkempen untuk BN. Ini seolah-olah meletakkan BN menggunakan jentera kerajaan, bukan jentera BN di dalam mempengaruhi undi kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan kalau boleh agar sidang Dewan Negara dan Dewan Rakyat ini disiarkan secara langsung melalui RTM sebagaimana yang diamalkan di negara-negara yang lebih maju di Eropah. Kalau persidangan disiarkan secara langsung, rakyat dapat menilai siapa yang hadir dan siapa yang tidak hadir. Kita lihat perbincangan pada hari ini, mana ada menteri yang mendengarnya. Jadi, kalau kita siarkan secara langsung, maknanya rakyat boleh menilai sebenarnya siapakah orang yang amanah dan orang yang tidak amanah dan dalam persidangan ini, agar rakyat boleh menilai. Inilah yang kita hendakkan dalam satu negara, kalau benar kita mengamalkan demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu sedar bagaimana ancaman besar kepada negara kita yang perlu kita perhatikan dengan serius ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: ...Dengan serius....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Hamzah minta laluan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya. Saya hendak menjelaskan tiap-tiap hari saya rasa Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen ada, sebelah pagi tadi pun ada. Cuma petang ini tidak ada sebab saya rasa hari ini hari Rabu. Hari Rabu, Kabinet *meeting*....

Tuan Yang di-Pertua: *Post-Cabinet* ada *meeting*.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Jadi, mesyuarat Kabinet sebelah pagi, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen pun boleh hadir kerana dia tidak bermesyuarat Kabinet. Sebelah petangnya, *post-Cabinet* bermesyuarat. Mereka terpaksa hadir, Yang Berhormat.

Jadi, jangan kita menuduh sehingga kita kata mereka tidak hadir petang ini kerana tidak mahu hadir, janganlah macam itu. Semalam lagi saya sudah kata, kita sesama kita ini buat apa sindir-sindir begini, cakap betul-betul, kata kami hendakkan agama, saya bersetuju. Itu pandangan sayalah. Saya hendak jelaskan mengapa rakan-rakan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen tidak dapat hadir pada petang ini. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Dato' Hamzah yang memberi penjelasan. Saya bukan menyindir tetapi itu realiti. Mungkin hari ini kita sudah faham kedudukannya tetapi keadaan ini tidak hari ini sahaja. Kita melihat sendiri bagaimana suasananya. Maknanya tidak semua yang hadir. Maknanya Yang Berhormat boleh menyaksikan sendiri, saya tidak perlu sindir. Ini kenyataan dan realiti yang semua orang boleh lihat.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bagaimana suasana yang ada pada hari ini merupakan satu ancaman yang besar yang berlaku kepada negara kita. Perlu kita beri perhatian yang serius kepada masalah krisis sosial yang semakin kronik melanda dalam masyarakat kita. Bagaimana kita melihat dalam masyarakat kita masalah jenayah, masalah rogol, masalah pembunuhan, masalah dadah menjadi satu masalah yang sangat serius dalam negara. Ini kita melihat bagaimana di dada-dada akhbar setiap hari didedahkan dengan berita-berita yang menyayat hati kita.

Cuba kita memikirkan apa puncanya. Adakah kerana tidak cukup pembangunan masyarakat kita jadi macam ini? Adakah kerana tidak cukup pembangunan yang menyebabkan masyarakat kita semakin hari semakin teruk? Jadi, kita melihat di sini bagaimana ada satu kepincangan dalam kita membangunkan negara, sebab manusia ini dijadikan oleh Allah ada roh dan ada jasad, dan keperluan rohani dan jasmani mesti seimbang. Inilah sebenarnya yang ditegur oleh pihak kami pembangkang. Bukan kami pembangkang pembangunan tetapi kami hendak kepada suatu keseimbangan yang sesuai sebagai fitrah manusia kita dijadikan oleh Allah, pembangunan rohani, pembangunan insan, pembangunan manusia itu supaya seimbang dengan pembangunan fizikal negara itu sendiri supaya insya-Allah kita dapat membina satu masyarakat negara yang makmur dan subur, akhlak dan budi pekertinya, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menarik perhatian Dewan ...

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Adakah *you* tidak setuju dengan ucapan kawan *you*? Mahu minta laluan? Okay, sila.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas budi baik adinda saya Yang Berhormat Siti Zailah. Terlintas langsung dalam pemikiran saya terpanggil untuk bangun menyatakan erti ayat. Tuhan menyatakan *[Membacakan sepotong ayat al-Quran]* yang bermaksud “*Satu janji Allah jika ketenangan jiwa yang sentiasa ingat Allah itu yang ada ianya menjamin jiwa tenang dalam keadaan aman*”. Macam mana adinda Siti Zailah kalau harta benda penuh melimpah di ruang rumah sehingga tidak termampu untuk nak menjunjung? Apakah harta ini dapat menjamin ketenangan jiwa? Minta pandangan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih kepada Yang Berhormat kanda Jamilah.

Kalau kita merujuk kepada al-Quran, Allah S.W.T. berfirman: *[Membacakan sepotong ayat al-Quran]* yang bermaksud “*Beruntunglah orang yang membersihkan jiwanya dan rugilah orang yang mengotori jiwanya*”. Maknanya, kebahagiaan dalam hidup di dunia ini bukan benda. Kebahagiaan yang paling besar apabila Allah S.W.T. memberikan ketenangan dan ketenangan itu lahir apabila kita mentaati perintah Allah dan kita hidup dalam suasana yang damai. Sebab itulah kita mesti ada keseimbangan dalam kehidupan kita antara rohani dan jasmani supaya insya-Allah kita dapat melahirkan satu masyarakat yang harmoni. Kita melihat gejala sosial yang ada di negara kita mungkin berpunca daripada hati-hati dan jiwa yang kosong, hati-hati dan jiwa yang tidak tenang. Inilah yang mendorong berlakunya perkara jenayah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta laluan. Saya tertarik juga dengan pandangan dan hujah Yang Berhormat Siti Zailah kita ini.

Dari segi keseimbangan rohani dan jasmani, dari segi perbuatan jenayah masih berlaku di negara kita, bolehkah Yang Berhormat bagi pandangan ataupun bukti di mana misalannya di negeri Kelantan yang mana PAS telah memerintah. Sudah berapa lama?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Dua belas tahun.

Datuk Nor Azah binti Awin: Dua belas tahun. Supaya saya tidak salah, saya tanya Yang Berhormat.

Saya percaya langkah-langkah keseimbangan telah dijalankan dan setakat dua belas tahun ini telah membuktikan keberkesanan langkah-langkah tersebut. Kalau boleh Yang Berhormat memberitahu ahli Dewan hari ini dari segi apa dia *improvements*, dengan izin, dari segi keseimbangan tersebut. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Nor Azah.

Kalau kita melihat bagaimana dalam pendidikan sebuah negara dalam usaha kita melahirkan satu masyarakat yang harmoni, kita tidak hanya melihat dari satu sudut

sebab banyak perkara yang mempengaruhi keharmonian sesebuah masyarakat. Kalau di Kelantan pelbagai program telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri Kelantan untuk membawa rakyat kepada keseimbangan antara rohani dan jasmani untuk membimbing masyarakat; tetapi dalam masa yang sama media-media mendedahkan program-program yang merosakkan apa yang kita tanamkan dalam jiwa remaja sebelum ini. Contohnya kalau kita mengadakan program bina insan remaja, kita buat di masjid-masjid iaitu yang dipanggil "Bulan Sembahyang", banyak program remaja yang kita laksanakan, begitu juga dengan kuliah agama, tetapi di masa yang sama Yang Berhormat sekalian, masyarakat kita didedahkan dengan suasana pendedahan melalui media sama ada melalui TV dan sebagainya yang membawa kepada satu rangsangan melakukan perkara-perkara yang tidak baik, filem-filem yang ganas yang merosakkan. Begitu juga pendedahan melalui majalah, surat khabar yang membawa berita-berita yang tidak merangsang kesejahteraan jiwa itu sendiri. Ini juga boleh membawa kepada rangsangan perkara yang tidak baik. Begitu juga banyak perkara-perkara lain dan unsur-unsur lain yang boleh menyebabkan perkara yang kita bawa itu tidak berkesan.

Sebab itulah di dalam pendidikan ini kerjasama daripada atas dan bawah, kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat, perlu di dalam kita melahirkan satu masyarakat yang sejahtera, barulah insya-Allah kita dapat melahirkan satu masyarakat yang makmur dan sejahtera, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang peranan wanita. Kita tidak menafikan peranan wanita sangat penting dalam pembangunan negara kita. Tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga yang telah merancang pelbagai program untuk meningkatkan martabat wanita Malaysia. Tetapi kita melihat sekarang ini satu perkara yang masih menggerunkan kita iaitu ramai wanita yang menjadi mangsa keganasan dan gangguan seksual. Perkara ini perlu kita tangani dengan serius dan kita sedih melihat bagaimana kelahiran anak-anak luar nikah semakin ramai. Kita dapat tahu bagaimana angkanya semakin meningkat sampai puluhan ribu. Ini merupakan satu perkara yang memilukan, dan ia memerlukan perhatian yang serius daripada semua pihak. Dalam masalah inilah perlu kita kembali kepada jalan dan cara Islam sebab Islam adalah penyelesaian yang terbaik.

Begitu juga kita memberi penghargaan dan tahniah di atas kelulusan yang telah diberi kepada ibu-ibu yang bersalin iaitu cuti kepada bapa 14 hari. Tetapi saya suka mencadangkan juga kepada kerajaan supaya diberi cuti kepada ibu bapa yang sakit. Mungkin tidak terfikir oleh pimpinan kerajaan kita bahawa ibu bapa merupakan elemen yang sangat penting dalam pembinaan satu keluarga. Kita melihat sekarang ini ibu-ibu diletakkan di rumah orang-orang tua. Maknanya seolah-olah mereka kehilangan kasih sayang dari anak-anak. Kenapa kita tidak boleh memberikan satu cadangan cuti separuh gaji dan sebagainya untuk anak-anak yang mempunyai ibu-ibu yang telah tua, bapa yang telah tua untuk menunjukkan kasih sayang mereka dengan mengambil cuti untuk melayani saat-saat akhir kehidupan mereka. Ini merupakan satu pengiktirafan kita kepada golongan warga emas ini.

Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Hamzah bin Zainudin: [Bangun]

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Dato' suka ganggu saya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tidak ganggu, saya hendak tanya sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya laluan diberi. Jemput Dato'.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Siti Zailah kata saya suka ganggu Yang Berhormat. Tidak. Cuma saya hendak tanyalah, saya bersetuju kita hendak menjaga ibu bapa kita ini saya bersetuju. Kalau bapa sakit kita berikan anak ini supaya cuti panjang. Itu Yang Berhormat mintakan?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tidak semestinya cuti panjang.

Dato' Hamzah bin Zainudin: lalah, maksudnya supaya dapat kita membela atau menjaga ibu bapa kita ini. Tetapi kalau sudah ibu bapa yang sakitnya begitu panjang dan begitu lama macam mana kerajaan hendak buat? Kita kena ada dari segi satu bab saya bersetuju kerana nampak cantik tetapi dari satu segi saya kurang bersetuju apabila ia tidak praktikal. Biar kita fikir dari segi *practicality* dan juga biar kita fikir sama ada kita mampu ataupun tidak hendak buat perkara-perkara ini kerana kita

hendak membangunkan wanita, kita hendak ramaikan wanita untuk membantu, untuk membina negara ini, tiba-tiba apabila jadi macam ini semua wanita cuti, semua bapa sakit, jadi susah juga. Jadi, pandangan sayalah, walaupun saya bersetuju tetapi kadang-kadang jangan melampaui sehinggakan benda yang kita hendak buat itu tidak boleh kita buat. Itu pandangan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Dato' Hamzah. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan cuti untuk ibu bapa sakit sebagai suatu tanggungjawab kita sebagai seorang anak, sebab ibu bapa merupakan satu elemen yang penting dalam kehidupan berkeluarga. Kalau boleh diberi cuti kepada suami kerana isteri bersalin selama 14 hari, apa salahnya, maknanya ada galakan daripada kerajaan untuk melahirkan keluarga yang penyayang.

Tidak semestinya cuti yang panjang. Maknanya satu cuti yang memberi penghormatan, penghargaan kita sebagai anak. Kadang-kadang ada anak yang tidak sempat menziarahi emak ataupun tak sempat melawat mak. Ada suruh orang gaji yang jaga. Maknanya inilah yang kita rasakan, suatu yang tidak kena dalam masyarakat kita, seolah-olah tidak ada masa langsung untuk menziarahi ibu dan bapa.

Maknanya walaupun mungkin ada yang tidak kena dalam cadangan saya tetapi cubalah pertimbangkan cadangan ini, walaupun kami sentiasa dianggap pembangkang tetapi cadangan yang baik, cubalah kita fikirkan bersama. Kita fikirkan bersama sebab ini untuk kepentingan masyarakat kita *[Ketawa][Disampuk]* Okaylah.

Jadi seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh sedikit berkenaan isu pendidikan. Dalam isu pendidikan ini mengenai usaha kerajaan yang mencuba untuk menghalang PAS menjalankan aktiviti di bawah Pasti iaitu Pusat Asuhan Tunas-tunas Islam iaitu Pasti. Satu ketika dahulu kita terdengar bagaimana, macam-macam tuduhan yang diberi kepada kami, iaitu seolah-olah PAS mengajar kanak-kanak membenci pemimpin, memijak gambar pemimpin tetapi sekarang ini masih lagi tidak ada bukti.

Sekarang ini kita melihat bagaimana suatu akta insya-Allah akan dipinda nanti, maknanya, bagaimana untuk, memberi satu tekanan dan sekatan supaya semua prasekolah tadika ini mesti mengikuti sukatan pelajaran di bawah Kementerian Pendidikan. Sebenarnya matlamat Pasti kita adakan, ialah membawa anak-anak kita mengenal Allah, sebab sebelum ini suatu ketika dahulu kita melihat kebanyakan sekolah-sekolah tadika ini dijalankan oleh sekolah *missionary* dan pihak swasta yang kadang-kadang tidak melahirkan suatu pendidikan, maknanya membawa asas-asas Islam dalam diri anak-anak.

Anak-anak yang dididik di Pasti hanya satu tahun sahaja. Bandingkan sebelas tahun kanak-kanak berada di sekolah rendah dan menengah. Mana mungkin budak-budak yang umur lima tahun kita dapat *brain wash* dia, supaya benci pemimpin, tidak mungkin. Kita hanya mampu mengajar mereka doa, mengajar 'alif', 'ba', 'tha', dalam keadaan itu sahaja tetapi kenapa disalahtafsirkan sehingga membawa kepada pembubaran akta dan sebagainya. Inilah yang saya katakan supaya janganlah semata-mata kerana marahkan nyamuk tapi kelambu dibakar. Inilah permintaan daripada kami, hasrat hati sebagai seorang ibu.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang minta laluan. Dijemput Yang Berhormat Puan Jamilah.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dewan ini tempat kita *brain storming* ataupun mencurahkan idea-idea untuk kita *share* bersama demi untuk kebaikan negara dan kesejahteraan rakyat.

Jadi apabila Yang Berhormat Siti menyebut peranan ibu, jelas. Persyarikatan di dalam pembangunan rumah tangga adalah keseimbangan antara peranan ayah. Tetapi yang saya melihat sekarang ini, fenomena dan sudah lama yang kita melihat, nafas ibu selalu sesak kesempitan kerana ayah agaknya kurang memberi perhatian, kesibukan berbagai-bagai lapisan kedudukan kaum ayah, tambah, tambahlah ayah di dalam politik. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua: Termasuk politik PAS juga.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Termasuk politik PAS, tapi rasa insya-Allah, kita orang PAS ini tanggungjawab itu melihat bersamalah.

Kalau kita melihat..., saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Puan Zailah, kalau kita melihat kepada Al-Quran dan banyak kali saya memberi pandangan di sini, bahawa sepanjang cerita-cerita kisah para Anbia dan kisah teladan kerana ayat menyatakan semua sekali di dalam Al-Quran itu mesti diambil metodologi yang pendek sahaja iaitu [*Membaca sepotong ayat Quran*] Bermaksud semua kisah-kisah yang membawa iktibar yang boleh diambil faedah bersama kepada pembangunan, jiwa manusia sejahtera dunia. Dia kena melihat di situ.

Jadi di dalam Al-Quran, Allah mengisahkan peranan bapa itu cukup penting di dalam pertumbuhan emosi remaja anak-anak. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat, bapa-bapa, ayah-ayah yang kita tengok sekarang di dalam peringkat kanak-kanak remaja yang memerlukan didikan kasih sayang dan sokongan bersama dengan ibu. Adakah kita boleh melihat di sana peranan yang dimainkan bersama, sama ada 50 – 50 ataupun berapakah peratusan yang diberikan. Macam mana pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Puan Jamilah. Jadi saya tertarik dengan persoalan yang diutarakan kepada saya berkenaan dengan peranan bapa. Sebenarnya memang jelas dalam Al-Quran banyak ayat-ayat memberi penjelasan bagaimana pentingnya peranan bapa dalam pendidikan.

Contohnya bagaimana kisah Imran. Bagaimana dia berpesan kepada anaknya; [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud bagaimana Imran memperingatkan kepada anaknya, wahai anak ku, jangan kamu syirik kepada Allah, kerana syirik itu adalah satu kezaliman yang sangat besar. Di sini jelas bagaimana pendidikan yang dibawa dalam Al-Quran berkenaan dengan peranan bapa adalah sangat penting bagi melahirkan insan rabbani yang sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Datuk Hamzah pada dua hari lalu, iaitu Insan rabbani, insan yang mentauhidkan Allah S.W.T.

Jadi maknanya, kita melihat satu kepincangan yang ada dalam masyarakat kini, di mana seolah-olah kerja bapa hanya cari duit sahaja. Ha, inilah yang silap. Kita kena membetulkan bagaimana peranan bapa, bagaimana Rasulullah s.a.w. mendidik anak-anak dia. Jadi sebab itulah di dalam kita membina satu keluarga yang sihat, satu generasi yang akan mewarisi negara kita dan generasi yang akan datang, maka kita hendaklah kembali kepada keagungan Islam, bagaimana bapa berperanan dalam mendidik anak-anak. Bukan hanya hendak fikir kahwin lebih daripada seorang tapi yang penting anak itu di didik dengan cara baik.

Timbalan Yang di-Pertua: Setuju tentang mana itu.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga bagaimana saranan ke bawah Duli Tuanku supaya memberi penekanan kepada pembangunan desa untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat desa agar menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Kita berterima kasih di atas usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat tetapi kadang-kadang ada yang kita kurang senang, apabila duit peruntukan untuk diperuntukkan untuk rakyat itu disalahgunakan. Sebagaimana yang disentuh oleh Ahli-ahli kita yang lain berkenaan dengan penyelewengan, wang PPRT dan kehilangan dalam Tabung Haji, siasatan juga sedang dibuat dalam Amanah Ikhtiar Malaysia kerana ada yang terlibat dengan perkara yang tidak mengikut undang-undang dan sebagainya. Inilah yang kita bimbangkan dan satu perkara lagi yang mungkin belum disentuh oleh Yang Berhormat dalam Dewan ini yang sedang berlaku sekarang ini iaitu wang sara hidup untuk pekebun-pekebun kecil.

Ini yang berlaku ketara sangat di negeri Kelantan contohnya di kawasan Jeli Saya selalu berdepan dengan rakyat di mana saya masuk kampung, keluar kampung dan saya mendapat luahan daripada mereka, ada yang menangis datang kepada saya dan memberitahu bagaimana wang peruntukan untuk pekebun-pekebun kecil di mana wang ini adalah diuntukkan khas untuk bantuan mereka yang bekerja menoreh getah dengan anak yang ramai tetapi telah disalahgunakan.

Ada yang mendapat wang ini ialah orang yang tidak ada sikit pun kebun getah, yang tidak pernah menoreh getah tetapi diberi wang peruntukan ini. Ada orang yang berhak menerimanya tetapi tidak dapat. Saya mengharapkan supaya pihak kerajaan terutama yang bertanggungjawab tentang hal ini mengambil perhatian dan pemantauan yang serius terhadap perkara ini. Sebab campur tangan daripada orang politik menyebabkan perkara ini telah disalahgunakan. Ha, inilah yang sedang berlaku dan sekiranya pihak kementerian ingin penjelasan, boleh buat siasatan, sebab perkara ini memang berlaku di negeri Kelantan dengan meluasnya [Disampuk] Di Jeli, boleh tanya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan masalah kesihatan rakyat. Bagaimana kita tahu di antara tanggungjawab kerajaan ialah menjaga kesihatan rakyat. Ada ura-ura pihak tertentu mengemukakan cadangan supaya penswastaaan perkhidmatan kesihatan ini dipertimbangkan oleh kerajaan. Di mana 70% sumbangan kos rawatan dibayar oleh individu dan 30% dibayar oleh kerajaan. Kalau cadangan ini diterima, ia merupakan satu beban kepada rakyat yang berpendapatan kecil.

Ada juga cadangan supaya diizinkan satu syarikat swasta mengendalikan dana pembiayaan kesihatan ini sebagai orang tengah dengan membebaskan Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam mengutip wang dan meminta supaya Kerajaan Pusat menyerahkan belanja operasi tahunan Kementerian Kesihatan ini untuk ditadbirkan oleh syarikat ini. Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian, adakah benar perkara ini sedang berlaku dan di dalam rundingan.

Jadi akhirnya saya memohon supaya kerajaan kembali mewujudkan satu pentadbiran yang telus dan profesional sebab kita ingin melahirkan satu negara yang adil, yang memberi hak yang sama kepada semua pihak, yang memberi kebebasan bersuara kepada rakyat dengan adil. Kita tidak mahu di sebelah tangan mengatakan negara kita mengamalkan demokrasi tetapi di sebelah tangan yang lain, ia mengikat rakyat dengan bermacam-macam akta seperti Akta ISA, Akta Mesin Cetak, Akta Universiti dan Kolej Universiti, Akta Pendidikan, Akujanji, larangan ceramah dan sebagainya, seolah-olah maknanya kita tidak ada satu penegasan, seolah-olah kita mengamalkan satu sikap *double standard* pada rakyat di dalam kita mengamalkan sistem demokrasi dalam negara kita.

Jadi dengan kata-kata itu saya turut menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Tuanku. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jemput.

4.15 ptg.

Tuan Kee Ah Kau: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengemukakan cadangan berkaitan dengan masalah tempatan antaranya ialah cadangan agar Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dapat diperbanyakkan di kawasan luar bandar. Sebagaimana kita sedia maklum, di kawasan luar bandar masih terdapat keluarga-keluarga yang belum mendapat kemudahan asas secukupnya. Hal ini bukan sahaja terjadi kepada golongan Melayu malahan terdiri dari golongan pelbagai kaum. Mereka ini boleh dikategorikan dalam golongan daif dan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya PPRT ini dapat diperbanyakkan di kawasan luar bandar, saya menyarankan agar rumah tersebut diberikan kepada semua golongan iaitu Melayu, Cina dan India dan diberikan kepada keluarga yang benar-benar memerlukannya. Hal ini bagi memastikan masyarakat tersebut hidup dalam suasana yang muhibah dan mencapai perpaduan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan dapat memberikan kemudahan biasiswa dan pinjaman kepada Institut-institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Ini adalah kerana tidak semua IPTS di Malaysia dapat menyediakan kemudahan tersebut kepada para pelajar. Sebagaimana yang kita tahu, tidak semua pelajar berjaya mendapat tempat di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Oleh yang demikian, pelajar-pelajar tersebut terpaksa melanjutkan pelajaran ke IPTS demi menjamin masa depan yang cerah bagi mereka. Tetapi kita juga harus

mengambil perhatian bahawa pelajar-pelajar yang memasuki IPTS ini terdiri daripada golongan yang kaya, sederhana dan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, inilah masalah yang ingin diutarakan. Terdapat para pelajar yang terpaksa menamatkan pengajian kerana masalah kewangan walaupun mereka merupakan golongan yang cerdik pandai. Masalah ini hanya disebabkan oleh kerana tiadanya kemudahan biasiswa dan pinjaman dari IPTS. Masalah ini mungkin dapat diselesaikan jika pihak swasta yang lain terus membantu memberikan pinjaman dan tajaan kepada pelajar IPTS. Oleh yang demikian, masalah ini tidak semata-mata tertumpu kepada pihak kerajaan sahaja, sebaliknya semua pihak harus mengambil perhatian dan bersama-sama membantunya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan di sini, sejak kebelakangan ini kejadian jenayah seperti pembunuhan, rogol dan rompakan kerap kali berlaku di negara kita. Semakin canggih dan majunya dunia kita, semakin kejamnya manusia. Bagi mengurangkan masalah ini, saya menyarankan agar penguatkuasaan undang-undang yang lebih berat harus dilaksanakan ke atas penjenayah iaitu hukuman sebat. Sebagaimana yang kita sedia maklum, hukuman denda dan penjara tidak begitu menakutkan bagi penjenayah mungkin kerana itulah mereka langsung tidak memikirkan hukuman yang akan dikenakan ke atasnya.

Tuan Yang di-Pertua, pihak penguat kuasa seharusnya mencuba hukuman sebat tersebut sama ada ianya berkesan atau tidak dalam usaha mencegah kegiatan jenayah di negara kita, terutamanya jenayah yang melibatkan golongan belia dan remaja yang bakal menjadi pemimpin dan harapan negara pada masa akan datang. Dalam menangani masalah ini, pihak berkuasa terutamanya pihak polis haruslah kerap kali membuat rondaan di sekitar kawasan demi menjaga keselamatan penduduk, tanggungjawab ini bukanlah sahaja dibuat selepas sebarang jenayah dilaporkan tetapi juga sebelum ianya berlaku, umpama "Mencegah lebih baik dari merawatnya".

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini bukan sahaja penguatkuasaan hukuman berat patut dilaksanakan malahan sistem pendidikan juga harus dititikberatkan. Hal ini dapat dikaitkan apabila kegiatan jenayah kerap kali dilakukan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab ini. Ini menunjukkan pembangunan negara dan pembangunan rohani yang tidak seimbang, di mana semakin maju dunia semakin itu manusia tidak tahu menilai mana yang baik dan mana yang buruk.

Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat kepada kemerosotan tingkah laku dan penglibatan anak muda zaman kini dengan gejala sosial dan jenayah, menunjukkan statistik yang mengusulkan kemajuan teknologi dan pembangunan yang begitu pesat telah menyebabkan ibu bapa kini sibuk mengejar kemewahan dan kebendaan sedangkan harta yang sepatutnya dibelai serta dipelihara terabai.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya tanggungjawab untuk mendidik anak menjadi agenda utama ibu bapa kerana dalam zaman yang semakin maju pelbagai anasir dan pengaruh negatif sentiasa berlegar-legar bagi menyesatkan anak-anak warisan bangsa. Tetapi masalah ini tidak tertumpu kepada tanggungjawab ibu bapa semata-mata sebaliknya pendidikan agama dan moral haruslah ditekankan. Hal ini boleh diterima apabila semua ajaran agama pelbagai kaum mencegah.

Akhirnya, sekiranya semua pihak memainkan peranan bagi melahirkan generasi yang produktif dan membangun kepada masyarakat, tidak mustahil jika kadar jenayah di negara ini dapat dikurangkan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Nosimah.

4.26 ptg.

Puan Nosimah binti Hashim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sidang Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Syukur alhamdulillah, Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita terus berusaha bersungguh-sungguh membangun kemajuan kepada negara dan seterusnya membawa kebahagiaan kepada rakyat jelata.

Kita perlu sedar bahawa cabaran-cabaran yang merintang di hadapan semakin rumit dan semakin kompleks. Pada permulaan abad ke-21 ini, kerajaan bukan sahaja terus berikhtiar memulihkan ekonomi negara. Pada masa yang sama segala perkembangan yang mungkin menggugat kesejahteraan dan keselamatan negara juga perlu ditangani dengan cermat. Adalah jelas, kemajuan negara pada masa hadapan bukan sahaja bergantung kepada dasar-dasar ekonomi yang strategik dan berkesan. Kita juga memerlukan satu jentera pentadbiran kerajaan yang sentiasa bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu isu hangat kebelakangan ini yang berkait rapat dengan kedua-dua aspek, ekonomi dan aspek keselamatan negara adalah pergantungan ekonomi negara ini kepada tenaga kerja asing. Memang tidak dapat dinafikan bahawa tenaga kerja asing telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara ini. Kita tidak akan mampu mencapai kedudukan ekonomi yang dinikmati pada hari ini sekiranya kita tidak membawa masuk pekerja-pekerja asing ini.

Menurut laporan dari luar negara jumlah pekerja asing di Malaysia adalah kira-kira 900,000 orang sebagai pekerja asing yang berdaftar. Malaysia amat memerlukan kestabilan pasaran buruh untuk terus boleh menjadi kompetitif di pasaran antarabangsa. Sebagai satu daripada penyelesaian masalah kekurangan tenaga buruh, kerajaan telah memperkenalkan program tiga tahun permit yang membenarkan buruh asing mendaftar dan bekerja secara sah di beberapa sektor.

Untuk mengatasi kekurangan buruh di sektor pembuatan dan perladangan, saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan untuk memanjangkan permit pekerjaan bagi pekerja asing lebih dari lima tahun sekiranya mereka tidak terlibat dalam mana-mana kegiatan jenayah. Ini adalah kerana untuk melatih pekerja asing akan memakan belanja yang tinggi bagi sesebuah firma. Dari perspektif sumber manusia ini dalam jangka yang panjang, kita juga akan kerugian untuk melatih pula pekerja-pekerja asing yang baru maka negara-negara lain pula akan mendapat faedah dengan mengambil pekerja asing yang terlatih yang telah dihantar ke negara masing-masing. Contohnya di Singapura, pekerja asing yang telah mempunyai kemahiran telah dibenarkan bekerja selama beberapa tahun. Singapura terpaksa berbuat demikian untuk memastikan kestabilan pasaran tenaga buruh negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, isu penagih dadah masih lagi menjadi isu daripada masalah sosial yang runcing bagi kerajaan. Lebih kurang RM5 juta telah dibelanjakan setiap tahun untuk memulihkan penagih-penagih dadah di negara ini. Kerajaan telah membangunkan lebih kurang 27 pusat pemulihan dadah di mana setiap pusat mempunyai kapasiti 600 hingga 1,500 orang. Kajian tahun 1994 menunjukkan penagih dadah yang berulang alik, keluar masuk adalah 70%. Masalah dadah adalah masalah negara. Oleh itu, masalah ini tidaklah ditanggung oleh sebuah kementerian sahaja. Kementerian Dalam Negeri telah diamanahkan selama ini untuk menjalankan proses pemulihan penagih dadah.

Saya ingin mengesyorkan supaya kerajaan mengkaji semula peranan KDN dalam menangani masalah dadah negara. Saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan memainkan peranan dari segi pemulihan sementara. Kementerian Perpaduan dan Kebajikan Masyarakat memainkan peranan dari segi kaunseling. Saya juga ingin mengesyorkan supaya ada program-program di mana bekas penagih dadah boleh diambil bekerja di sektor perladangan. Dengan ini dapat mengurangkan lagi masalah kekurangan pekerja di sektor perladangan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan telah mula menggalakkan rakyat menceburi kegiatan ekonomi yang berlandaskan ilmu pengetahuan ataupun k-ekonomi, aktiviti ekonomi yang insentif buruh tidak mungkin digantikan dalam masa yang singkat. Selagi kita mempunyai imbalan aktiviti ekonomi yang insentif buruh selagi itulah kita terpaksa mengimport tenaga kerja asing.

Meskipun demikian, tidak kira apa jua sumbangan tenaga kerja asing terhadap negara kita, kita mesti memastikan kemasukan mereka adalah melalui saluran-saluran yang halal. Kedatangan mereka ke negara ini juga tidak harus menimbulkan sebarang kesan negatif terhadap kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat kita sendiri. Oleh yang demikian, saya menyokong penuh langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan yang bertujuan membendung kebanjiran pendatang tanpa izin ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah disentuh oleh para pemimpin kita termasuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Utama Rais Yatim, salah satu sebab pendatang tanpa izin menjadi semakin meruncing mungkin berkait dengan perlakuan penyelewengan segelintir kakitangan kerajaan yang tidak bertanggungjawab dan komited dalam kerja mereka. Justeru itu, saya juga menyokong usaha-usaha kerajaan menyasat serta mengambil tindakan disiplin yang sewajarnya terhadap mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, jentera pentadbiran kerajaan tidak dapat berfungsi dengan cekap tanpa kakitangan kerajaan yang dedikasi. Kakitangan kerajaan bukan sahaja merupakan kaki dan tangan kepada kerajaan, sesungguhnya mereka juga merupakan mata dan telinga kepada kerajaan. Jadi, dalam soal tenaga kerja asing ini kakitangan kerajaan bukan sahaja perlu memantau dan membantutkan sebarang cubaan warga asing untuk masuk ke Malaysia secara haram, mereka juga harus bertindak dengan pantas apabila mendapati penempatan haram dibina oleh pendatang asing sama ada yang masuk ke Malaysia secara halal ataupun secara haram.

Kita perlu sedar bahawa penempatan haram warga asing tidak diwujudkan dalam masa satu hari, dua hari ataupun tiga hari tetapi sudah bertahun lamanya.

Proses mewujudkan penempatan haram ini di atas tanah kerajaan sepatutnya dapat dikesan oleh pihak kerajaan sejak awal lagi sekiranya kakitangan-kakitangan kerajaan bersikap lebih peka terhadap kegiatan atas perkembangan ini yang berlaku di sekeliling mereka.

Isu-isu pendatang haram ini juga adalah amat tinggi iaitu lebih kurang 5% hingga 10% di mana berbanding dengan penduduk-penduduk di negara kita. Kita boleh menghantar balik pendatang asing tetapi kita tidak boleh menghapuskan sebab kita mengetahui kerajaan membuat dasar baru untuk mengambil pekerja-pekerja asing daripada negara yang berlainan.

Dengan ini saya ingin mencadangkan bahawa kerajaan perlu ada satu dasar untuk pendatang asing dan satu bahagian di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk mengendalikan dan dijagai oleh pegawai-pegawai daripada kementerian yang berkenaan, kerana sebagaimana yang kita ketahui anak-anak pendatang asing yang lahir di sini, belajar di sini dan bekerja di sini, sehinggakan ada yang kahwin di sini yang sudah bertahun lamanya yang memenuhi syarat perundangan ataupun bukan perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab membendung masalah penempatan haram yang didirikan oleh warga asing tidak harus dipikul semata-mata oleh kakitangan kerajaan yang bertugas dengan pihak berkuasa tempatan. Pada pendapat saya, masalah ini hanya dapat diatasi dengan berkesan dengan kerjasama daripada semua kakitangan kerajaan tidak kira jabatan dan tugas khusus masing-masing. Misalannya anggota-anggota polis yang menjalankan rondaan mencegah jenayah di kawasan tertentu harus melaporkan pada pihak yang berkenaan untuk tindakan lanjut apabila mengesan sebarang usaha membina penempatan haram. Malahan orang ramai yang mengesyaki penempatan tersebut, adalah satu tindakan yang digalakkan untuk melaporkan kepada pihak kerajaan untuk tindakan yang sewajarnya.

Kakitangan kerajaan tidak harus memejamkan mata terhadap isu penempatan haram ini atas sebab masalah ini bukanlah dalam tugas mereka. Masalah ini mempunyai implikasi yang serius terhadap keselamatan negara dan ia harus dipandang berat oleh setiap warga Malaysia yang cintakan negara terutama kakitangan kerajaan yang merupakan mata dan telinga kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini semakin banyak peristiwa yang berkaitan dengan keselamatan negara yang membabitkan rakyat Malaysia mahupun warga asing yang telah berlaku.

Selain kewujudan penempatan haram warga asing di seluruh negara, berlaku juga insiden perompakan senjata api oleh kumpulan Al-Ma'unah, baru-baru ini 153 orang warga Afrika telah berjaya melarikan diri ketika dibawa ke depot tahanan imigresen di Kemayan, Pahang. Beberapa kejadian orang tahanan lari dari lokap polis

juga dilaporkan. Kesemua ini berpunca daripada kecuaiannya kakitangan kerajaan yang berkenaan.

Peristiwa-peristiwa ini sebenarnya dapat dielakkan jika kakitangan kerajaan yang berkenaan menjalankan tugas masing-masing dengan lebih cermat. Semua kakitangan kerajaan perlu sedar bahawa negara kita sedang berhadapan dengan pelbagai masalah yang semakin mencabar. Kita memerlukan kakitangan kerajaan yang cekap dan prihatin terhadap kesejahteraan rakyat dan bukannya kakitangan-kakitangan yang cuai ataupun lalai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman serba mencabar ini, seseorang kakitangan kerajaan yang cemerlang bukan sahaja mesti cekap dalam melaksanakan tugas spesifik yang berhubungan dengan jawatan masing-masing, malahan beliau juga harus mampu menganalisis perkembangan isu-isu makro yang mempunyai kesan ke atas keselamatan dan pembangunan negara dan mampu bertindak dengan sewajarnya.

Selepas insiden 11 September di Amerika Syarikat serta terdedahnya aktiviti-aktiviti kumpulan militan Malaysia di rantau ini, kita perlu memberi perhatian terhadap apa juga kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara. Cabaran-cabaran ini jika tidak ditangani dengan teliti akan membawa mudarat yang besar. Mencegah lebih baik dari mengubati. Apa guna kita menyesal kemudian setelah banyak nyawa terkorban, bangunan musnah dan aktiviti ekonomi terbantut.

Sebagai kesan langsung daripada proses globalisasi, gerakan individu masuk keluar ke sesebuah negara itu untuk pelbagai tujuan menjadi semakin kerap. Dalam usaha memajukan ekonomi negara ini, kita juga tidak dapat elak daripada mempelawa lebih ramai warga asing datang ke Malaysia. Misalnya, sejajar dengan usaha Malaysia mempromosikan industri pelancongan, kerajaan terpaksa melonggarkan peraturan berhubungan dengan kemasukan pelawat ke negara ini. Ini memandangkan kemudahan mendapat visa ataupun Pas Lawatan Sosial merupakan satu faktor yang diambil kira oleh warga asing ketika mereka merancang untuk program percutian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah warga asing yang masuk keluar Malaysia yang semakin tinggi merupakan tanda positif yang menunjukkan aktiviti ekonomi yang semakin rancak. Walau bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa mungkin tidak semua warga asing yang masuk ke Malaysia mempunyai niat yang baik. Sungguhpun mereka telah memasuki Malaysia dengan cara yang halal dengan visa atau pas yang sah, kita tidak dapat pastikan mereka tidak akan menggugat keselamatan negara. Oleh yang demikian, semua rakyat Malaysia terutamanya kakitangan kerajaan perlu lebih peka terhadap sebarang gerak-geri warga asing yang tidak memanfaatkan negara.

Dalam konteks ini, kita bukan sahaja mengharapkan kakitangan kerajaan dapat menjalankan tugas khusus masing-masing dengan cekap dan amanah, malah mereka juga harus bertindak dengan cepat apabila mengesyaki sesuatu yang tidak kena sedang berlaku atau akan berlaku. Kita mesti bersatu hati dan menggembeng tenaga untuk mengatasi kesemua cabaran dan ancaman yang dihadapi.

Kakitangan kerajaan yang menerima gaji daripada kerajaan sepatutnya menjalankan tugas yang diamanahkan dan bukannya menjadi alat kepada pihak yang tidak bertanggungjawab untuk cuba menggulingkan kerajaan. Perintah menandatangani surat Akujanji yang hangat diperbincangkan kebelakangan ini tidak patut dijadikan isu politik. Surat Akujanji ini boleh dianggap sebagai satu sumbangan kepada amalan melafazkan Rukun Negara ketika perhimpunan di sekolah-sekolah dan juga di sekolah-sekolah menengah. Bagi saya, ini cuma satu peringatan kepada kakitangan kerajaan supaya menjalankan tugas masing-masing demi kesejahteraan rakyat dan negara dengan lebih dedikasi dan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh tentang meritokrasi dalam Perkhidmatan Awam. Seperti mana yang saya bincangkan tadi, adalah nyata tanggungjawab seseorang kakitangan kerajaan menjadi semakin berat. Kesan daripada pembangunan negara dan kemajuan kepada peringkat global, saya memang menyokong apa jua cadangan untuk mengambil tindakan terhadap kakitangan kerajaan yang didapati gagal atau enggan menjalankan tugas yang diamanahkan dengan memuaskan. Namun pada masa yang sama, saya juga ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya sentiasa mengambil berat tentang gaji, elaun dan kebajikan kerajaan

serta keluarga mereka. Kita mesti mengiktiraf bahawa kakitangan kerajaan yang bersih, cekap dan amanah banyak menyumbang kepada pembangunan negara.

Justeru itu pihak kerajaan mempunyai kewajipan memberikan mereka ganjaran yang setimpal. Ini juga diselarakan dengan hasrat kerajaan untuk mengagihkan hasil pembangunan negara dengan lebih adil dan saksama. Kakitangan-kakitangan kerajaan selain bertanggungjawab berkhidmat kepada orang awam dan negara, mereka juga mempunyai tanggungjawab sebagai anak kepada orang tua mereka. Sebagai suami atau isteri kepada pasangan mereka dan sebagai ibu bapa kepada anak-anak mereka. Kakitangan-kakitangan kerajaan ini seperti mana kawan-kawan mereka yang berkhidmat di sektor swasta juga berharap mereka dapat memberikan satu kehidupan yang selesa dan berkualiti kepada ahli-ahli keluarga yang tersayang.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya berharap daripada pihak kerajaan agar dapat mengkaji skim saraan kakitangan-kakitangan kerajaan dari masa ke semasa. Skim gaji mereka harus diselarakan dengan lebih kerap dan mengambil kira kadar inflasi, peningkatan kos hidup yang pesat serta tanggungjawab yang semakin mencabar. Kakitangan-kakitangan kerajaan yang mewujudkan perkhidmatan yang cemerlang, wajar diberi kenaikan pangkat, kenaikan gaji dan peluang untuk melanjutkan pelajaran dan sebagainya. Secara ringkas, dasar meritokrasi mesti diamalkan dalam Perkhidmatan Awam sekiranya kita benar-benar komited mewujudkan satu jentera pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh bidang pelancongan. Langkah kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pelancongan yang terunggul di rantau Asia Tenggara ini adalah satu langkah bijak serta keputusan yang tepat memandangkan setiap negeri yang terdapat dalam negara ini telah tersedia tempat serta kawasan-kawasan pelancongan yang tersendiri mengikut identiti kenegerian masing-masing yang boleh dinaikkan taraf dengan pelbagai kemudahan agar setiap tempat serta pusat pelancongan tersebut mencapai *standard* piawai pelancongan yang diperlukan oleh pihak jawatankuasa pelancongan antarabangsa.

Di samping itu dengan keputusan kerajaan dengan mengadakan program serta aktiviti yang berkonsepkan kemasyarakatan di Malaysia yang berbilang kaum, akan menjadikan corak kebudayaan negara menjadi lebih unik serta menarik dan saya mengesyorkan kepada pihak kementerian agar promosi ini perlu diperluas di peringkat antarabangsa agar maklumat yang berhubung dengan negara ini akan dapat diketahui oleh penduduk luar negara.

Di negeri Selangor, Kawasan Parlimen Kuala Selangor sendiri telah tersedia tempat pelancongan yang agak unik iaitu di Bukit Melawati, Kuala Selangor. Ia satu kawasan peninggalan sejarah di zaman pemerintahan Kesultanan Selangor menentang kerajaan Belanda dan Jepun. Dengan menjadikan Bukit Melawati sebagai kubu pertahanan dan juga tempat persinggahan golongan raja-raja pada masa itu.

Di samping itu juga kita akan boleh melihat kelip-kelip di sekitar kaki Bukit Melawati itu pada waktu malam yang mana tempat ini adalah merupakan tempat tarikan para pelancong luar negara. Untuk kemajuan tempat pelancongan yang sedia ada, saya memohon kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk menaikkan taraf tempat bersejarah serta tempat pelancongan seperti ini agar ianya lebih menarik serta selesa untuk menerima kunjungan pelancong dari luar negara ke atas pelbagai produk pelancongan yang tersedia di kawasan Parlimen Kuala Selangor. Selaras itu menambah baik lagi kualiti perkhidmatan pelancongan di bawah Program Mesra Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya program perumahan rakyat terutamanya pihak golongan yang berpendapatan rendah, wajar pihak kerajaan memberikan penumpuan agar setiap daripada mereka mendapat kemudahan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu untuk dimiliki. Syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan yang mana setiap rumah hari ini mempunyai tiga bilik maka barulah selesa pada setiap keluarga.

Memandangkan masih terdapat lagi kekurangan rumah-rumah untuk golongan yang berpendapatan rendah, saya menggesa kepada pihak kerajaan supaya mempertingkatkan lagi membina rumah-rumah di kawasan strategik agar setiap daripada mereka yang berpendapatan rendah mampu untuk memiliki rumah sendiri

agar mengurangkan beban mereka yang berkeluarga supaya hidup dalam kesempurnaan serta selesa di samping pertumbuhan ekonomi negara turut juga berkembang.

Namun, pihak kerajaan juga harus tegas di atas tumpuan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan mewujudkan suasana hormat menghormati, kawasan persekitaran yang bersih, selesa, selamat dan mesra dan dengan tindakan mewujudkan ahli Jawatankuasa Taman Perumahan yang berkonsepkan mesra di antara semua pihak tanpa mempersoalkan kedudukan kaum dan agama.

Dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Nor Azah.

4.47 ptg.

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyokong penuh Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di mana kita telah digariskan usaha-usaha kerajaan secara berterusan dalam memastikan negara kita tidak terjerumus di dalam masalah kemelesetan ekonomi yang sedang melanda dunia.

Langkah positif seperti strategi dan polisi ekonomi kita yang dipandu secara dalaman atau dengan izin, *domestic-driven economic policies* di samping juga rangsangan fiskal yang melebihi RM7 bilion membuktikan komitmen jitu kerajaan untuk memastikan rakyat terutama golongan luar bandar dan kurang bernasib baik tidak merana ekoran kelembapan ekonomi yang melanda dunia.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang tidak dapat kita ketepikan ialah perkembangan mutakhir yang kita saksikan ini yang sangat membimbangkan. Untuk menghayati dan mendalami fenomena perubahan lanskap ini, marilah kita pergi semula kepada era negara kita sebelum krisis 1997. Negara kita pada selama lapan tahun sebelum itu mencatatkan pertumbuhan yang paling tinggi dan berterusan iaitu secara *sustainable*, dengan izin, pada kadar 8% atau lebih. Perusahaan mencatatkan pertumbuhan yang sihat, pasaran saham yang aktif, *liquidity*, dengan izin, atau kecairan modal yang lumayan dan mudah diperolehi sama ada di dalam atau luar negara, pelaburan dan modal asing yang tinggi dan lain-lain yang sangat memberangsangkan.

Jika dahulu kita pernah menyaksikan *Industrial Revolution*, dengan izin, di mana perubahan yang agak sama berlaku iaitu di mana mesin dan jentera mengambil tugas tenaga manusia. Kini pada tahun 1997 atau sekitar tahun tersebut, kita pula menyaksikan fenomena yang saya panggil *Electronic Revolution* di mana ICT atau kuasa elektronik dan internet menggantikan mesin dan manusia. Sesuatu usaha seperti memanipulasikan mata wang bukan sahaja sesebuah negara malahan merangkumi negara-negara serantau iaitu Asia tidak akan berjaya tanpa kuasa internet atau tanpa alatan elektronik yang hebat dan canggih.

Tindakan sedemikian memerlukan komunikasi secara *real time*, dengan izin, dan dibantu dengan maklumat yang terkini dan tepat. Ini hanya dapat dijayakan dengan prasarana *global access* yang pada masa itu sudah diwujudkan. Seluruh negara serantau ASEAN dan Asia juga dilumpuhkan sekali gus tanpa memberi peluang kepada mana-mana negara untuk mengambil langkah-langkah kawalan atau strategi defensif.

Tuan Yang di-Pertua, dunia kita, kita tidak boleh nafikan sudah menjadi terlampau *transparent*, dengan izin, atau telus. Kita tidak lagi dapat berselindung dari segi maklumat negara yang sebelum ini dapat kita jadikan perisai atau senjata kita. Ini belum lagi keadaan yang rasmi di mana kesemua sempadan kita akan dihapuskan secara rasmi apabila WTO dilaksanakan. Malahan tahun 2003 iaitu tahun hadapan kita akan menyaksikan liberalisasi pada tahap serantau iaitu AFTA.

Apakah moral atau pengajaran yang kita harus hayati daripada pergolakan dan pengalaman yang sengit yang kita telah lalui ini. Pada pendapat saya, bermulalah pula kehidupan yang baru di mana kita harus mengubah ciri-ciri kehidupan kita sejajar dengan perubahan lanskap yang baru ini. Apa yang lebih membimbangkan ialah teknologi dan alat elektronik tersebut adalah fenomena yang berubah dengan pantas sekali, bermakna kita juga harus sentiasa peka dan sentiasa dinamik dan dapat menyesuaikan diri kita secara spontan.

Lihat kepada insiden 11 September baru-baru ini. Kalau dulunya ia mungkin diklasifikasikan sebagai sesuatu insiden dalaman yang memberi kesan kepada negara tersebut sahaja, kini ia menjadi satu isu dunia. Cuba saya memfokuskan implikasinya dari aspek ekonomi dan perdagangan. Secara spontan Amerika Syarikat melaksanakan langkah-langkah dengan izin, *anti-recessionary*, tindakan yang tergesa-gesa dalam keadaan panik. Dengan maklumat yang diperolehi dengan hanya satu klik di komputer mereka, mereka terus mengalih pembelian import dari negara yang mana kos pengeluarannya paling rendah dan kompetitif iaitu negara China. Akibatnya, misalnya kepada negara kita ialah industri elektronik yang mana firma asing mula mengambil langkah memindahkan operasi pengeluaran mereka ke negara yang kosnya murah. Pekerja-pekerja hilang pekerjaan, lain-lain implikasi ekonomi sampingan yang menurunkan kadar pertumbuhan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, insiden tersebut hanyalah satu daripada pelbagai lagi yang mungkin dan akan berlaku di masa hadapan. Apa yang harus kita lakukan sekarang? Kita haruslah bersedia dengan cabaran tersebut dengan memperkasakan negara kita, rakyat kita, minda kita dan budaya kita. Dari segi etika kerja, bertanggungjawab dalam semua aspek yang selari dengan kebertanggungjawaban atau *accountability*, dengan izin. Sebagai permulaan, syabas kepada pemimpin kita, kerajaan kita yang mana telah menyediakan prasarana ICT yang canggih setanding di dunia di samping infrastruktur fizikal yang bertaraf dunia seperti jalan raya, pengangkutan udara, pelabuhan, telekomunikasi, tenaga yang cukup dan kesemua kemudahan lain. Juga keadaan politik yang stabil bersama dengan tenaga manusia yang *literate*, dengan izin, sekarang kita harus mengoptimumkan kedudukan kita dengan penggunaan prasarana tersebut. Apakah perubahan-perubahan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, di antara lain, izinkan saya menggariskan beberapa langkah dan perubahan yang saya rasa harus dilaksanakan:

Pertama, tenaga kerja haruslah mahir, haruslah terlatih. Ini harus bermula dari tahap sekolah lagi. Kursus kemahiran harus dikhususkan dan *apprenticeship*, dengan izin, dan vokasional diberi tumpuan. Penuntut harus dikhususkan mengikut tumpuan minat dan kecerdikan individu dan ini harus dikenal pasti pada usia yang muda lagi terutama dalam sains dan teknologi.

Kedua, perusahaan haruslah berteraskan teknologi yang canggih, yang ulung dan dilahirkan kalau boleh diilhamkan di negara kita. Jika perlu, kita patut beli teknologi dari negara luar dan dibawa ke negara kita dan dikawal di negara kita. Kita harus mengurangkan kebergantungan kita kepada kuasa asing dalam industri pembuatan kita.

Ketiga, ini bermakna pusat-pusat R&D - *Research and Development*, dengan izin, iaitu penyelidikan harus diperkembangkan dan mengeluarkan ciptaan dan ilham teknologi yang boleh dikomersilkan di mana pasarannya haruslah global kerana pasaran kita terlalu kecil untuk mencapai matlamat kos rendah berasaskan *economy of scale*.

Keempat, syabas atas polisi MITI tidak menggalakkan industri berteraskan tenaga manusia kerana kita tidak akan dapat menyaingi negara-negara yang murah kos pengeluaran seperti China dan juga negara jiran kita seperti Thailand, Indonesia dan Filipina.

Kelima, memusatkan lagi usaha kita dalam langkah yang telah diambil oleh kerajaan iaitu dari segi dana teknologi, *cyber park*, *technology park*, *biotechnology park* dan pelbagai lagi.

Keberkesanan usaha-usaha ini masih boleh diperhebatkan lagi dengan usaha melahirkan usahawan teknologi atau *techno-preneur*. Kementerian Pembangunan Usahawan harus mengutamakan langkah ini dengan perancangan yang teratur dan komprehensif.

Keenam, di dalam aspek keusahawanan juga, kita lihat usahawan cemerlang masa kini adalah mereka yang mengkhususkan perniagaan mereka dalam sesuatu industri dan bukan lagi dalam perusahaan pelbagai. Umpamanya, usahawan terkaya, terkenal dan paling cemerlang sekarang ini ialah Bill Gates dari Microsoft sementara sebelum itu iaitu sebelum Revolusi Elektronik yang saya panggil itu, adalah Warren Buffet yang mana beliau adalah usahawan pelbagai dan merupakan lebih dikenali

sebagai pelabur dalam pelbagai industri. Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, perubahan daripada *generalist* kepada *specialist*.

Ketujuh, minda kita harus juga diubah. Dunia telah menjadi satu pasaran yang terlalu sengit dari segi persaingan. Pasaran telah mencapai tahap *perfect* dengan izin, di mana maklumat senang diperolehi dari mana-mana sudut.

Ini bermakna, semua perusahaan harus meneliti kos-kos mereka dengan rapi. Tidak ada lagi peluang untuk mendapatkan keuntungan yang dipanggil *extraordinary profits* dengan izin, yang selama ini dapat diperolehi kerana maklumat dahulu tidak tepat dan mungkin sukar untuk diperolehi. Ini bermakna, kalau dahulunya, kita mengalami dengan izin, *imperfect market position*;

Kelapan, pengusaha-pengusaha juga harus sentiasa sedar tentang apa-apa pergolakan dalam pasaran atau dalam sesuatu industri yang dipanggil *market intelligence*. Usaha-usaha berkongsi secara bestari atau *smart partnership* dengan pengusaha di negara luar harus digalakkan, sama ada negara yang murah kos pengeluarannya atau negara yang maju dari segi teknologinya atau negara yang mempunyai pasaran yang luas dan tinggi kuasa membeli atau dengan izin, *consumers with high purchasing power*.

Kesembilan pula adalah usaha-usaha kita haruslah ditumpukan kepada pengeluaran makanan yang cukup. Keadaan kita sekarang yang mengimport jumlah bahan makanan yang terlalu tinggi akan mengakibatkan kita bergantung negara lain dan makanan adalah keperluan asas.

Dengan pergolakan politik di dunia seperti keganasan dan lain-lain, mungkin memberikan kita amaran dan kesedaran betapa pentingnya usaha untuk mengeluarkan makanan kita sendiri. Kalau bukan semua, sebahagian besar daripadanya. Pertanian haruslah dimodenkan dengan penggunaan teknologi pertanian yang canggih, dengan izin *high productivity*.

Dengan pandangan-pandangan tersebut Tuan Yang di-Pertua dan langkah-langkah-langkah tersebut, kesemua pihak berkenaan, sama ada pihak awam, pihak kerajaan, pihak swasta, maka matlamat negara kita, insya-Allah akan tercapai.

Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Datuk Dayang Mahani.

5.00 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Okaylah, terima kasih banyak. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim* Tuan Yang di-Pertua.

Saya ucapkan ribuan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Parlimen pada Penggal Yang Kesepuluh, pada 11 Mac, 2002. Sebelum saya melanjutkan ucapan ini, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada keempat-empat Ahli Dewan Negara yang baru dilantik.

Saya mengucapkan syukur dan rasa terharu kerana sungguh pun Perlembagaan baru sahaja dipinda untuk memberikan kesaksamaan kepada wanita, namun Kerajaan Tuanku masih terus memberikan perhatian kepada undang-undang susulan yang perlu digubal untuk menentukan supaya semua perkara yang melibatkan kepentingan dan kemajuan wanita dapat diselesaikan dari segi kesaksamaan.

Tuan Yang di-Pertua, dua bulan yang lalu Sabah telah dikejutkan dengan berita mengenai penglibatan beberapa orang anak gadis yang terperangkap dengan gejala, masalah masyarakat. Sungguh pun ini bukan satu perkara baru, namun ia tetap merupakan satu masalah yang perlu diberi perhatian. Ramai anak-anak muda kita terperangkap disebabkan janji-janji palsu yang telah dibuat oleh agensi-agensi tertentu yang memberikan gambaran mengenai gaji yang lumayan dan kedudukan mewah, mendapatkan pekerjaan yang ditawarkan di Semenanjung. Kita tidak nafikan, ada juga pihak yang bernasib baik kerana mereka tidak jatuh ke tangan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab tetapi bagi mereka yang menjadi mangsa, mereka terjerumus di dalam kancah dan teraniaya akibat dari perbuatan agensi-agensi yang tidak bertanggungjawab ini.

Namun, kita juga tidak boleh mempersalahkan anak-anak muda ini disebabkan sebahagian besar daripada mereka datang daripada kawasan-kawasan yang jauh, yang juga tidak mempunyai pelajaran yang tinggi dan sebaik sahaja mereka ini gagal sama ada di Tingkatan Tiga ataupun di peringkat sekolah rendah ataupun menengah, maka mereka berhenti daripada sekolah dan membantu keluarga mereka. Pada hemat saya, sungguh pun ada beberapa sebab yang menjadi punca masalah, akan tetapi saya suka meninjau beberapa perkara yang mungkin boleh diatasi, yang bermula daripada masalah pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang gagal di dalam SPM tetapi lulus PMR, sesetengah pihak majikan akan menganggap mereka ini hanya layak sebagai pekerja bergaji murah yang tidak ada bezanya dengan buruh asing. Disebabkan tanggapan ini, anak-anak muda ini berhijrah ke bandar-bandar besar dan sanggup membuat apa sahaja kerja asalkan dapat menampung diri sendiri dan sedikit sebanyak menghantar pulang wang perbelanjaan kepada ibu bapa mereka di kampung. Apabila berada jauh daripada kampung halaman, begitu sukar untuk mendapatkan bantuan keluarga dan kawan-kawan, setelah tertipu, anak-anak muda ini terperangkap, akhirnya terlibat dengan perkara-perkara yang tidak diingini.

Laporan yang dikeluarkan oleh pihak *Pink Triangles Foundation* sebuah badan NGO mengenai penglibatan anak-anak Sabah di Semenanjung di dalam kegiatan maksiat, jika benar, adalah satu laporan yang membimbangkan. Saya mencadangkan supaya belia-belia yang datang daripada luar bandar, terutamanya yang tidak mempunyai kelulusan, diberikan latihan kemahiran dan cadangan ini saya harap supaya pusat-pusat latihan tidak mengenakan syarat-syarat terlalu berat supaya peserta mempunyai sekurang-kurangnya pangkat 2 di dalam SPM bagi kursus-kursus latihan yang ditawarkan.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya pengambilan peserta ke pusat-pusat latihan hendaklah dibebaskan daripada syarat-syarat kelulusan SPM. Tujuan kita ialah untuk memberikan latihan dan kemahiran di dalam bidang-bidang yang diminati dan bidang-bidang yang amat diperlukan oleh pasaran, supaya memudahkan mereka ini mendapat pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memadailah dengan mereka ini dapat mengikuti persekolahan sehingga sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Maka mereka hendaklah diberikan peluang yang seluas-luasnya untuk mengikuti kursus-kursus latihan kemahiran. Dengan cara ini, belia-belia yang meninggalkan bangku sekolah akan lebih bersedia lagi untuk memasuki pasaran tenaga kerja mahir dan tidak mudah jatuh ke tangan pemain agensi-agensy yang tidak bertanggungjawab.

Kadangkala kelulusan semata-mata belum tentu dapat menjamin kejayaan seseorang. Potensi seseorang hanya boleh diukur dari ketekunan dan kerajinan. Ada kalanya kelemahan seseorang di dalam bidang pendidikan akan dapat diatasi dengan ketekunan, kerajinan dan keazaman mereka untuk menjadi orang yang berjaya. Apa yang diperlukan ialah peluang kali kedua, ataupun *second chance*, dengan izin, yang mungkin boleh membuka potensi sepenuhnya seseorang itu.

Melalui Dewan yang mulia ini, saya juga memohon kepada pihak yang bertanggungjawab – pihak polis atau Kementerian Buruh dan Tenaga, supaya menyemak kesahihan agensi-agensy yang datang ke Sabah yang menjalankan temu duga untuk mengambil pekerja-pekerja daripada Sabah, dengan menentukan hanya mereka yang berwibawa atau mempunyai *track record* sahaja, dibenarkan untuk menjalankan kegiatan sebagai agen ataupun agensi pengambilan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, kes sumbang mahram semakin menjadi-jadi di negara kita, dan sehingga kini hampir 500 kes yang telah dilaporkan. Pada tahun 1998 – 205 kes; tahun 1999 – 184 kes; tahun 2000 – 136 kes; tahun 2001 (dari bulan Januari hingga Mei) – 73 kes, yang merangkumi hampir 500 kes. Kes ini tidak boleh disamakan dengan kes seks seperti rogol, kerana perbuatan ini adalah amat terkutuk disebabkan perilaku yang curang oleh manusia yang tidak mengenal batasan di dalam kehidupan dan tabii manusia, dan perbuatan ini adalah salah dari segi agama, salah dari segi moral, dan bertentangan dengan hukum alam dan bertentangan dengan hukum *genetic* manusia.

Saya juga menyokong penuh dengan cadangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya mengenakan hukuman yang lebih berat atas kes-

kes yang melibatkan sumbang mahram. Sungguhpun Seksyen 376 (a) *Penal Code* telah dipinda untuk menjatuhkan hukuman yang berat kepada pesalah sehingga dipenjarakan hingga 20 tahun dan disebat, Undang-undang Syariah juga hendaklah menurunkan hukuman yang sama berat, supaya ia menjadi contoh kepada orang lain untuk tidak melakukan jenayah yang terukutuk ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu cabaran yang dihadapi oleh EPF hari ini ialah bagaimana hendak mengendalikan pertumbuhan berbagai-bagai instrumen simpanan jangka panjang, termasuk *unit trust* dan skim-skim insurans, untuk memupuk kepercayaan awam terhadap sistem yang boleh menjamin masa depan individu apabila berlaku kehilangan nyawa, masa tua, dan kekurangan daya kesihatan. Kita tidak boleh nafikan bahawa tiap-tiap negara akan mempunyai warga tua masing-masing. Mana-mana negara yang angka warga tua sampai ke paras 10% dari jumlah penduduknya, maka negara itu diiktiraf sebagai, dengan izin, *the aging country*. Dari laporan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang dibuat beberapa hari yang lalu, berdasarkan kepada unjuran penduduk tahun 2010 dan 2020, jumlah warga tua negara kita dianggarkan seramai 2.1 juta, iaitu 7.3% dan pada tahun 2010 akan menjangkau 3.2 juta atau 9.5% dalam tahun 2020.

Dunia hari ini menghadapi perubahan demografi yang terbesar, dan daripada kenyataan Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu dua hari yang lalu, di dalam perhimpunan untuk membincangkan mengenai masyarakat tua, dengan izin, *World's Summit on Aging* di Madrid, Spain menghantar satu isyarat yang membimbangkan, oleh kerana di antara sekarang hingga tahun 2050, jumlah warga tua akan meningkat di antara 600 milion kepada 2 bilion manusia. Dalam masa kurang daripada tahun 2050, untuk pertama kalinya di dalam sejarah, jumlah manusia yang berumur 60 tahun adalah lebih daripada jumlah manusia yang berumur kurang daripada 15 tahun. Ini juga bererti dalam masa 50 tahun, jumlah warga tua akan meningkat sebanyak empat kali ganda.

Kita sedar kementerian mempunyai Dasar Warga Tua Negara. Namun, saranan-saranan terbaru mengenai kebijakan warga tua hendaklah dipadankan dengan pelan tindakan yang telah diwujudkan untuk negara-negara membangun. Sungguhpun kerajaan telah mewujudkan beberapa jawatankuasa kecil untuk menjalankan program-program warga tua, sambil menyediakan pusat jagaan harian, namun usaha sebenar juga terletak di atas bahu kita, tentang bagaimana menggerakkan minda masyarakat dengan satu kesedaran yang begitu serius, sifat-sifat masyarakat penyayang, di dalam apa jua kegiatan yang dijalankan oleh kerajaan mahu pun di tengah-tengah keluarga dan masyarakat. Semua perancangan, baik dari segi fizikal mahu pun dari segi perkhidmatan prasarana mestilah memikirkan nilai-nilai yang boleh memudahkan pergerakan dan keperluan orang tua.

Saya boleh mengambil contoh, umpamanya, kalaulah kita keluar hari ini di mana-mana sahaja, kita nampak di tepi-tepi jalan, paras jalan dengan paras lorong kaki lima atau lorong berjalan kaki, kalaulah kita bawa seorang orang tua yang menggunakan kerusi roda, dengan sendirinya tidak mudah untuk orang tua itu naik ke atas kaki lima itu ataupun *pedestrian* ataupun laluan pejalan kaki, sebab parasnya terlalu tinggi, melainkan orang tua ini dibantu oleh orang lain. Kalau kita pergi ke pusat-pusat *shopping centre* ataupun pusat-pusat membeli-belah, kita boleh nampak bahawa tandas-tandas yang perlu digunakan oleh orang-orang kurang upaya, digunakan sebagai stor-stor, bukan pula digunakan untuk kegunaan orang-orang yang kurang upaya ini. Seharusnya benda-benda yang telah disediakan, diwajibkan, kemudahan ini dapat dinikmati oleh orang-orang kurang upaya ataupun orang-orang warga tua kita.

Dan kalau kita lihat sekarang ini, di hotel-hotel, saya tidak katakan semua hotel tidak ada lorong ataupun *ramp* untuk kemudahan orang-orang kurang upaya atau orang-orang tua, tetapi banyak hotel masih lagi menggunakan tangga-tangga – kalau pun tidak tiga tangga, lima tangga, tujuh tangga dan tidak mempunyai kemudahan *access* bagi orang-orang yang kurang upaya.

Selain daripada itu pejabat-pejabat pos, pejabat-pejabat kerajaan yang perlu dilawati mungkin oleh kerana misalnya hendak membuat pasport di Jabatan Imigresen di mana banyak pejabat kerajaan kita nampak masih lagi menggunakan tangga-tangga *excess* yang tidak membolehkan orang-orang tua atau orang kurang upaya datang ke pejabat-pejabat ini dengan mudah.

Saya sedar bahawa memang sudah ada rang undang-undang yang menetapkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, rang undang-

undang kecil yang memerlukan supaya kemudahan ini disediakan tetapi yang perlu ialah untuk kita memantau sejauh mana kontrak-kontrak ataupun pelan-pelan yang telah diluluskan dapat dilaksanakan seperti yang diperlukan.

Di kebanyakan negara membangun, konsep keselamatan masa depan bersandarkan kepada penjagaan daripada semasa di buaian sehinggalah ke kubur ataupun daripada semasa di buaian hingga ke liang lahad dengan izin, konsep *cradle to grave* sama juga apabila kita sebut cerita tentang pendidikan, *life-long learning* maknanya kita belajar daripada kita di buaian sehingga kita masuk ke liang lahad tetapi begitu juga konsep sayang, kemesraan dan perlindungan untuk keluarga kita amalkan konsep *from cradle to grave*.

Keadaan ini bertambah serius apabila terputusnya ikatan kekeluargaan yang secara tradisi menimbulkan tanggungjawab menjaga orang tua yang juga akan ditelan masa apabila berlaku perubahan kepada persekitaran. Apabila kita bercakap mengenai warga tua, kita tidak bercakap mengenai orang lain, malah kita bercakap mengenai diri kita sendiri yang tidak berapa lama lagi akan menjangkau ke alam tersebut ataupun sudah berada dalam alam yang disebut.

Tuan Yang di-Pertua, EPF telah memainkan peranan yang amat penting kepada kehidupan rakyat Malaysia. Sebanyak RM1.2 bilion telah dikutip setiap bulan dari 9.2 orang juta pencarum. Dasar pelaburan EPF adalah berpandukan kepada pelaburan yang berisiko rendah tetapi mempunyai pulangan yang tinggi. EPF adalah dikehendaki membayar dengan penuh termasuk dividen kepada pencarum. Dalam tahun 1999, ia telah mengeluarkan sebanyak RM1.97 bilion kepada mereka yang bersara apabila umur mereka sampai kepada 55 tahun. Ini tidak termasuk pengeluaran wang untuk perumahan dan keperluan perubatan. Sebagai sebuah institusi yang terbesar dan berteras untuk melindungi masa depan pesara apabila sampai pada masanya, saya mencadangkan satu program mandatori dibangunkan untuk memberikan bantuan kewangan dan bantuan perubatan kepada warga tua.

Selain daripada itu, syarikat-syarikat insurans sebagai satu kumpulan juga hendaklah membangunkan program-program pilihan sebagaimana ia membentuk insurans kesihatan ataupun program yang seumpamanya yang dijalankan oleh kementerian bagi insurans kurang upaya ataupun *handicapped insurance*.

Memang tidak dapat dinafikan lanjutan tempoh hayat bagi seseorang lelaki meningkat kepada 70 tahun dan wanita kepada 75 wanita disebabkan kejayaan merancang keluarga dan kemudahan kesihatan yang lebih baik ditambah pula pada hari ini pelbagai penemuan terbaru yang boleh melambatkan proses penuaan atau kadangkala disebut dengan izin, *reversing the aging process*. Kini diakui bahawasanya *aging is a disease*, ketuaan itu adalah satu penyakit.

Jika suasana hidup baik, perubatan cukup, diikuti dengan bersenam dan pemakanan yang seimbang, insya-Allah jangka hayat kita akan bertambah dan kesihatan kita akan dapat dalam keadaan yang memuaskan. Di sini kita rasa amat bertuah kerana mungkin ada sesuatu rahsia yang boleh kita pelajari daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Bukan sahaja kita perlu belajar cara menjaga kesihatan malah rahsia untuk terus menjadi awet muda dan cergas. Kita tahu umur beliau dan kalau kita pandang kecergasan beliau, kita yang muda boleh malu. Jadi, saya rasa banyak yang boleh kita pelajari daripada Yang Amat Berhormat.

Percayalah pandangan saya mengenai dengan warga tua. Ini ikhlas dan saya berharap Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa menyambut tahun antarabangsa warga tua pada bulan Oktober nanti, akan menjalankan program-program kesedaran secara meluas supaya dapat atau akan terbayang pada pemikiran mereka sifat-sifat dan semangat bahawa di dalam masyarakat ini masih ada yang mengingati mereka.

Saya tidak bermaksud untuk mengulangi apa yang telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada pagi ini dan dengan ini saya menyokong dan mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional atas kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kejayaannya memimpin negara dengan cemerlangnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan See Too Mee.

5.21 ptg.

Puan See Too Mee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk saya mengambil bahagian dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, hingga setakat ini negara kita masih menghadapi pelbagai ancaman yang merupakan tekanan dari luar dan dalam negara kita sendiri. Ancaman luar termasuklah pelbagai konflik di antara negara-negara jiran baru-baru ini. Manakala masalah dalaman merupakan pelbagai isu keselamatan, sosial dan pembangunan ekonomi yang timbul dari masa ke semasa.

Kita penuh yakin bahawa segala isu yang berkenaan dapat diselesaikan melalui meja perundingan khasnya berkaitan dengan konflik antara negara. Sejak kemerdekaan negara kita telah mengamalkan prinsip bebas dan berkecuali. Pendirian negara kita adalah jelas demi mewujudkan hubungan yang baik dengan semua negara di dunia tanpa mengira fahaman politik dan corak pemerintahan serta tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara lain. Perhubungan yang baik di antara negara kita dengan negara-negara lain serta kestabilan politik negara kita telah membawa kepada kemajuan dan pembangunan yang pesat selama ini. Sebagai salah sebuah negara yang terletak dalam kawasan Asia Tenggara, beberapa negara di rantau ini seperti Filipina, Thailand, Singapura dan Indonesia adalah merupakan negara-negara jiran yang rapat dan di antaranya berkongsi sempadan dengan negara kita.

Tidak dapat dinafikan hubungan dari segi geografi ini sedikit sebanyak telah menjadi punca konflik mengenai beberapa isu yang menyentuh kepentingan negara masing-masing. Di antaranya seperti mana berikut:-

- (i) tuntutan isu-isu wilayah, pertikaian wilayah dan sempadan maritim serantau sering ditimbulkan di antara negara Filipina, Singapura, Indonesia dan ini tidak termasuk isu tuntutan bertindih mengenai pulau-pulau dan terumbu-terumbu di Laut China Selatan. Antaranya tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah, Singapura ke atas Pulau Batu Putih dan tuntutan Indonesia ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan; dan
- (ii) segala pertikaian dan tuntutan wilayah telah diadakan perundingan secara damai dan dibawa kepada penyelesaian di mahkamah dunia.

Namun demikian segala isu yang berkaitan ini tidak menjejaskan hubungan baik di antara negara-negara yang terlibat.

Tentang sikap negara jiran, Singapura merupakan negara yang mempunyai hubungan paling rapat dengan negara kita dari segi kedudukan geografi dan hubungan sejarah. Negara kita sebagai negara yang mengamalkan prinsip menghormati jiran juga mengharap jirannya melakukan perbuatan yang sama. Malangnya baru-baru ini isu menambak laut oleh pihak Singapura yang dipercayai turut membawa kesan buruk kepada ekonomi dan ekologi negara kita. Pemimpin kita telah berkali-kali menyuarakan hasrat dan harapan kita tentang isu ini tetapi tidak mendapat tindak balas yang positif daripada pihak Singapura.

Dalam hal ini, pemimpin Singapura perlu bersikap peka dan lebih bertanggungjawab terhadap masalah dan kedudukan jirannya. Perundingan demi mendapatkan penyelesaian perlu diadakan kerana ianya membabitkan kepentingan kedua-dua negara. Begitu juga dengan sebuah lagi negara jiran iaitu Indonesia yang telah mengakibatkan keadaan jerebu berleluasa di negara kita sebelum ini.

Selain daripada itu, kehadiran pendatang tanpa izin secara beramai-ramai dari Indonesia telah menimbulkan pelbagai masalah keselamatan, sosial dan menjadi satu bebanan ekonomi kepada negara kita. Selama ini, keadaan pendatang tanpa izin semakin ketara dan pihak Kerajaan Indonesia tidak menunjukkan keprihatinan dan tindakan dalam menangani masalah ini.

Apa yang penting sekali bahawa hanya tindakan negara kita untuk menangkap dan mengusir para pendatang tanpa izin tersebut tidak akan berkesan sama sekali

sekiranya tidak memperoleh kerjasama dari pihak negara asal pendatang yang berkenaan. Pihak negara asal pendatang tanpa izin yang berkenaan seperti Indonesia perlu mengambil inisiatif untuk memberi kerjasama dalam hal ini iaitu mengadakan pengawasan yang lebih rapi terhadap rakyatnya.

Adalah amat penting sekali rakyat negara berkenaan diberi didikan untuk menghormati negara yang dikunjunginya iaitu menghormati dan mematuhi undang-undang negara berkenaan. Negara asal para pendatang perlu memastikan rakyatnya dibekalkan dokumen perjalanan yang sah sebelum memasuki negara lain sebagai satu prinsip utama.

Masalah yang muncul dalam negara termasuklah masalah pengangguran, masalah pendatang tanpa izin, masalah penagih dadah, keganasan, gangguan seksual dan sebagainya.

Saya sangat mengalu-alukan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu perhatian akan juga diberi kepada wanita yang menghadapi masalah seperti keganasan dan gangguan seksual.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menggubal dasar wanita negara pada tahun 1989 sebagai pengiktirafan kepada sumbangan wanita dalam pembangunan negara. Wanita terdiri daripada kira-kira separuh penduduk negara Malaysia. Sebagai isteri dan ibu, wanita merupakan tenaga utama di dalam membentuk generasi akan datang untuk menjadi warganegara Malaysia yang progresif dan berkualiti.

Walaupun Perlembagaan Persekutuan telah dipinda untuk tidak membenarkan perbezaan di kalangan rakyat, asas jantina di samping asas-asas lain dan tindakan susulan untuk menyemak semua undang-undang diselaraskan dengan peruntukan tersebut. Masalah kaum wanita masih sering ditimbulkan seperti keganasan gangguan seksual, tuntutan nafkah, ibu tunggal, penceraian, hak jagaan anak dan sebagainya.

Keganasan rumah tangga dilakukan oleh suami terhadap isteri akibat daripada pergaduhan antara dua belah pihak. Isteri selaku mangsa penderaan bukan sahaja menghadapi masalah mental yang serius seperti tekanan perasaan akibat daripada perbuatan tersebut malah ianya menjejaskan kesihatan mangsa.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Boleh sambung hari esok.

Puan See Too Mee: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua telah memaklumkan sebelah pagi esok mungkin dapat 4, 5 orang lagi berucap. Jadi, harap bersedia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Majlis Mesyuarat kita hingga ke hari esok jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.